



JABATAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA



LAPORAN AKTIVITI 2016

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Excellent Accounting @ Your Service



KANDUNGAN

002 **Perutusan Akauntan Negara Malaysia**

004 **Latar Belakang**

005 **Visi, Misi & Objektif**

006 **Carta Organisasi**

008 **Pengurusan Tertinggi 2016/2017**

010 **Nilai Bersama & Etika Kerja**

012 **Piagam Pelanggan**

013 ***Tagline & Lagu***

015 **Diari**

Laporan Pencapaian

021 • **Pengurusan Tertinggi**

037 • **Pengurusan Korporat**

085 • **Pengurusan Operasi**

110 • **Majlis Bersama Jabatan (MBJ)**

111 • **AKRAB**

115 • **Persatuan**

129 • **Kelab**

134 **Senarai Ahli Jawatankuasa**

135 **Penghargaan**

PERUTUSAN

AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,
Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.



Pertama sekali, syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izin dan limpah kurnia-Nya Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah berjaya melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2016 dengan penuh cemerlang. Pelbagai cabaran dan dugaan yang datang sepanjang tahun 2016 berjaya diharungi untuk terus melakar pencapaian dan kejayaan sama ada di peringkat kementerian, kebangsaan malah di peringkat antarabangsa.

Penerbitan Laporan Aktiviti 2016 ini merupakan satu wadah yang mengumpulkan segala pencapaian dan aktiviti JANM sepanjang tahun 2016 untuk dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang. Ia juga dijadikan sebagai kayu pengukur bagi JANM untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan memenuhi ekspektasi pelanggan. Ucapan terima kasih dan penghargaan saya tujukan kepada semua pihak dan warga kerja JANM yang telah menyumbang kepada kejayaan JANM sepanjang tahun 2016.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti-aktiviti JANM sepanjang tahun 2016 telah berjalan dengan jayanya sejajar dengan tema inovasi pada tahun ini iaitu '*Inovasi & Integriti Pemangkin Merealisasikan Perakaunan Akruan*'. Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada warga JANM yang telah menjayakan semua program dan aktiviti Jabatan.

Tirai tahun 2016 dimulakan dengan pelaksanaan 1SPLN (asas akruan) bermula 4 Januari 2016 di 156 PTJ di 107 lokasi yang terletak di 83 buah negara. Bertepatan dengan dasar *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), sistem 1SPLN telah dapat beroperasi dengan lancar hasil kolaborasi bersama sembilan (9) Kementerian/Jabatan. Latihan kepada pengguna 1SPLN telah diadakan dari bulan Oktober hingga Disember 2015 dan dijalankan di 10 lokasi mengikut zon iaitu zon Asia, Eropah, Amerika, Timur Tengah dan Pasifik Selatan.

Momentum perjalanan JANM pada tahun 2016 diteruskan dengan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2015 kepada Ketua Audit Negara (KAN) pada 26 Februari 2016. JANM telah menerima Sijil Audit Bersih ke atas pengauditan PKKP ini dan telah dibentangkan di Parlimen lebih awal

berbanding tahun lalu iaitu pada 18 Mei 2016. Konsistensi dan komitmen yang diberikan oleh semua Warga JANM dalam mengekalkan prestasi cemerlang ini harus dikekalkan pada masa akan datang.

Pencapaian kecemerlangan JANM diteruskan dengan memeterai Perjanjian Penyelidikan Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam (PPI) pada 4 Februari 2016 bersama tiga (3) universiti awam yang mempunyai

kepakaran penyelidikan dalam bidang perakaunan iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Majlis menandatangani perjanjian tersebut diserikan dengan kehadiran Menteri Kewangan II, YB. Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah. Sepanjang tahun 2016, tumpuan hanya diberikan kepada penyelidikan bagi mendapatkan maklumat berkaitan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Penyelidikan ini mengambil masa selama 10 bulan dan melibatkan seramai 18 orang penyelidik. Hasil kajian penyelidikan ini telah dikongsikan dalam Seminar Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia yang telah diadakan pada 25 Oktober 2016.

Dari aspek kemajuan profesion pula, sasaran kerajaan untuk meningkatkan jumlah akauntan menjelang tahun 2020 diteruskan dengan menggiatkan pelbagai usaha pengambilan calon program profesional di kalangan pegawai perakaunan lantikan JANM. 202 orang pegawai telah dipilih untuk mengikuti program profesional seperti ACCA, CPA Australia dan CIMA *Strategic Leaders Program*. Seramai 23 orang calon program profesional pula telah lulus dan mendapat keahlian profesional dari badan - badan profesional perakaunan pada tahun ini. JANM akan terus melipat gandakan usaha bagi meningkatkan bilangan ini sehingga ke satu tahap di mana JANM akan berdiri kukuh dan bangga dengan kekuatan akauntan yang dimilikinya.

Akhir kata, dengan penuh takzim, sekali lagi saya melahirkan rasa gembira dan syukur ke hadrat Allah SWT di atas segala kejayaan dan pencapaian JANM sepanjang tahun 2016. Saya juga menyeru semua warga JANM agar dapat meneruskan kecemerlangan dengan semangat yang kental bagi menghadapi segala rintangan pada masa akan datang. Semoga Allah SWT mempermudah segala urusan dan tanggungjawab kita.

Sekian, terima kasih.

“Inovasi & Integriti Pemangkin Merealisasikan Perakaunan Akruan”

DATO' HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN c.A (M)
Akauntan Negara Malaysia

Penerbitan Laporan Aktiviti 2016 ini merupakan satu wadah yang mengumpulkan segala pencapaian dan aktiviti JANM sepanjang tahun 2016 untuk dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang. Ia juga dijadikan sebagai kayu pengukur bagi JANM untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan memenuhi ekspektasi pelanggan.



LATAR BELAKANG

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah diwujudkan dengan jawatan Akauntan Negara Malaysia (ANM) di bawah Kementerian Kewangan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. JANM bermula dari satu bangunan pejabat yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Tun Perak (Mountbatten Road). Pejabat ini kemudiannya ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan seterusnya beroperasi di Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Sejak beberapa dekad yang lalu, peranan dan fungsi JANM telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perkembangan sektor awam.

Bahagian-bahagian di JANM terdiri daripada:

1. Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan (BPPP)
2. Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA)
3. Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
4. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
5. Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
6. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
7. Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
8. Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
9. Bahagian Akaun, Kementerian Kewangan (BA MOF)
10. Institut Perakaunan Negara (IPN)
11. Unit Integriti (UI)
12. Unit Undang-undang (UU)



Kini, JANM beroperasi di **Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya** dan mempunyai **24 pejabat Negeri / Cawangan** di seluruh Malaysia.

PENERAJU JANM

Jawatan Akauntan Negara yang pertama telah disandang oleh **En. G.G.T Browne** dalam tahun 1946. Pada tahun 1967, kepimpinan JANM telah diambil alih oleh anak tempatan. Senarai nama Akauntan Negara dari 1946 hingga sekarang adalah seperti berikut:

Nota:

En. Mohammad Raslan bin Abdullah memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1963.

En. Zainul Abidin bin Yahya telah menanggung kerja sebagai Akauntan Negara pada 1989 – 1990.

AKAUNTAN	TAHUN
G.G.T Browne	1946
E.A.Joy	1947 – 1949 dan 1951 – 1952
J.H.Newbigging	1953 – 1955 (memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1950)
C.E. Gascoigne	1956 – 1957
H.C. Roberts	1958 – 1962
D. Mortimer	1964 – 1966
YBhg. Dato' Shamsir bin Omar	1967 – 1989
Y.M. Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	1990 – 1993
YBhg. Dato' Mohamed Adnan bin Ali	1994 – 1999
YBhg. Datuk Siti Maslamah binti Osman	2000 – 2003
YBhg. Dato' Othman bin Abdullah	2003 – 2005
YBhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud	2005 – 2010
YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman	2010 – 2014
YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin	2015 – sekarang

VISI, MISI & OBJEKTIF

Menjadi sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam.

Menyedia dan memantapkan perkhidmatan perakaunan dan kewangan kerajaan yang komprehensif bagi mempertingkatkan akauntabiliti sektor awam.


Visi

Misi


Objektif

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan.
- Membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
- Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.
- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

CARTA ORGANISASI



* SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2016



PENGURUSAN TERTINGGI

2016/2017

DALAM GAMBAR

- 1 **Dato' Haji Che Pee bin Samsudin**
Akauntan Negara Malaysia
- 2 **En. Saat bin Esa**
Timbalan Akauntan Negara
(Operasi)
- 3 **Dr. Yacob bin Mustafa**
Timbalan Akauntan Negara
(Korporat)
- 4 **En. Roslan bin A. Rahman**
Pengarah Bahagian Akaun
Kementerian Kewangan
(BA MOF)
- 5 **Dato' Zamimi bin Awang**
Pengarah Bahagian Pengurusan
Wang Tak Dituntut (BWTD)
- 6 **Pn. Rihatun Abddah binti
Meor Zainal Abidin**
Pengarah Bahagian Khidmat
Perunding (BKP)
- 7 **En. Mohd Azmi bin
Mohamed Yazid**
Pengarah Bahagian Pengurusan
Teknologi Maklumat (BPTM)
- 8 **En. Jafril bin Junit**
Pengarah Bahagian Pembangunan
Perakaunan dan Pengurusan
(BPPP)



- 9 **Pn. Fauziah binti Abdullah**
Pengarah Bahagian Pengurusan Audit
Dalam (BPAD)
- 10 **Tn. Haji Ramli bin Chik**
Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi
Pusat dan Agensi (BPOPA)
- 11 **En. Rosdi bin Abu**
Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN)



TIADA DALAM GAMBAR

Dato' Mohamad Azmi bin Ali
Timbalan Akauntan Negara
(Operasi)
(Sehingga 9 Februari 2017)

Pn. Devantri Kaur
Pengarah Pasukan Pelaksanaan
Perakaunan Akruan (PPPA)
(Sehingga 2 April 2016)

Pn. Nik Hapsah binti Nik Hassan
Pengarah Bahagian Pengurusan
Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
(Sehingga 22 Jun 2017)

En. Azal bin Adzhar
Pengarah Bahagian Pembangunan
Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)
(Sehingga 27 November 2016)

Pn. Wan Maheran binti Wan Abdullah
Pengarah Bahagian Pengurusan Wang
Tak Dituntut (BWTD)
(Sehingga 1 Januari 2017)

En. Er Beng Kiong
Pengarah Pasukan Pelaksanaan
Perakaunan Akruan (PPPA)
(Sehingga 1 September 2017)

NILAI BERSAMA

SPECIAL

S

MENGUTAMAKAN PELANGGAN *(Satisfying the customers)*

Komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan unggul untuk memenuhi kehendak pelanggan.

P

PROFESIONALISME *(Professionalism)*

Kebolehan untuk mempamerkan kualiti dan kompetensi.

EC

KERJA BERPASUKAN *(Esprit de Corp)*

Bekerjasama sebagai satu pasukan bagi membentuk semangat kekitaan (*sense of belonging*) untuk mencapai visi dan misi.

IA

INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI *(Integrity and accountability)*

Beretika tinggi dalam melaksanakan tugas.

L

KESETIAAN *(Loyalty)*

Setia kepada jabatan, kerajaan dan negara.

ETIKA KERJA



MENGUTAMAKAN PELANGGAN (*Satisfying the customers*)

1. Memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan berintegriti kepada semua pelanggan dan *stakeholders*.
2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan secara berterusan mengikut keperluan.
3. Meningkatkan kompetensi diri agar perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.



PROFESIONALISME (*Professionalism*)

1. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.
2. Mempamerkan semangat kerja yang tinggi.
3. Meningkatkan prestasi kerja untuk mencapai kualiti yang berterusan.
4. Peka terhadap perkembangan, kemajuan dan perubahan dalam teknologi dan profesion perakaunan.
5. Mempamerkan nilai dan tingkah laku yang berkualiti dan kompeten.
6. Bersopan santun, berbudi bahasa dan berhemah tinggi dalam segala urusan.
7. Berpenampilan kemas dan sesuai mengikut keadaan dan suasana.



KERJA BERPASUKAN (*Esprit de Corp*)

1. Bekerjasama dalam menyelesaikan isu dan masalah.
2. Mempunyai sikap saling bantu membantu dalam usaha mencapai keberhasilan jabatan.
3. Berkongsi maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan.
4. Menghargai sumbangan idea daripada anggota organisasi.
5. Saling hormat menghormati dan mengeratkan silaturahim.



INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI (*Integrity and accountability*)

1. Mengamalkan sikap amanah, tulus, ikhlas, berpegang kepada prinsip dan boleh dipercayai.
2. Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab mengikut peraturan yang ditetapkan.
3. Bertanggungjawab ke atas semua tindakan dan keputusan yang diambil.
4. Berfikiran positif dan sedia memberi dan menerima cadangan serta maklum balas yang tepat dan benar.



KESETIAAN (*Loyalty*)

1. Menunjukkan kesetiaan kepada jabatan, kerajaan dan negara.
2. Menjaga nama baik dan imej jabatan serta profesion perakaunan.
3. Memahami, menghayati dan mematuhi Nilai Bersama jabatan.

PIAGAM PELANGGAN

OUTCOME

1

Peningkatan tahap kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat kewangan

- Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) dengan tepat dan lengkap berasaskan undang-undang, dasar dan prinsip perakaunan yang diterima umum dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh akhir tahun kewangan.
- Menyedia maklumat perakaunan bulanan untuk pengurusan tidak lewat dari tujuh (7) haribulan bulan berikutnya.
- Mengeluarkan laporan audit ke atas sistem terimaan dan bayaran dalam tempoh tidak lebih dari 30 hari dari tarikh selesai pengauditan.

OUTCOME

2

Peningkatan tahap penyampaian pengurusan sistem perakaunan dan kewangan sektor awam yang cekap dan berkesan

- Menyempurnakan bayaran dalam tempoh empat (4) hari kalendar dari tarikh terima dokumen lengkap.
- Memperakaunkan terimaan dalam tempoh tiga (3) hari kalendar dari tarikh terima dokumen lengkap.
- Menyediakan sumber manusia perkhidmatan perakaunan yang mencukupi dan kompeten.
- Memproses dan membayar permohonan bayaran balik Wang Tak Dituntut dalam tempoh 14 hari kalendar dari tarikh terima permohonan bagi data dalam Sistem G-UMIS.
- Memproses permohonan pembaharuan kelulusan juruaudit dan penyelesaian syarikat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
- Meluluskan 80% permohonan khidmat nasihat sistem perakaunan dan kewangan sektor awam dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
- Memberikan latihan yang sistematik dan berkualiti kepada anggota perkhidmatan awam.
- Memastikan setiap aduan daripada pengguna berkaitan gangguan penggunaan sistem dibuat akuterima dalam tempoh 15 minit selepas aduan diterima melalui sistem *Helpdesk*.
- Memuat naik maklumat ke dalam Sistem e-Penyata Gaji selewat-lewatnya pada tarikh gaji.

TAGLINE

Excellent Accounting @ Your Service

Tagline *Excellent Accounting @ Your Service* telah dibentuk semasa bengkel 'To Be Accounting Model' yang telah diadakan pada 8 Ogos hingga 9 Ogos 2003. Tagline ini merangkumi keseluruhan aspek komitmen dan dedikasi JANM selaras dengan misi dan visi untuk menjadi organisasi terbilang dalam perakaunan dan kewangan sektor awam serta etika kerja Jabatan yang mengutamakan pelanggan.

Excellent Accounting

Merujuk kepada sifat proaktif dan inovatif Jabatan dalam membangun dan melaksanakan sistem perakaunan yang terbaik. Ia juga membawa maksud JANM sentiasa responsif dan peka terhadap perkembangan semasa dari segi peraturan kewangan, teknologi dan keperluan pelanggan.

@

Mewakili kemajuan teknologi JANM dalam menongkah arus pemodenan dengan implementasi dan perubahan kepada sistem perakaunan yang lebih efisien. Kedudukan simbol @ di tengah-tengah tagline mewakili kemajuan teknologi JANM yang bertindak sebagai penghubung dalam menyampaikan perkhidmatan cemerlang Jabatan kepada pelanggan.

Your Service

Menunjukkan komitmen serta usaha Jabatan dalam mengutamakan pelanggan. Melalui pembangunan sistem pengurusan sumber manusia yang efektif dan berterusan akan mengukuhkan komitmen dan dedikasi Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan profesional yang cekap dan mesra pelanggan.

LAGU JABATAN

Ciptaan:
En. Affendi bin Ramli

*Jujur setia ikhlas di jiwa
Murni pekerti amal mulia
Bersatu teguh sesama kita
Terus maju sentiasa*

*Terus berusaha menuju cita
Ikhlas membantu amalan kita
Khidmat diberi di mana saja
Demi bangsa dan negara*

*Setia kepada Jabatan
Maju mencapai kecemerlangan
Berkat bersatu usaha mulia
Untuk kejayaan bersama*

*Tekun berusaha setiap masa
Taat setia amanah bangsa
Sematkan jiwa rajin usaha
Maju Akauntan Negara*



DIARI

DIARI

AKTIVITI ANM



14 - 16 Oktober 2016

*39th Public Service Games And 8th Joint Seminar Programme For Malaysia
And Singapore Public Sector Leaders 2016*

AKTIVITI JANM

05 Januari 2016

Majlis Perutusan Tahun Baharu ANM



04 Februari 2016

Majlis Menandatangani Perjanjian Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam: Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan

26 Februari 2016

Majlis Penyerahan PKKP 2015 Kepada Ketua Audit Negara (KAN)



24 Mac 2016

Anugerah Apresiasi Kecemerlangan (AAK) Tahun 2015



16 - 17 Mei 2016

Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam (PERPENA) Kali Ke-12

AKTIVITI JANM

22 Julai 2016

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri



22 Julai 2016

Majlis Sekalung
Budi JANM Tahun
2016

27 Julai 2016

Lawatan Timbalan Menteri Kewangan I Dan
Timbalan Menteri Kewangan II Ke JANM



29 Ogos 2016

Seminar Raikan
Inspirasi



31 Ogos 2016

Perbarisan Hari Kebangsaan



02 Oktober 2016
Sambutan Maal Hijrah 1438H



25 Oktober 2016

Seminar Penyelidikan
Perakaunan Dan Pelaporan
Kewangan Islam Bagi
Institusi Wakaf, Zakat Dan
Baitulmal Di Malaysia



08 November 2016
Pesta Pantun JANM



23 November 2016

Sambutan Hari Inovasi,
Integriti Dan Bulan Bahasa
JANM



LAPORAN PENCAPAIAN

PENGURUSAN TERTINGGI

- Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) •
- Unit Integriti (UI) •
- Unit Undang-Undang (UU) •

BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM (BPAD)

PENGAUDITAN *LEADING EDGE*

Transformasi terhadap teknik dan kaedah pengauditan daripada tradisional (pematuhan) kepada **leading edge** bukan sahaja memberikan impak yang lebih baik kepada organisasi yang diaudit malah dapat melaksanakan pengauditan yang berkualiti dan memberi fokus kepada *outcome* dan *value added* kepada Bahagian dan JANM.

Pada tahun 2016, BPAD telah menjalankan beberapa pengauditan berasaskan *Leading Edge* termasuk Pengauditan Pelan Strategik JANM 2012 – 2016 dan Pengauditan Pengurusan Perolehan Sebut Harga dan Tender JANM.

A. PENGAUDITAN PELAN STRATEGIK (*BUSINESS STRATEGIC PLAN – BSP*) JANM 2012 – 2016

Memandangkan Pelan Strategik JANM 2012 – 2016 merupakan perancangan berisiko tinggi yang akan memberi kesan kepada reputasi JANM, pengauditan BSP amatlah penting bagi mengurangkan risiko tersebut. Tindakan segera perlu diambil ke atas strategi-strategi yang belum tercapai sebelum tempoh BSP JANM berakhir pada 31 Disember 2016.

Berdasarkan pengauditan yang dilaksanakan, peratus pencapaian BSP JANM 2012 – 2016 sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

Teras Strategik Utama	Peratus Pencapaian (100%)	
Teras 1 : Pengukuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti	80.95	83.50
Teras 2 : Transformasi Sistem Pengurusan Perakaunan dan Kewangan	82.91	
Teras 3 : Memantapkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan	84.53	
Teras 4 : Pemerksaan Keupayaan dan Kapasiti Modal Insan	85.61	


B. PENGAUDITAN PENGURUSAN PEROLEHAN SEBUT HARGA DAN TENDER

Selaras dengan konsep *Leading Edge* iaitu memberi nilai tambah kepada *auditee*, BPAD telah mencadangkan tempoh ideal bagi pengurusan perolehan sebut harga dan tender untuk dijadikan sebagai norma kerja atau *Standard Operating Procedure* (SOP) oleh Urus Setia Perolehan JANM.

Cadangan tempoh ideal ini dipersetujui oleh Urus Setia Perolehan JANM dan Pengurusan Tertinggi JANM melalui mesyuarat pada 2 dan 18 November 2016. Cadangan tempoh ideal ini dibuat adalah tertakluk kepada 1PP dan pekelingling serta peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa. Unit Perolehan JANM juga telah mendapatkan maklum balas daripada semua Bahagian berkaitan tempoh ideal ini.

Tempoh ideal yang dipersetujui adalah seperti berikut:

a) Perolehan Tender (Non-ICT)



b) Sebut Harga A (Non-ICT)



c) Sebut Harga B




PRA PENGAUDITAN INDEKS AKAUNTABILITI DAN PRESTASI PEJABAT PERAKAUNAN

Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti telah dijalankan di semua Bahagian JANM, JANM Negeri dan JANM Cawangan. Manakala Pengauditan Prestasi Pejabat Perakaunan pula dijalankan di Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF), JANM Negeri/Cawangan dan juga Bahagian Akaun Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS). Sebanyak 30 pengauditan telah dijalankan sepanjang tahun 2016 bagi kedua-dua jenis pengauditan ini.

Berdasarkan penarafan pengauditan yang diberikan terdapat 10 pejabat yang diberi penarafan Cemerlang iaitu 90% hingga 100%, berbanding hanya lima (5) pejabat sahaja pada tahun sebelumnya. Sebanyak 19 pejabat telah diberikan penarafan Baik iaitu 75% hingga 89% iaitu penurunan sebanyak tiga puluh enam peratus (36%) berbanding 2015 dan satu (1) pejabat telah diberikan penarafan Sederhana iaitu 50% hingga 74%. Perbandingan penarafan bagi tahun 2015 dan 2016 dapat dilihat dengan lebih lanjut pada Carta 1 di bawah:

Berdasarkan penarafan pengauditan yang diberikan terdapat **10 pejabat yang diberi penarafan Cemerlang** iaitu 90% hingga 100%, berbanding hanya lima (5) pejabat sahaja pada tahun sebelumnya.

Carta 1 : Perbandingan Penarafan 2015 Dan 2016



SISTEM SELF-ASSESSMENT AUDIT (SAA)

BPAD bertanggungjawab menyediakan laporan audit yang berkualiti dalam jangka masa yang ditetapkan untuk dikemukakan kepada pihak pengurusan JANM. Sistem SAA dibangunkan untuk membantu pelaksanaan konsep penilaian *self-assessment* secara dalam talian supaya proses penyampaian kriteria penilaian dan maklum balas antara pihak terlibat lebih mudah dan menjimatkan masa.

Sistem SAA membantu mempercepatkan penyediaan maklumat pematuhan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Sistem SAA yang diguna pakai telah berjaya meningkatkan kecekapan kerja-kerja pengauditan BPAD. Pada masa yang sama sistem tersebut membantu mempercepat penyediaan maklumat pematuhan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ). Jadual 1 menunjukkan statistik perkhidmatan online SAA pada tahun 2016.

Jadual 1 : Statistik Perkhidmatan *Online* SAA


Bulan	Bilangan Capaian Pengguna
Januari	193
Februari	46
Mac	553
April	233
Mei	39
Jun	10
Julai	1
Ogos	404
September	304
Oktober	188
November	285
Disember	39
Jumlah	2,295

PENGAUDITAN PEMANTAUAN PRAKTIS BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN

Pengauditan Pemantauan Praktis telah dijalankan di 14 Bahagian Akaun (BA) Kementerian (KSM, KPKT, MOSTI, KLN, KKM, NRE, KKLW, MOTAC, KETTHA, MOF, KWP, MPIC, KPWKM dan KPT) pada tahun 2016. Pengauditan ini merangkumi enam (6) skop iaitu Pematuhan Terhadap Sumber Rujukan Kawalan Terimaan, Pemantauan Umum Fail Pejabat Pemungut, Pemantauan Terperinci Fail Pejabat Pemungut, Pemantauan Pelaksanaan Naziran Terimaan, Pemantauan Laporan Prestasi Kawalan Terimaan dan Pemantauan Pemerhatian Ketidakpatuhan Berulang.

Hasil pengauditan tersebut mendapati semua BA Kementerian menggunakan Garis Panduan Kawalan Terimaan (GPKT) sebagai rujukan dalam penyemakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) kecuali BA Kementerian Kesihatan Malaysia. Peratus ketidakpatuhan tertinggi adalah 100% pada Skop C (Pemantauan Terperinci Fail Pejabat Pemungut) di mana semakan terperinci ke atas Dokumen Akaun Terimaan Pejabat Pemungut mendapati berlakunya ketidakpatuhan peraturan kewangan yang tidak dibangkitkan oleh kesemua 14 BA Kementerian. Status ketidakpatuhan oleh BA mengikut skop Pengauditan Pemantauan Praktis adalah seperti di Carta 2.


Carta 2 : Ketidakpatuhan Oleh Bahagian Akaun Kementerian Mengikut Skop Pengauditan Pemantauan Praktis



PENGAUDITAN PRESTASI PINDAHAN WANG TERIMAAN HASIL GOODS AND SERVICES TAX (GST)

Pengauditan Prestasi Pindahan Wang Terimaan Hasil GST daripada sembilan (9) saluran pungutan ke Akaun Terimaan Induk JANM telah dijalankan di Unit Pengurusan Perakaunan Hasil (UPPH), Bahagian GST, JKDM merangkumi lima (5) skop iaitu Tempoh Cek/Tunai Dikuncimasuk, Tempoh *Clearing* Transaksi, Tempoh Pindahan Wang Oleh Ejen Bank, Tempoh Pindahan Wang Diperakaunkan dan Kes *Late Cheque Return*.

Carta 3 : Ringkasan Analisis Penemuan Pengauditan Prestasi Pindahan Wang Terimaan Hasil GST Tahun 2016



PENGAUDITAN PEMATUHAN PENGURUSAN TERIMAAN HASIL GST

Pengauditan Pematuhan Pengurusan Terimaan Hasil GST berasaskan risiko di GST *Processing Centre* (GPC) Kelana Jaya, Bahagian GST, JKDM telah dijalankan pada 16 Mei hingga 20 Mei 2016 serta pada 17 Jun dan 29 Jun 2016 buat pertama kali sejak pelaksanaan GST oleh Kerajaan. Pengauditan ini dijalankan bagi mengkaji dan mengenal pasti tahap kawalan dalaman serta pematuhan terhadap peraturan dan prosedur pengurusan terimaan hasil GST di GPC.

Hasil pengauditan yang merangkumi lima (5) skop iaitu pengurusan am, pengurusan terimaan, pengurusan cek tak laku, penggunaan peti besi/bilik kebal dan pemeriksaan mengejut di saluran terimaan GPC, Bahagian GST mendapati tahap kawalan dalaman Pengurusan Terimaan Hasil GST secara keseluruhannya adalah Lemah.


Pengauditan ini dijalankan bagi mengkaji dan mengenal pasti tahap kawalan dalaman serta pematuhan terhadap peraturan dan prosedur pengurusan terimaan hasil GST di GPC.

PENGAUDITAN HASIL LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)

Bagi tahun 2016, BPAD telah menjalankan penyemakan Pengurusan Terimaan Hasil Cukai di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Pusat Bayaran Kuching dan Pusat Bayaran Kota Kinabalu sebanyak tiga (3) kali di setiap lokasi. Antara penemuan audit ialah pungutan lewat dibankkan, terimaan melalui mel lewat dikeluarkan resit, perbezaan maklumat pungutan harian dan rekod kewangan, pindaan manual senarai instrumen untuk deposit, kesilapan pengolahan perakaunan, cek tak laku lewat dan belum diganti, kelewatan menyediakan penyata pemungut dan baucar jurnal, perbezaan baki buku tunai antara sistem eRAS dan Penyata Penyesuaian Akaun Bank (PPAB) dan item penyata penyesuaian akaun bank lewat diambil tindakan.

Penyemakan juga telah dilakukan ke atas 921 Dokumen Akaun Terimaan (DAT) Hasil Duti Setem yang melibatkan 79 Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDN. Di samping itu, pengauditan berasaskan risiko ke atas Pengurusan Terimaan Hasil Duti Setem turut dijalankan di 12 Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDN dan ringkasan analisis penemuan adalah seperti di Carta 4.


Carta 4 : Ringkasan Analisis Penemuan Pengauditan Hasil Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM)



KELULUSAN PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Sebanyak 775 permohonan kelulusan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan telah diterima dan diproses sepanjang tahun 2016. Carta 5 menunjukkan peratus permohonan yang diproses.

Carta 5 : Peratus Permohonan Diproses



PENGAUDITAN PENGURUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Pada tahun 2016, sebanyak 46 Jabatan Persekutuan di seluruh Malaysia telah diaudit. Pengauditan ini bertujuan untuk menilai tahap kawalan dalaman yang diamalkan dalam pengurusan rekod di jabatan-jabatan yang diaudit. Penarafan audit mengikut jabatan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Penarafan Audit Mengikut Jabatan Pada Tahun 2016

Penarafan	Bilangan Jabatan	Peratus (%)
Cemerlang	2	4
Baik	16	35
Sederhana	25	54
Lemah	3	7
Jumlah	46	100

TAKLIMAT PROSEDUR PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Pada tahun 2016, lapan (8) taklimat prosedur pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan telah diadakan mengikut zon. Seramai 403 peserta daripada pelbagai jabatan telah menghadiri taklimat ini yang bertujuan memberi kesedaran kepada Jabatan/PTJ berkaitan prosedur pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 150.

Berdasarkan maklum balas peserta, taklimat ini amat membantu Jabatan/PTJ bagi memberi pemahaman dalam melaksanakan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan.



UNIT INTEGRITI (UI)

FUNGSI UNIT INTEGRITI

Penubuhan Unit Integriti (UI) adalah bertujuan untuk menyepadukan semua pengurusan yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus supaya inisiatif-inisiatif penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dapat dilaksanakan secara lebih fokus, terancang, cekap dan mencapai keberhasilan yang optimum. Unit Integriti bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut:

- 1 Tadbir Urus**
Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
- 2 Pengukuhan Integriti**
Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
- 3 Pengesanan dan Pengesahan**
 - a) Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
 - b) Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.
- 4 Pengurusan Aduan**
Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
- 5 Pematuhan**
Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
- 6 Tatatertib**
Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

PENCAPAIAN UNIT INTEGRITI

1. Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Jabatan Akauntan Negara Malaysia:

Perkara	Tarikh
Mesyuarat JITU JANM Bil. 1/2016	22 Jan 2016
Mesyuarat JITU JANM Bil. 2/2016	5 Mei 2016
Mesyuarat JITU JANM Bil. 3/2016	25 Ogos 2016

2. Mesyuarat Lembaga Tatatertib Jabatan Akauntan Negara Malaysia:

Perkara	Tarikh
Mesyuarat Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1) JANM Bil. 1/2016	19 Mei 2016
Mesyuarat Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1) JANM Bil. 2/2016	21 Jun 2016
Mesyuarat Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1) JANM Bil. 3/2016	23 Ogos 2016

3. Kursus Pengurusan Tatatertib Jabatan Akauntan Negara Malaysia:

Unit Integriti telah mengadakan Kursus Pengurusan Tatatertib Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada 6 Mac hingga 8 Mac 2016 di Ramada Plaza Dua Sentral, Kuala Lumpur. Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 39 orang termasuk 36 orang Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan dan tiga (3) orang urus setia dari Unit Integriti.

Kursus diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai hal-hal tatakelakuan dan larangan dalam perkhidmatan awam, meningkatkan kefahaman mengenai prosedur dan pengendalian kes-kes tatatertib di Jabatan, meningkatkan kemahiran dalam tugas kawalan dan pengawasan tatatertib serta mengurus kes-kes tatatertib semasa dan tertunggak mengikut prosedur yang betul. Kursus ini juga adalah sebagai usaha memantapkan penguatkuasaan peraturan dan disiplin di Jabatan, memberi pendedahan dan perbincangan secara dua hala mengenai pengurusan tatatertib berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 yang berkuat kuasa.

Seramai enam (6) orang penceramah daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah dijemput bagi menyampaikan taklimat dalam tujuh (7) sesi sepanjang kursus berlangsung seperti berikut:

Sesi/Tajuk	Nama Penceramah	Agensi
Sesi 1: Pengenalan dan Peranan Ketua Jabatan/Penyelia dan Tatakelakuan	Encik Asrul Shah bin Razali	JPA
Sesi 2: Langkah-langkah Pencegahan Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa	PKPj. Jamaludin bin Hj. Bakar	SPRM
Sesi 3: Prosedur Kes Tatatertib Biasa, Kes Tidak Hadir Bertugas, Prosedur Tahan Kerja dan Prosedur Sabitan Jenayah	Puan Azirah binti Sehat	JPA
Sesi 4: Surcaj, Hukuman dan Rayuan Tatatertib	Puan Azirah binti Sehat	JPA
Sesi 5: Hukuman dan Rayuan Tatatertib	Encik Mohamad Nawwar Faiq bin Mohamad Noh	SPA
Sesi 6: Kes Pernyataan Awam di Media Sosial	Encik Azlee bin Abu Bakar	JPA
Sesi 7: Pengurusan Program Integriti dalam Sektor Awam	Encik Wong Chai Looi	INTEGRITI

4. Hebahan Integriti @ Jabatan Akauntan Negara Malaysia:

Unit Integriti telah melaksanakan Hebahan Integriti @ Jabatan Akauntan Negara Malaysia iaitu suatu hebahan yang dihantar melalui e-mel secara bulanan kepada warga JANM mengenai peraturan-peraturan pegawai awam yang berkuat kuasa.

Hebahan Integriti @ JANM Siri 1/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 1/2016

Apakah Integriti?

Satu kualiti dan ciri positif yang wujud secara keseluruhan pada individu dan organisasi. Ciri dan kualiti integriti mengandungi unsur "wholeness" (yakni kewajipan secara berpadu sebagai keseluruhan) pada diri individu atau organisasi.

Integriti adalah nilai yang bermula dari dalam diri manusia. Ia tumbuh daripada kesedaran fitrah dan bermula di hati, kemudiannya meresap ke dalam minda dan emosi. Akhirnya integriti dipamerkan pada tubuh fizikal menerusi tingkah laku.

INTEGRITI INDIVIDU: Keselarasan antara apa yang dikata dan dikota, antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang, kepentingan diri dengan kepentingan umum.

INTEGRITI ORGANISASI: Pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses kerja, pematuhan amalan terbaik dan menjadi budaya kerja semua warga organisasi.

INTEGRITI PENJAWAT AWAM: Pelaksanaan amanah dan kuasa yang diberi untuk kepentingan umum. Tidak menyalah guna kuasa, menyeleweng atau rasuah. Memberi keutamaan kepada kepentingan awam.

"Excellent Accounting @ Your Service" @iggyy@janm

Hebahan Integriti @ JANM Siri 2/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 2/2016

Tugas Kawalan dan Pengawasan Tatatertib Seorang Ketua Jabatan/Penyelia

PERATURAN 3c. (1): Maka menjadi tugas tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

PERATURAN 3c. (2): Seorang pegawai yang gagal untuk menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas pegawai bawahannya, atau untuk mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(Peraturan 3c.(1) dan 3c.(2) P.U. (A) 395/1993)

"Excellent Accounting @ Your Service" @iggyy@janm

Hebahan Integriti @ JANM Siri 3/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 3/2016

Tahap Mana Taat Setia Anda Sebagai Seorang Penjawat Awam?

4.(1) Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan.

sentiasa menjaga, memelihara dan mempertahankan kedaulatan dan maruah negara, hormat dan patuh kepada undang-undang serta berusaha untuk berbakti kepada Negara.

mengamalkan sikap berkecuai dalam menjalankan tugas.

memberi taat setia kepada Kerajaan yang memerintah.

Contoh Pelanggaran:

- Bersubah dengan musuh Negara.
- Membocorkan rahsia Kerajaan.
- Menganggotai pertubuhan yang mengancam keselamatan negara (anasir-anasir subversif).
- Memburuk-burukkan serta memperkecil-kecilkan dasar serta tindakan Kerajaan.

(Peraturan 4.(1) P.U. (A) 395/1993)

"Excellent Accounting @ Your Service" @iggyy@janm

Hebahan Integriti @ JANM Siri 4/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 4/2016

Pegawai Awam Tidak Boleh Membelakangkan Tugas Awamnya Demi Kepentingan Peribadinya

Mana-mana pegawai awam boleh dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB** mengikut Peraturan 4(2)(a), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan peribadinya.

Contoh Pelanggaran:

- Menguruskan perniagaan/pelaburan sendiri/isteri/anak/saudara-mara dalam waktu pejabat/tugas rasmi.
- Menyebelahi/memberi keutamaan kepada saudara-mara/rakan-rakan dalam menimbangkan sesuatu permohonan.

Tabiat kakitangan Kerajaan sering pergi minum susukan pelanggan

(Peraturan 4(2)(a) P.U. (A) 395/1993)

"Excellent Accounting @ Your Service" @iggyy@janm

Hebahan Integriti @ JANM Siri 5/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 5/2016

Tatakelakuan Pegawai Awam

Mana-mana pegawai awam boleh dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB** mengikut Peraturan 4(2)(b), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya.

Contoh Pelanggaran:

- Menguruskan tender/sebut harga sedangkan pegawai mengetahui ada di antara mereka yang mengemukakan tender/sebut harga terdiri daripada saudara-maranya.
- Mempunyai hubungan dengan pihak yang ada hubungan rasmi dengan tugas.

(Peraturan 4(2)(b) P.U. (A) 395/1993)

"Excellent Accounting @ Your Service" @iggyy@janm

Hebahan Integriti @ JANM Siri 6/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 6/2016

Tatakelakuan Pegawai Awam

Contoh Pelanggaran:

- Menggunakan dan memandu kenderaan jabatan untuk kegunaan sendiri seperti pergi ke pejabat, menghantar anak ke sekolah dan lain-lain.
- Menyalahgunakan hak istimewa sebagai seorang diplomat seperti terlibat dalam aktiviti penyeludupan.
- Bercuti bersama-sama dengan pihak yang ada hubungan dengan tugas rasminya.

Peraturan 4(2)(c), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 **Melarang** pegawai awam berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa:

- dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya sehingga menjejaskan kegunaannya sebagai seorang pegawai awam; atau
- dia telah menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri.

(Peraturan 4(2)(c) P.U. (A) 395/1993)

"Excellent Accounting @ Your Service" @iggyy@janm

Hebahan Integriti @ JANM Siri 7/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 7/2016

Tatakelakuan Pegawai Awam

Mana-mana pegawai awam boleh dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB** mengikut Peraturan Perakara 4(2)(d), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.

- Terlibat dalam penyalahgunaan dadah.
- Pengarah juga boleh disyiahkan bankrap.
- Kesusahan berat kerana hutang.
- Disabitkan kesalahan jenayah/mahkamah syariah.
- Melakukan gangguan seksual.

Contoh Pelanggaran:

Jangan Pinjam Alang-Jangan Cari Posa!

(Peraturan 4(2)(f), P.U. (A) 395/1993)

Hebahan Integriti @ JANM Siri 8/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 8/2016

Adakah Anda Seorang Pegawai Awam yang Cepak dan Berusaha?

Mana-mana pegawai awam boleh dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB** mengikut Peraturan Perakara 4(2)(e), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu kurang cekap atau kurang berusaha sekiranya **GAGAL MEMANTAU KERJA PEGAWAI BAWAHAN**.

TABIAT BEKERJA

Di mana Kita?

- Rojin Bekerja, Rojin Bercakap: **BAGUS SEKALI**
- Rojin Bekerja, Malas Bercakap: **KENA BULI**
- Malas Bekerja, Rojin Bercakap: **MAIN WAYANG**
- Malas Bekerja, Malas Bercakap: **TAK GUNA**
- Malas Bekerja, Suka Mengadu: **NYANYUK**
- Malas Bekerja, Suka Fontang: **BAIK BERHENTI**
- Malas Bekerja, Suka Menyibak: **BAIK MATI**

(Peraturan 4(2)(e) P.U. (A) 395/1993)

Hebahan Integriti @ JANM Siri 9/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 9/2016

Larangan Mengemukakan Sijil Cuti Sakit Palsu Atau Meminda Sijil Cuti Sakit

Mana-mana pegawai awam yang mengemukakan **sijil cuti sakit palsu** atau **meminda sijil cuti sakit** adalah melanggar tatakelakuan di bawah peraturan 4(2)(f) dan 4(2)(g) P.U. (A) 395/1993 iaitu seseorang pegawai tidak boleh tidak jujur atau tidak amanah, dan tidak bertanggungjawab.

Dijel bagi MC palsu

MEDICAL LEAVE REQUEST

REJECTED

PEGAWAI BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB SEHINGGA DIJATUHI HUKUMAN **BUANG KERJA**.

(Peraturan 4(2)(f) dan 4(2)(g) P.U. (A) 395/1993)

Hebahan Integriti @ JANM Siri 10/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 10/2016

Larangan Tidak Hadir Bertugas Tanpa Kebenaran

Mana-mana pegawai awam yang **tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah** boleh dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB** mengikut Peraturan 4(2)(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu tidak bertanggungjawab.

Tidak Hadir Bertugas Dan Tidak Mengetik Kad Perakam Waktu

LOOKING FOR A JOB

PANDUAN MENGURUS PEGAWAI TIDAK HADIR BERTUGAS

Tidak Hadir Bertugas Dan Memalsukan Sijil Sakit

Memalsukan Tandatangan Pada Sijil Sakit

Datang Lewat Tanpa Alasan Yang Munasabah

(Peraturan 4(2)(g) P.U. (A) 395/1993)

Hebahan Integriti @ JANM Siri 11/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 11/2016

Adakah Anda Tahu Bahawa Penggunaan Surat Sokongan Adalah DILARANG

PERATURAN 4(2)(h), PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 menyatakan bahawa membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain.

(Peraturan 4(2)(h) P.U. (A) 395/1993)

Hebahan Integriti @ JANM Siri 12/2016

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Siri 12/2016

Adakah Anda Telah Mendapat Kelulusan Ketua Jabatan Sebelum ke Luar Negara?

SURAT PEKELILING AM BIL. 3 TAHUN 2012 menetapkan agar semua Penjawat Awam perlu mendapatkan kebenaran bertulis ke luar Negara atas URUSAN PERSENDIRIAN sebelum perjalanan. Kegagalan mendapatkan kelulusan daripada Ketua Jabatan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

5. Bacaan Permata Integriti:

Unit Integriti selaku urus setia Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) telah melaksanakan Bacaan Permata Integriti yang dibacakan melalui siar raya pada setiap hari Rabu. Bacaan Permata Integriti ini mencakupi hebahan cerita-cerita yang membawa mesej integriti dan nilai-nilai murni kepada warga JANM. Pada tahun 2016, sebanyak 28 siri Bacaan Permata Integriti telah disiarkan.

Pada tahun 2016, sebanyak 28 siri Bacaan Permata Integriti telah disiarkan.

Bil.	Siri	Tajuk	Tarikh
1.	Siri 1/2016	Tanggungjawab Terhadap Kehidupan	20 Apr 2016
2.	Siri 2/2016	Amanah Asas Kepimpinan Berintegriti	18 Mei 2016
3.	Siri 3/2016	Kisah Lima Jari	25 Mei 2016
4.	Siri 4/2016	Apabila Kejahatan Dibalas Dengan Kebaikan	8 Jun 2016
5.	Siri 5/2016	Sifat Pemurah	15 Jun 2016
6.	Siri 6/2016	Menghargai Masa	29 Jun 2016
7.	Siri 7/2016	Memahami Erti Kemaafan	13 Jul 2016
8.	Siri 8/2016	Indahnya Sabar: Kisah Pemuda Dan Paku	20 Jul 2016
9.	Siri 9/2016	Memberi Erti Kepada Kehidupan	27 Jul 2016
10.	Siri 10/2016	Bersyukur Dengan Kelebihan Dan Kekurangan Diri	3 Ogos 2016
11.	Siri 11/2016	Sikap Suka Berhutang	10 Ogos 2016
12.	Siri 12/2016	Mengerjakan Sesuatu Secara Bersungguh-sungguh	24 Ogos 2016
13.	Siri 13/2016	Kisah Tiga Budak Hitam	7 Sep 2016
14.	Siri 14/2016	Kisah Sikap Proaktif Antara Semut Dan Belalang	21 Sep 2016
15.	Siri 15/2016	Amanah Asas Kepimpinan Berintegriti	28 Sep 2016
16.	Siri 16/2016	Sifat Pemurah	5 Okt 2016
17.	Siri 17/2016	Tanggungjawab Terhadap Kehidupan	12 Okt 2016
18.	Siri 18/2016	Bersyukur Dengan Kelebihan Dan Kekurangan Diri	19 Okt 2016
19.	Siri 19/2016	Memberi Erti Kepada Kehidupan	26 Okt 2016
20.	Siri 20/2016	Kisah Lima Jari	2 Nov 2016
21.	Siri 21/2016	Apabila Kejahatan Dibalas Dengan Kebaikan	9 Nov 2016
22.	Siri 22/2016	Menghargai Masa	16 Nov 2016
23.	Siri 23/2016	Indahnya Sabar: Kisah Pemuda Dan Paku	23 Nov 2016
24.	Siri 24/2016	Sikap Suka Berhutang	30 Nov 2016
25.	Siri 25/2016	Kisah Lelaki Yang Tidak Memiliki E-mel	7 Dis 2016
26.	Siri 26/2016	Jujur Ternyata Lebih Baik	14 Dis 2016
27.	Siri 27/2016	Jangan Pernah Lupa Berterima Kasih	21 Dis 2016
28.	Siri 28/2016	Kisah Kesabaran Para Tokoh Dunia	28 Dis 2016

6. Statistik Kes-Kes Tatatertib di Jabatan Akauntan Negara Malaysia:


Bil.	Jenis Kes/Prosedur Tatatertib	Hukuman	Bilangan
1.	Tidak Hadir Bertugas (Dapat Dikesan)	Buang Kerja	4
2.	Tidak Hadir Bertugas (Tidak Dapat Dikesan)	Buang Kerja (Pewartaan)	1
3.	Am	Turun Pangkat	1
4.	Jenayah	Buang Kerja	1
Jumlah			7

UNIT UNDANG-UNDANG (UU)

Unit Undang-Undang JANM telah ditubuhkan pada 18 Julai 2016 yang terdiri daripada seorang pegawai undang-undang dan seorang penolong pegawai undang-undang. Unit ini adalah di bawah seliaan Pengurusan Tertinggi JANM.

SIKSA

- 1 Memberi nasihat perundangan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negara dengan mengambil kira dasar Kerajaan dan kepentingan awam.
- 2 Menyemak dan menggubal semua undang-undang, peraturan, kaedah dan dokumen perundangan lain yang melibatkan JANM.
- 3 Menggubal dan menyemak dokumen perjanjian dan kontrak.
- 4 Menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut 1965.



AKTIVITI YANG MELIBATKAN UNIT UNDANG-UNDANG

**Kursus Kompetensi Pegawai
Pemeriksa Wang Tak Dituntut
Bil.1 Tahun 2016** di Hotel Sri
Langit, Sepang dari 5 September
hingga 7 September 2016.



.....
*Pendedahan Asas Akta Wang Tak
Dituntut 1965 Bersama Tuan Iznan Bin
Ishak Dari Institut Latihan Kehakiman
Dan Perundangan (ILKAP)*



**Mesyuarat Pemurnian Arahan Pendaftar Wang
Tak Dituntut (APWTD)** dari 26 September
hingga 28 September 2016 di Nexus Regency
Suites & Hotel Shah Alam, Selangor.

.....
*Perbincangan Mengenai Rangka Arahan Pendaftar
Wang Tak Dituntut Bersama Pengarah Bahagian
Wang Tak Dituntut, Puan Wan Maheran Binti Wan
Abdullah, Puan Murniyati Binti Ramli Dan Encik
Mohd Nazi Bin Mat Yusoff*



**Mesyuarat Penolong Pendaftar
Bil. 2/2016** di Hotel Promenade,
Kota Kinabalu, Sabah bersama
dengan Dato' Akauntan Negara
Malaysia dari 22 Disember hingga
23 Disember 2016.

.....
*Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak
Dituntut (MPP) Yang Dihadiri Oleh Wakil
Setiap Negeri Dari Seluruh Malaysia*



LAPORAN PENCAPAIAN

PENGURUSAN KORPORAT

- Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) •
- Bahagian Khidmat Perunding (BKP) •
- Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) •
- Institut Perakaunan Negara (IPN) •

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN (BPPP)

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Antara sasaran tahun 2016 JANM adalah untuk memastikan Jabatan mendapat Pensijilan EKSA daripada pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri.

Pasukan Juruaudit EKSA MAMPU telah melaksanakan audit pensijilan EKSA ke seluruh Bahagian JANM (kecuali BWTD dan IPN) pada 20 Januari hingga 21 Januari 2016. Terdapat teguran berkaitan beberapa perkara kecil daripada juruaudit yang mana teguran-teguran tersebut dapat diambil tindakan penambahbaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Setelah memenuhi sebahagian besar kehendak kriteria pensijilan EKSA, JANM berjaya menerima pensijilan EKSA dan dikategorikan Cemerlang daripada MAMPU yang berkuat kuasa dari 15 Februari 2016 sehingga 14 Februari 2018.

Rentetan daripada kejayaan JANM menerima pensijilan EKSA daripada MAMPU, terdapat beberapa siri lawatan penanda aras daripada Kementerian/Agensi luar ke JANM. Siri lawatan tersebut menjadi platform bertukar buah fikiran di antara JANM dan Kementerian/Agensi lain dalam penambahbaikan EKSA di pejabat masing-masing. Kementerian/Agensi tersebut ialah:

- Lawatan daripada **Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan** pada 25 Februari 2016.
- Lawatan daripada **Kementerian Luar Negeri dan Bahagian Akaun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani** pada 27 April 2016.
- Lawatan daripada **Jabatan Tenaga Manusia dan Jabatan Kerajaan Tempatan** pada 6 Oktober 2016.

Budaya EKSA ini akan terus dikekalkan pada setiap masa supaya persekitaran ruang kerja sentiasa kondusif dan selesa untuk membantu warga JANM menjadi lebih produktif selaras dengan slogan EKSA JANM 'Persekitaran Kondusif Warga Produktif'.



Pengauditan EKSA Oleh MAMPU

PROGRAM INOVASI & INTEGRITI JANM

PERTANDINGAN POSTER INOVASI & INTEGRITI

Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil kreativiti warga JANM. Pertandingan yang bertemakan 'Inovasi & Integriti Pemangkin Merealisasikan Perakaunan Akruan' ini telah bermula dari 8 Jun hingga 1 Julai 2016.

Poster pemenang tempat pertama telah dijadikan banner dan backdrop sempena Sambutan Hari Inovasi, Integriti dan Bulan Bahasa JANM Tahun 2016 dan keputusan pertandingan adalah seperti berikut:



Pemenang	Nama Pemenang	Bahagian/JANM Negeri/Cawangan
Pertama	Puan Nurul Aida binti Mohamed Amin	JANM Pulau Pinang
Kedua	Puan Rasima binti Nasir	JANM Sandakan
Ketiga	Puan Nur Affniyana binti Wad	JANM Sandakan

PERTANDINGAN IDEA INOVASI

Pertandingan Idea Inovasi diadakan bertujuan untuk memupuk budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga JANM yang boleh diketengahkan untuk kebaikan organisasi. Sebagai satu inisiatif untuk menarik penyertaan warga JANM, hebahan mengenai pertandingan ini telah dimaklumkan kepada semua warga JANM termasuk JANM Negeri/Cawangan melalui e-mel. Tempoh pertandingan bermula dari 15 Jun hingga 31 Julai 2016. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

Nama Pemenang	Idea Inovasi	Bahagian/JANM Negeri/Cawangan
Encik Ahmad Badri bin Abu Bakar	Membangunkan sistem pangkalan data bagi merekod dan memantau aktiviti <i>site deployment</i> 1GFMAS di PTJ di Perak yang dikenali sebagai PTJ2Akruan.	JANM Perak
Encik Zabrin bin Haidar	Mewujudkan <i>server FTP/File share</i> bagi tujuan berkongsi dan menyampaikan maklumat dan fail kepada PTJ melalui <i>link</i> yang dilampirkan pada buletin ESPKB.	JANM Sabah
Puan Sutina binti Mahmod	Memperkenalkan sumber rujukan dan bahan-bahan berkaitan Perakaunan Akruan dalam bentuk eBook.	IPN

LAWATAN INOVASI

Program lawatan inovasi merupakan salah satu program inovasi tahunan JANM. Lawatan ini telah diadakan pada 18 Ogos 2016 bertempat di Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Seramai 29 orang pegawai menyertai lawatan ini yang terdiri daripada wakil semua Bahagian di JANM.

Objektif lawatan adalah bertujuan untuk mendapatkan idea berkaitan program-program inovasi yang telah diadakan oleh pihak IWK, di samping mempelajari pendekatan yang diguna pakai oleh IWK. Pegawai IWK iaitu Encik Ahmad Budaya bin Ismail dan Encik Ruzaini bin Ahmad Jani telah menyampaikan taklimat kepada para peserta.

Sebagai kesimpulan, berikut disenaraikan beberapa budaya inovasi IWK yang telah dikenal pasti dan boleh dicontohi oleh JANM:

1. Mengadakan kerjasama/usahasama dengan pihak pakar dan berkemahiran dalam bidang tertentu.
2. Menggalakkan dan memupuk budaya mengguna pakai teknologi hijau dan adaptasi nilai mesra persekitaran dalam operasi harian syarikat.
3. Mengadakan usahasama yang diterajui oleh pihak vendor – Program *Vendor Led* dalam bidang kajian yang berjangka pendek dan tidak melibatkan kerja penyelidikan yang mendalam.

Objektif lawatan adalah bertujuan untuk mendapatkan idea berkaitan program-program inovasi yang telah diadakan oleh pihak IWK, di samping mempelajari pendekatan yang diguna pakai oleh IWK



Lawatan Ke Indah Water Konsortium (IWK), Kuala Lumpur



Poster Seminar Raikan Inspirasi
'Melakar Perubahan, Melestari Integriti'



Barisan Panel Dan Moderator Seminar Raikan Inspirasi

SEMINAR RAIKAN INSPIRASI

Seminar Raikan Inspirasi 2016 yang bertemakan "Melakar Perubahan, Melestari Integriti" telah diadakan pada 29 Ogos 2016 bertempat di Dewan Serbaguna JANM, Aras 7. Seramai 265 peserta telah hadir di mana seminar ini telah disiarkan secara langsung ke JANM Negeri dan Cawangan.

Antara panel yang hadir untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka adalah:

1. **Y.Bhg. Tan Sri Mahmood bin Adam** – Mantan Pengerusi SPA
2. **Imam Muda Asyraf** – Pendakwah
3. **Encik Ashran bin Dato' Ghazi** – CEO MaGIC
4. **Encik Rosdi bin Abu** – Pengarah IPN selaku moderator

PERTANDINGAN ARTIKEL INOVASI

Pertandingan Artikel Inovasi diadakan adalah bertujuan untuk mencungkil dan mengasah bakat menulis di kalangan warga JANM. Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk menggalakkan warga JANM menyumbang idea dalam meningkatkan hasil kerja dan produktiviti berasaskan inovasi menerusi karya penulisan.

Berikut disenaraikan pemenang bagi pertandingan tersebut:

Pemenang	Nama Pemenang	Tajuk Artikel	Bahagian/JANM Negeri/Cawangan
Pertama	En. Ahmad Muhyiddin bin Hashim	Inovasi & Integriti Seiring Memperkasa Sektor Awam	BA MOF
Kedua	Pn. Shahida Arsal binti Abdullah Sani	Kreativiti Yang Beretika dan Berakhlak	JANM Perak
Ketiga	Pn. Nur Aslina binti Ainon	Simbolik Inovasi dan Integriti	JANM Sarawak


PERTANDINGAN KECERIAAN TANGGA

Pertandingan Keceriaan Tangga adalah cetusan daripada idea pemenang Pertandingan Idea Inovasi JANM Tahun 2015. Penyertaan terbuka kepada semua Bahagian (kecuali BWTD dan IPN). Kriteria pemarkahan yang digunakan dalam penilaian adalah seperti berikut:

1. Keadaan persekitaran dan suasana tangga.
2. Program-program bagi meningkatkan kesepakatan dan semangat *Esprit de Corp.*
3. Penerapan amalan budaya kualiti.
4. Promosi dan publisiti.

Penilaian telah dijalankan oleh panel penilai pada 31 Oktober 2016 dan keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Pemenang	Bahagian
Pertama	Bahagian Akaun, Kementerian Kewangan
Kedua	Bahagian Khidmat Perunding
Ketiga	Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat



HEBAHAN INOVASI

Antara aktiviti hebahan inovasi adalah hebahan kata-kata dan *quotes* berkaitan inovasi yang dilaksanakan pada setiap dua bulan melalui e-mel kepada semua warga JANM. Aktiviti ini diadakan bagi menyuntik semangat dan kesedaran inovasi serta kreativiti di kalangan warga JANM.

Antara hebahan kata-kata inovasi adalah seperti kisah Levi's Strauss, Ujian IQ Inovasi daripada Holly Green dan kata-kata inovasi oleh Curt Richardson.

SAMBUTAN HARI INOVASI, INTEGRITI DAN BULAN BAHASA JANM TAHUN 2016

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM pada tahun 2016 diadakan bersama dengan sambutan Bulan Bahasa Peringkat Jabatan. Majlis yang diadakan pada 23 November 2016 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia.

YBhg. Dato' ANM turut berbesar hati menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan-pertandingan inovasi yang telah diadakan sepanjang tahun 2016. Majlis ini turut dimeriahkan dengan persembahan dari AG Buskers, deklamasi sajak dan nyanyian oleh kumpulan koir JANM.



Penyampaian Hadiah Sempena Sambutan Hari Inovasi, Integriti Dan Bulan Bahasa JANM Tahun 2016



MAJLIS ANUGERAH APRESIASI KECEMERLANGAN JANM TAHUN 2015

Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan (AAK) JANM Tahun 2015 telah diadakan pada 24 Mac 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM dan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Kewangan I. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia, YBrs. Encik Saat bin Esa, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan YBrs. Encik Mohamad Azmi bin Ali, Timbalan Akauntan Negara (Operasi).

Majlis ini bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada warga JANM yang menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2015. Seramai 181 pegawai dari semua Bahagian dan JANM Negeri/Cawangan telah menerima anugerah ini. Daripada senarai penerima, seramai 34 penerima dari kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 147 penerima dari kumpulan pelaksana. Para penerima anugerah telah menerima Sijil Simpanan Premium (SSP) berjumlah RM1,000 beserta sijil penghargaan.



Upacara Pelancaran Majlis dan Penyampaian Sijil AAK 2015 Oleh YBhg. Datuk Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Kewangan I

MAJLIS SEKALUNG BUDI JANM TAHUN 2016

Majlis Sekalung Budi JANM Tahun 2016 telah diadakan pada 22 Julai 2016. Majlis ini bertujuan untuk mengenang dan menghargai jasa serta pengorbanan yang telah dicurahkan oleh warga JANM yang bersara pada tahun 2016.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia. Setiap pesara telah menerima sijil penghargaan dan cenderamata bernilai RM400.00.

Seramai 55 orang pesara terdiri daripada 32 orang pesara wajib dan 23 orang pesara pilihan bersara pada tahun 2016. Pecahan pesara mengikut jantina adalah seperti berikut:

Jadual 3 : Pecahan Pesara Mengikut Jantina Pada Tahun 2016

Jenis Persaraan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Wajib	11	21	32
Pilihan	3	20	23
Jumlah	14	41	55



Penyampaian Cenderamata Kepada Pegawai JANM Yang Bersara Pada Tahun 2016



Pengurusan Tertinggi JANM Bergambar Kenangan Bersama Pegawai JANM Yang Diraikan

LAWATAN AKADEMIK DARI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Sepanjang tahun 2016, JANM telah menerima lawatan akademik daripada empat (4) buah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Objektif lawatan akademik ini adalah untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai fungsi dan peranan JANM serta memberi informasi kepada pelajar mengenai sistem perakaunan di dalam sektor awam. Lawatan tersebut juga memberi pendedahan kepada pelajar terhadap isu-isu dan cabaran di dalam dunia pekerjaan terutama di dalam bidang perakaunan sektor awam.

Antara institusi yang mengadakan lawatan akademik ke JANM sepanjang tahun 2016 seperti berikut:

Institusi	Tarikh	Bilangan (Pelajar dan Pengiring)
Politeknik Merlimau, Melaka	23 Feb 2016	70 pelajar 10 pengiring
Institut Pengurusan Tentera Darat (IPDA), Negeri Sembilan	3 Mac 2016	63 pelajar 10 pengiring
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	22 Apr 2016	129 pelajar 2 pengiring
Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)	24 Ogos 2016	22 pelajar 2 pengiring



Lawatan Akademik Dari
Politeknik Merlimau

Lawatan Akademik Dari Institut
Pengurusan Tentera Darat
(IPDA)



LAWATAN DELEGASI DARI LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2016, JANM telah menerima lawatan daripada enam (6) delegasi luar negara. Objektif lawatan merangkumi perkara seperti berikut:

1. Mengetahui peranan dan fungsi JANM.
2. Mempelajari kaedah dan proses penyediaan Penyata Kewangan serta sistem perakaunan yang berkaitan.
3. Bertukar pendapat dan pandangan mengenai Perakaunan Akruan.
4. Mengadakan perbincangan mengenai perancangan serta pengurusan fiskal dan belanjawan negara.
5. Mendapatkan informasi mengenai sistem maklumat kewangan yang dipraktikkan oleh JANM.

Lawatan delegasi dari luar negara sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

Delegasi Luar Negara	Tarikh
Jepun	15 Februari 2016
Nigeria	29 Februari 2016
Kenya	27 April 2016
Mongolia	27 Jun 2016
British Council	1 Ogos 2016
Indonesia	14 Disember 2016



Lawatan Delegasi British Council

Lawatan Delegasi Jepun



Lawatan Delegasi Mongolia


PERJAWATAN

Perkhidmatan awam merupakan nadi kepada kekuatan sistem pengurusan sesebuah negara. Bagi mencapai matlamat negara dengan lebih komprehensif, penjawat awam perlu berdaya saing dan memiliki kompetensi yang diperlukan bagi memastikan kelestarian matlamat tersebut. Justeru, pengurusan sumber manusia yang efektif memainkan peranan penting dalam mempersiapkan modal insan yang kompeten dan berkualiti.


Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) bertanggungjawab ke atas perancangan dan pembangunan Skim Perkhidmatan Perakaunan sebagai tunggak utama sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan. BPPP juga berperanan dalam memastikan pembangunan organisasi yang efektif dan padu dengan pengurusan sumber manusia yang optimum selaras dengan dasar semasa Kerajaan.

Lantaran daripada pelaksanaan dasar tersebut, kedudukan perjawatan bagi Skim Perkhidmatan Perakaunan sehingga 31 Disember 2016 adalah seramai 5,817 perjawatan. Carta 6 menunjukkan pecahan bagi Perjawatan Perakaunan bagi tahun 2016 manakala Carta 7 menunjukkan perbandingan jumlah jawatan skim perakaunan bagi tahun 2015 dan 2016.

Carta 6 : Pecahan Perjawatan Skim Perkhidmatan Perakaunan Tahun 2016



Carta 7 : Perbandingan Perjawatan Skim Perkhidmatan Perakaunan Bagi Tahun 2015 Dan 2016



PEMANGKUAN

Urusan pemangkuan adalah merupakan salah satu aspek penting dalam Pengurusan Sumber Manusia. Urusan ini merupakan suatu insentif dalam bentuk kemajuan kerjaya kepada pegawai dan juga satu dorongan dalam peningkatan prestasi kerja pegawai. Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010, JANM telah melaksanakan pengurusan pemangkuan skim perakaunan setiap tahun bagi mengisi kekosongan jawatan sedia ada. Perincian maklumat adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 : Statistik Pegawai Perkhidmatan Perakaunan Untuk Urusan Pemangkuan Bagi Tahun 2015 Dan 2016

Kumpulan Perkhidmatan	Gred	Bilangan Pegawai	
		Tahun 2015	Tahun 2016
Pengurusan Tertinggi	JUSA	9	4
Pengurusan Dan Profesional	WA54	7	11
	WA52	24	11
	WA48	51	22
	WA44	14	39
Pelaksana	W36	14	25
	W32	46	42
	W26	13	16
	W22	23	63
Jumlah		201	233

LAPOR DIRI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU


Sepanjang tahun 2016, seramai 83 orang Akauntan Gred WA41 dan 174 orang Penolong Akauntan Gred W29 telah melapor diri ke JANM. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pegawai lantikan baharu pada tahun 2016 adalah seramai 257 orang. Maklumat pegawai lantikan baharu bagi tahun 2016 adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5 : Jumlah Pegawai Perkhidmatan Perakaunan Baharu Pada Tahun 2016

Skim Perakaunan	Tahun 2016												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	
Akauntan							71			12			83
Penolong Akauntan			174										174
Pembantu Akauntan													0
Jumlah Pegawai													257

Pada tahun 2016, terdapat peningkatan sebanyak 66.54% jumlah pegawai yang melapor diri berbanding tahun 2015 iaitu seramai 171 orang lantikan baharu. Perincian maklumat adalah seperti di Carta 8.

Carta 8 : Perbandingan Jumlah Pegawai Skim Perkhidmatan Perakaunan Lantikan Baharu Bagi Tahun 2015 Dan 2016



KURSUS BULANAN

Kursus bulanan diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada semua warga JANM untuk mencapai pematuhan Arahan 7 Hari Berkursus Setahun seperti digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 : Dasar-dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Sepanjang tahun 2016, sebanyak lapan (8) siri kursus bulanan telah dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Kerjaya dan Kompetensi (UPKK). Kesemua kursus tersebut telah diadakan di Dewan Serbaguna Aras 7, JANM yang melibatkan seramai 1,164 orang peserta.

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	Perkongsian Ilmu – Program Hadiah Latihan Persekutuan	29 Feb 2016	102 peserta
2.	Penularan Media Sosial Masa Kini	16 Mac 2016	156 peserta
3.	Bahasa Badan Berpengaruh Gaya IMPACT	26 Apr 2016	171 peserta
4.	Pengurusan Stress dan Refleksologi Berkesan Di Pejabat	12 Mei 2016	132 peserta
5.	Amalan dan Kelebihan Bulan Ramadan	1 Jun 2016	159 peserta
6.	Diet Pemakanan Sihat Warga Produktif	27 Jul 2016	145 peserta
7.	Psikologi dan Minda Beretika Organisasi Cemerlang	29 Sep 2016	103 peserta
8.	<i>Oh! My Budget</i>	18 Okt 2016	196 peserta



Kursus Bulanan Bilangan 2/2016



Kursus Bulanan Bilangan 4/2016

KURSUS, LAWATAN DAN PERSIDANGAN DI LUAR NEGARA

Antara objektif utama penglibatan pegawai JANM ke kursus, lawatan dan persidangan di luar negara adalah untuk memberi pendedahan berhubung isu dan perkembangan semasa di peringkat antarabangsa. Selain daripada itu, ia juga memberi peluang untuk menimba ilmu pengetahuan serta amalan (praktis) yang diamalkan di luar negara untuk dipraktikkan di Jabatan dan secara langsung meningkatkan kompetensi pegawai.

Berikut disenaraikan pegawai yang menghadiri kursus, lawatan dan persidangan luar negara sepanjang tahun 2016:

Nama	Kursus	Tarikh
<ul style="list-style-type: none"> Puan Sarimah binti Husain Encik Amiruddin bin Abd Manaf 	2015 PEMNA Study Visit To Korea On Accrual Accounting	2 – 3 Feb 2016
<ul style="list-style-type: none"> Encik Mohamad Azmi bin Ali 	Directors Forum 9/2016 : The Innovation Zone - Unleashing The Mindset	20 – 23 Mac 2016
<ul style="list-style-type: none"> Encik Mohamad Azmi bin Ali Dr. Yacob bin Mustafa Encik Zakaria bin Ahmad 	2016 Public Expenditure Management Network In Asia (PEMNA) Plenary Conference	8 – 10 Jun 2016
<ul style="list-style-type: none"> Encik Saat bin Esa 	Persidangan Tahunan The Chartered Institute Of Public Finance And Accountancy (CIPFA) 2016	11 – 15 Julai 2016
<ul style="list-style-type: none"> Puan Hayati binti Sapihis Puan Zahara binti Mohd Salleh 	PEMNA Study Visit - Government E-Procurement System	18 Ogos 2016

Nama	Kursus	Tarikh
<ul style="list-style-type: none"> • Encik Mohamad Azmi bin Ali 	<i>Study Visit To Directorate General Of Treasury, Ministry Of Finance Republic Of Indonesia On Accrual Accounting</i>	29 – 31 Ogos 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Puan Nor Azlin binti Abdul Aziz 	<i>Persidangan Antarabangsa (National Conference) 2016</i>	6 – 8 Sep 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Encik Sulfi bin Aswam 	<i>Veritas Netbackup 7.7 : Advanced Administration</i>	26 – 29 Sep 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Encik Mohd Sani bin Mat Isa 	<i>APAC Atmosphere 2016. Go Mobile. Go Cloud</i>	26 – 29 Sep 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Encik Roslan bin A. Rahman 	<i>CPA Congress 2016</i>	10 – 14 Okt 2016
<ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin • Encik Norhasrin bin Katuk 	<i>39th Public Service Games And 8th Joint Seminar Programme For Malaysia And Singapore Public Sectors Leaders 2016</i>	14 – 16 Okt 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Puan Zuraidah binti Othman Akbar 	<i>CPA Congress 2016</i>	17 – 19 Okt 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Encik Hazrul bin Che Rahim 	<i>CPA Congress 2016</i>	19 – 21 Okt 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Encik Ahmad Shubki bin Saad 	<i>Manage Network Security Services</i>	1 – 2 Nov 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Encik Mohd Nurulakmal bin Hosrin 	<i>Cloud Security Services</i>	1 – 2 Nov 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Puan Faziyatun binti Mohamed Yahya 	<i>Evolve Your Perspective On Strategic Planning And Approach It Effectively</i>	6 – 7 Nov 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Puan Aini Naqiah binti Ahmad • Puan Natrah binti Othman 	<i>Seminar V Forum</i>	9 – 10 Nov 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Encik Prabu a/l Chandra Sagan 	<i>CPA Congress 2016</i>	15 – 18 Nov 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Encik Khairul Anuar bin Razak 	<i>CPA Congress 2016</i>	16 – 18 Nov 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Encik Rosdi bin Abu • Dr. Shahril bin Baharim 	<i>Lawatan Kerja Ke Chartered Accountants Australia And New Zealand</i>	21 – 23 Nov 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Puan Syalinna Majid 	<i>CPA Congress 2016</i>	21 – 24 Nov 2016
<ul style="list-style-type: none"> • YBhg. Dato' Zamimi bin Awang 	<i>CIPFA International Seminar 2016</i>	24 – 25 Nov 2016
<ul style="list-style-type: none"> • Tuan Hj. Husaini bin Abu • Encik Wan Mohd Aswad bin Wan Harun 	<i>Lawatan Kerja Outcome Costing System And Budgeting Project</i>	28 Nov – 4 Dis 2016

KURSUS SWASTA DI DALAM NEGERI

Kursus swasta di dalam negeri yang dihadiri oleh pegawai JANM merangkumi ilmu dari segi teknikal, kemahiran dan sikap untuk diaplikasikan dalam menjalankan tugas seharian. Kehadiran pegawai ke kursus tersebut adalah bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran di samping melengkapkan pegawai dengan isu-isu semasa yang boleh memberi manfaat.

Berikut disenaraikan bilangan pegawai yang menghadiri kursus swasta di dalam negeri sepanjang tahun 2016:

Kursus	Tarikh	Bilangan Pegawai
Program Pegawai Integriti Bertauliah (Ce1o)	14 Feb – 12 Apr 2016	1
FAA Certified Training Accreditation	21 – 25 Mac 2016	1
Bakal Pesara Dan Bengkel Pengurusan Skim Pencen	28 – 30 Mac 2016	1
Audit Committee Conference 2016	29 Mac 2016	3
Java SE 8 Fundamentals	25 – 29 Apr 2016	6
Microsoft : Administering System Center 2012 Configuration Manager	9 – 13 Mei 2016	2
Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kali Ke – 12	15 – 17 Mei 2016	3
Public Sector Financial Management Conference 2016	19 – 20 Mei 2016	1
RSOG Senior Leadership Programme	23 – 27 Mei 2016	1
Inaugural Annual Financial Planning Signature Conference 2016	26 Mei 2016	1
PhilipCapital 7 th Annual Investment Conference	18 Jun 2016	1
Laman Web Joomla!	26 – 28 Jul 2016	1
2016 Fraud & Cybersecurity Conference : Combatting Fraud & Cybercrime : Your Defence Strategy	1 – 2 Ogos 2016	6
Seminar Kewangan Dan Pengauditan Sektor Awam 2016	28 – 30 Ogos 2016	2
Information Security Management System (ISMS) ISO/IEC 27001 : 2013 Auditor/Lead Auditor	26 – 30 Sep 2016	2
Half Day Programme : Future Of Audit	29 Sep 2016	5

Kursus	Tarikh	Bilangan Pegawai
<i>2016 National Conference Navigate Waves Of The Digital Revolution</i>	10 – 11 Okt 2016	3
<i>Zakat & Waqf – Based Financial Products-Structure, Innovation, Regulation & Practice</i>	19 Okt 2016	2
Seminar Transformasi Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Dalam Perkhidmatan Awam	20 – 21 Okt 2016	2
<i>Accounting For Agriculture</i>	27 Okt 2016	3
<i>Public Sector Internal Audit Conference 2016</i>	7 – 8 Nov 2016	5
Persidangan MIA 2016	15 – 16 Nov 2016	38
Pengenalan TARGIT <i>Business Intelligence (BI)</i>	16 – 17 Nov 2016	2
Seminar Penilaian Dasar Awam Bagi Pegawai Latihan	21 – 22 Nov 2016	4
<i>English For Financial Reporting</i>	23 – 24 Nov 2016	2
<i>Foundation Of SAP (SAP01)</i>	23 – 25 Nov 2016	6
<i>MIA Public Practice Programme 2016</i>	5 – 6 Dis 2016	1

PELAN LATIHAN (TRAINING ROADMAP)

Pelan Latihan (*Training Roadmap*) adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kompetensi pegawai perakaunan. Ia merupakan salah satu platform yang penting ke arah peningkatan kemajuan kerjaya pegawai.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 13 siri kursus melibatkan penyertaan seramai 413 pegawai telah diadakan seperti berikut:

Kumpulan	Siri Kursus	Kehadiran	Tempat
Akauntan	6	175	IPN-CPD, Cyberjaya
Penolong Akauntan	4	147	IPN, Sabak Bernam
Pembantu Akauntan	3	91	
Jumlah Keseluruhan	13	413	

PERSIDANGAN AKAUNTAN ANTARABANGSA MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS (MIA) 2016

MIA telah menganjurkan Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA pada 15 November hingga 16 November 2016 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Persidangan kali ini yang bertemakan *Strengthening The Profession For A Sustainable Future* telah dirasmikan oleh YB. Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Menteri Kewangan II.

Persidangan ini telah dihadiri oleh 2,930 delegasi termasuk 64 pegawai dari JANM. Kehadiran Akauntan JANM ke persidangan ini adalah untuk mendapatkan pendedahan mengenai isu-isu semasa profesion perakaunan. Di samping itu, Akauntan JANM juga dapat berkongsi ilmu di peringkat global ke arah meningkatkan kecekapan dalam memainkan peranan yang pelbagai terutamanya sebagai perunding atau penasihat kewangan dan perakaunan dalam sektor awam.

Persidangan kali ini bertemakan *Strengthening The Profession For A Sustainable Future*



Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2016

PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT SUMBER MANUSIA (HRMIS)

MESYUARAT KERJA PENYELARASAN PENGURUSAN CUTI HRMIS JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) TAHUN 2016

Mesyuarat Kerja Penyelarasan Pengurusan Cuti *Human Resource Management Information System* (HRMIS) JANM bagi Tahun 2016 telah diadakan pada 2 Ogos hingga 3 Ogos 2016 bertempat di Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPN-CPD), Cyberjaya. Mesyuarat ini merupakan satu usaha untuk memastikan pentadbir cuti dapat menguruskan rekod cuti serta mengunci masuk maklumat di dalam HRMIS

dengan betul. Di samping itu, aktiviti ini juga dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran secara latihan semula (*refresher course*) dalam penggunaan aplikasi HRMIS kerana berlaku peralihan tugas dan kerja yang baharu di kalangan pentadbir sumber manusia.

Pelaksanaan mesyuarat kerja ini telah disertai oleh 24 orang pegawai yang merupakan wakil pegawai dari setiap Bahagian JANM Ibu Pejabat. Peserta merupakan pentadbir cuti yang melaksanakan urusan cuti pegawai di bahagian masing-masing. Pengendalian mesyuarat kerja ini telah dijalankan oleh penceramah dan fasilitator daripada unit HRMIS JANM dan setiap peserta diberi capaian ke atas server latihan yang disediakan secara dalam talian (*web-based*).

PELAKSANAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KEY PERFORMANCE INDICATOR - KPI) HRMIS

KPI HRMIS telah mula dilaksanakan pada tahun 2009 ke atas Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA). Pelaksanaan KPI HRMIS yang telah dikenakan ke atas 49 orang PPTPA dan empat (4) orang Setiausaha Kerajaan Perkhidmatan Awam Negeri adalah seperti Jadual 6 berikut:

Jadual 6 : Perbandingan Kriteria KPI HRMIS Tahun 2015 Dan 2016

Elemen	Kriteria Penilaian	Wajaran Markah Tahun 2015	Wajaran Markah Tahun 2016
K1	Pengemaskinian Data Perjawatan: Perbandingan Bilangan Perjawatan di antara HRMIS dan MyPost	30	20
K2	Pemurnian Data bagi elemen di Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan	20	20
K3	Pelaksanaan Submodul Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)	15	20
K4	Pelaksanaan Fungsi Sasaran Kerja Tahunan (SKT)	15	15
K5	Pelaksanaan Submodul Perisytiharan Harta	10	15
K6	Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan Melalui HRMIS bagi: a) Persaraan wajib b) Persaraan pilihan c) Kematian dalam perkhidmatan	-	10

Penilaian Elemen K6 merupakan kriteria baharu yang dikenakan dalam penilaian KPI HRMIS Tahun 2016. Kriteria-kriteria penilaian yang telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Pelaksanaan HRMIS di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan turut dibentangkan di dalam Mesyuarat Pelaksanaan HRMIS peringkat JANM yang diadakan setiap dua (2) kali setahun. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah BPPP dan dihadiri oleh wakil-wakil Bahagian yang terlibat secara langsung di dalam urusan penyelarasan pentadbiran di peringkat bahagian masing-masing. Status pencapaian JANM berdasarkan pelaksanaan KPI HRMIS adalah seperti di Jadual 7.

Jadual 7 : Status Pencapaian KPI HRMIS Mulai Tahun 2014 Sehingga 2016

Tahun	Bilangan Kriteria Penilaian	Pencapaian Pelaksanaan HRMIS di JANM (Rating)	Jumlah Markah (Pemarkahan adalah bergantung kepada kaedah perkiraan pada tahun penilaian)
2014	5	ST	95
2015	5	5 star	99.37
2016	6	5 star	100

Penyampaian sijil pencapaian KPI HRMIS tahun 2015 telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) iaitu YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal kepada YBrs. Encik Saat bin Esa, Timbalan Akauntan Negara (Korporat). Majlis penyampaian sijil ini diadakan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Bil. 1/2016 anjuran JPA di Menara Seri Wilayah pada 13 Mei 2016.



Penyampaian Sijil Pencapaian KPI HRMIS Tahun 2015


PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI PERBELANJAAN MENGRUS (B10)

Pada tahun 2016 jumlah peruntukan vot mengurus yang diluluskan kepada JANM ialah sebanyak RM229.89 juta iaitu berkurangan sebanyak 3.50% berbanding RM238.22 juta pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM214.41 juta diluluskan di bawah peruntukan Dasar Sedia Ada, RM7.68 juta di bawah peruntukan Dasar Baru, RM5.25 juta di bawah peruntukan *One-off* dan sebanyak RM2.55 juta adalah di bawah Program Khusus. Pecahan peruntukan mengurus JANM adalah seperti di Carta 9.

Berdasarkan kepada jumlah keseluruhan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM229.89 juta, 95.33% iaitu RM219.16 juta telah dibelanjakan pada tahun 2016.

Carta 9 : Agihan Peruntukan Mengurus B10 JANM Bagi Tahun 2016




Prestasi perbelanjaan mengurus mengikut butiran bagi tahun 2016 adalah seperti di Jadual 8.

Jadual 8 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Butiran Bagi Tahun 2016

Kod	Maksud Perbelanjaan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	% Belanja
10000	Emolumen	124.96	117.69	94.18
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	104.12	100.69	96.71
30000	Aset	0.51	0.51	100
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	0.30	0.26	86.67
Jumlah Keseluruhan Perkhidmatan Perakaunan		229.89	219.15	95.33

Perbelanjaan Emolumen merupakan perbelanjaan terbesar JANM iaitu mewakili sebanyak 53.70% (RM117.68 juta) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Lain-lain perbelanjaan iaitu perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak 45.95% (RM100.69 juta), perbelanjaan Aset sebanyak 0.23% (RM0.51 juta), perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak 0.12% (RM0.26 juta) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan JANM. Ini digambarkan melalui Carta 10 berikut.

Carta 10 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Butiran Bagi Tahun 2016



Prestasi perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 berdasarkan kepada Program/Aktiviti JANM adalah seperti Jadual 9.

Jadual 9 : Prestasi Perbelanjaan Mengikut Program / Aktiviti JANM


Kod Aktiviti	Program / Aktiviti	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
Dasar Sedia Ada				
020100	Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan	44.45	43.60	98.10
020200	Pengurusan Wang Amanah Dan Sekuriti	8.27	7.87	95.24
020300	Pengurusan Teknologi Maklumat	48.01	47.39	98.60
020400	Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan	86.68	84.11	97.03
020500	Pengurusan Operasi Pusat Dan Agensi	6.30	6.04	96.56
020600	Pengurusan Audit Dalam	10.09	9.41	93.27
020700	Institut Perakaunan Negara	10.61	10.06	94.82
Jumlah Dasar Sedia Ada		214.41	208.48	97.24
Dasar Baru				
080400	Sewaan Dan Penyelenggaraan	3.22	3.06	95.03
080500	Pertambahan Jawatan Transformasi	4.07	0.24	5.78
080600	Program Latihan	0.39	0.38	97.68
Jumlah Dasar Baru		7.68	3.68	47.90
One-Off				
090200	Penggantian Peralatan ICT	0.51	0.51	100
090600	Penyenggaraan Dan Naik Taraf	2.75	2.75	100
090800	GSSC (UNDP)	1.99	1.87	93.97
Jumlah One-Off		5.25	5.13	97.71
Program Khusus				
070101	Bertugas Di Luar Negara	0.85	0.52	61.17
070201	Emolumen Kakitangan Kontrak	1.70	1.35	79.41
Jumlah Program Khusus		2.55	1.87	73.33
JUMLAH KESELURUHAN		229.89	219.15	95.33

Jadual 10 dan Carta 11 menunjukkan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan vot mengurus bagi tahun 2014, 2015 dan 2016.

Jadual 10 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Vot Mengurus
Bagi Tahun 2014, 2015 Dan 2016

Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Peruntukan	241.26	238.22	229.89
Perbelanjaan	224.84	231.78	219.15
Prestasi Perbelanjaan	93.19%	97.30%	95.33%

Carta 11 : Perbandingan Peruntukan dan Perbelanjaan Vot Mengurus
Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016



PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (P10)

Bagi tahun kewangan 2016, peruntukan pembangunan yang diluluskan kepada JANM ialah sebanyak RM92.33 juta. Prestasi perbelanjaan projek pembangunan JANM bagi tahun 2016 adalah seperti di Jadual 11.

Jadual 11 : Prestasi Perbelanjaan Vot Pembangunan (P10) Tahun 2016 JANM


Kod Siri Projek	Nama Projek	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
0090000	Perluasan Pelaksanaan SAGA	61.39	61.39	100
0110000	Data Conversion Dan Migrasi Maklumat WTD Dari Sistem Imej Ke Sistem G-UMIS	5.59	5.59	100
0120001	Naik Taraf Perkakasan ICT Selaras Dengan IPV6	1.72	1.72	100
Jumlah Projek Bagi Butiran 06000 - Pengkomputeran JAN		68.70	68.70	100
0040001	SRI – Pembangunan 1 AG System	23.63	23.63	100
Jumlah Projek Bagi Butiran 86000 – Strategic Reform Initiative (SRI)		23.63	23.63	100
JUMLAH KESELURUHAN		92.33	92.33	100

Jadual 12 dan Carta 12 menunjukkan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan vot pembangunan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016.

Jadual 12 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Vot Pembangunan Bagi Tahun 2014, 2015 Dan 2016

Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Peruntukan Yang Diluluskan	170.33	76.07	92.33
Perbelanjaan	163.25	71.34	92.33
Prestasi Perbelanjaan	95.84%	93.79%	100%

Carta 12 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Vot Pembangunan Bagi Tahun 2014, 2015 Dan 2016




PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN

Perolehan bekalan dan perkhidmatan JANM dilaksanakan secara tender, sebut harga dan rundingan harga berdasarkan tatacara perolehan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Perbandingan amaun dan bilangan perolehan bekalan dan perkhidmatan mengikut kaedah perolehan bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti Jadual 13 dan Carta 13 berikut:

Jadual 13 : Nilai Perolehan Mengikut Kaedah Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan

Perolehan	Tahun 2014 (RM)	Tahun 2015 (RM)	Tahun 2016 (RM)
Tender	30,198,523	26,650,920	10,793,055
Sebut Harga	2,318,381	2,285,885	1,989,748
Rundingan Terus	89,453,408	105,993,822	37,631,703
Jumlah	121,970,312	134,930,627	50,414,506

Carta 13 : Bilangan Perolehan Mengikut Kaedah Perolehan Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan



KELULUSAN JURUAUDIT DAN PENYELESAI SYARIKAT TAHUN 2016

Selaras dengan Peruntukan Seksyen 8 Akta Syarikat 1965, JANM telah diberi kuasa oleh Menteri Kewangan untuk memproses permohonan baharu dan permohonan pembaharuan sijil kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat.

Bagi permohonan baharu, sebanyak 24 sesi temu duga untuk kelulusan Juruaudit telah dijalankan sepanjang tahun 2016. Bilangan calon yang hadir temu duga telah bertambah daripada 117 calon pada tahun 2015 kepada 145 calon pada tahun 2016. Daripada 145 orang yang ditemuduga, sebanyak 141 calon memohon untuk kelulusan Juruaudit manakala empat (4) calon untuk kelulusan sebagai Penyelesai Syarikat. Peratusan calon yang lulus temu duga telah berkurang kepada 46.21% pada tahun 2016 berbanding 47.86% pada tahun 2015. Prestasi temu duga kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 ditunjukkan di Jadual 14.

Jadual 14 : Prestasi Temu Duga Kelulusan Baharu Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat Bagi Tahun 2014 Hingga 2016

Tahun	Bilangan Temu Duga	Calon Dipanggil Temu Duga	Calon Tidak Hadir Temu Duga	Calon Yang Lulus Temu Duga	%	Calon Yang Gagal Temu Duga	%
2014	21	104	1	56	53.85	48	46.15
2015	25	117	1	56	47.86	61	52.14
2016	24	145	3	67	46.21	78	53.79

Analisis yang dibuat ke atas keputusan temu duga sepanjang 2016 mendapati seramai 47 orang calon gagal dalam kompetensi berkaitan Akta Syarikat 1965, 53 orang calon gagal dalam aspek Akta Akauntan 1967 dan MIA By Law, 48 orang calon gagal dalam aspek Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, 41 orang calon dalam aspek Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 serta dua (2) calon dalam aspek Likuidasi. Rajah 1 menunjukkan analisis aspek-aspek teknikal yang gagal dijawab oleh calon-calon.

Bagi permohonan pembaharuan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat sebanyak 1,007 borang permohonan telah diterima. Manakala 145 permohonan sedang dalam tindakan untuk kelulusan. Berdasarkan Seksyen 8(5) Akta Syarikat 1965, sijil pembaharuan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat adalah bagi tempoh dua (2) tahun sahaja melainkan dibatalkan lebih awal oleh YB Menteri Kewangan.

Daripada jumlah tersebut sehingga Disember 2016, sebanyak 853 sijil pembaharuan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat telah diperakui oleh YB Menteri Kewangan. Prestasi pembaharuan sijil kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat adalah seperti di Jadual 15.

Jadual 15 : Senarai Pembaharuan Kelulusan Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat Bagi Tahun 2014 Hingga 2016

Tahun	Pembaharuan Kelulusan Yang Dikeluarkan	
	Juruaudit	Penyelesai Syarikat
2014	835	122
2015	575	89
2016	749	104

Sehingga 31 Disember 2016, terdapat seramai 1,600 Juruaudit dan 224 Penyelesai Syarikat yang masih aktif dan telah diberi kelulusan. Mulai Mac 2016, permohonan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat dilaksanakan secara *online* melalui sistem *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS). Objektif pelaksanaan ini adalah untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dengan lebih berkesan di samping meningkatkan kecekapan Jabatan dalam perkhidmatan kepada pelanggan.

Rajah 1 : Analisis Aspek-Aspek Teknikal Yang Gagal Dijawab Oleh Calon-Calon



PEMBANGUNAN PIAWAIAN PERAKAUNAN ISLAM (PPI)

Inisiatif awal dalam PPI dimulakan dengan mengenal pasti jurang amalan perakaunan Majlis Agama Islam Negeri melalui penyelidikan. Jabatan telah melantik tiga (3) universiti awam yang mempunyai kepakaran penyelidikan dalam bidang perakaunan iaitu Universiti Utara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Satu majlis menandatangani perjanjian penyelidikan telah diadakan pada 4 Februari 2016. Majlis tersebut telah diserikan dengan kehadiran Menteri Kewangan II, YB. Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah serta wakil-wakil daripada universiti yang terlibat.

Pada tahun 2016, tumpuan hanya diberikan kepada penyelidikan bagi mendapatkan maklumat berkaitan perakaunan Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Penyelidikan ini telah mengambil masa selama 10 bulan untuk disiapkan iaitu daripada Februari 2016 hingga Disember 2016. Seramai 18 orang penyelidik telah terlibat dalam penyelidikan ini.

Hasil kajian penyelidikan ini telah dikongsikan dalam Seminar Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia yang telah diadakan pada 25 Oktober 2016. Seramai 200 orang peserta telah menghadiri seminar ini yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Agensi Kerajaan, Majlis Agama Islam Negeri dan pakar-pakar syariah dan perakaunan.

Jabatan telah melantik tiga (3) universiti awam yang mempunyai **kepakaran penyelidikan dalam bidang perakaunan** iaitu Universiti Utara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



Majlis Menandatangani Perjanjian Penyelidikan Piawain Perakaunan Islam: Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan

Seminar Penyelidikan Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal Di Malaysia



BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING (BKP)


PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN LUAR NEGERI AKRUAN (1SPLN)

Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (1SPLN) merupakan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan elektronik berasaskan perakaunan akruan bagi agensi Kerajaan di luar negara dan menggantikan SPLN (Sistem Perakaunan Luar Negeri). Pelaksanaan 1SPLN adalah selaras dengan transformasi landskap perakaunan Kerajaan Persekutuan dari Perakaunan Asas Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Asas Akruan dan selari dengan pelaksanaan *Government Financial Management and Accounting System (1GFMAS)*.



1SPLN telah dilaksanakan secara *big bang* bermula 4 Januari 2016 di 156 PTJ di 107 lokasi yang terletak di 83 buah negara. Bertepatan dengan konsep *Blue Ocean Strategy*, sistem 1SPLN telah beroperasi dengan lancar hasil kolaborasi bersama sembilan (9) Kementerian/Jabatan. Latihan kepada pengguna 1SPLN telah diadakan dari bulan Oktober hingga Disember 2015 dan dijalankan di 10 lokasi mengikut zon iaitu Asia, Eropah, Amerika, Timur Tengah dan Pasifik Selatan.

Rajah 2 : Ringkasan Pelaksanaan 1SPLN





Training Of Trainers
Sistem Perakaunan
Luar Negeri Akruan
(TOT 1SPLN)



Pembangunan 1SPLN adalah berasaskan kepada SPLN dan penambahbaikan ke atas sistem dilakukan dengan memasukkan elemen akruan dan ciri-ciri yang lebih mesra pengguna. Ciri-ciri 1SPLN adalah seperti di Rajah 3.

Rajah 3 : Ciri-ciri 1SPLN



PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PRESTASI PELAKSANAAN 1SPLN

Mesyuarat Pemantauan dan Penilaian Prestasi Pelaksanaan 1SPLN telah diadakan di Pejabat Malawakil di Singapura, Indonesia, Perancis, Itali, Jerman dan United Kingdom dari 17 November hingga 27 November 2016. Tujuan lawatan susulan ini adalah untuk mendapatkan maklum balas dari pengguna 1SPLN tentang prestasi sistem agar tindakan pembetulan dan penambahbaikan ke atas aplikasi sistem, rangkaian dan strategi latihan yang efektif dapat dilaksanakan. JANM sebagai pembangun sistem perakaunan dan kewangan, perlu lebih peka dan responsif terhadap kehendak pelanggan bagi meningkatkan prestasi penyampaian awam.



Pemantauan Dan Penilaian Prestasi Pelaksanaan 1SPLN



PERSIDANGAN PENGGUNA *STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES (SAGA)* 2016 DAN MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL PEMATUHAN SAGA 2016

Persidangan ini telah diadakan di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan pada 24 Mei hingga 26 Mei 2016. Seramai 172 orang peserta yang terdiri daripada wakil dari agensi Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah menghadiri persidangan ini.

Objektif utama persidangan ini diadakan untuk memberi pendedahan terkini mengenai informasi sistem perakaunan dan kewangan berkomputer yang memenuhi kriteria pematuhan SAGA kepada semua Agensi Kerajaan yang merangkumi Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Selain daripada itu, persidangan ini juga menjadi platform untuk tujuan promosi serta *knowledge sharing* daripada agensi yang telah mendapat pengiktirafan Sijil Pematuhan SAGA.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh Akauntan Negara Malaysia iaitu YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin dan telah diadakan bersekali dengan Majlis Penganugerahan Sijil Pematuhan SAGA 2016 kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Persidangan ini juga menjadi platform untuk tujuan promosi serta *knowledge sharing* daripada agensi yang telah mendapat pengiktirafan Sijil Pematuhan SAGA.

MAJLIS PELANCARAN *CONSULTANCY MANAGEMENT SYSTEM (COMS)* DAN PENGANUGERAHAN SIJIL PEMATUHAN SAGA

JANM dengan kerjasama Majlis Bandaraya Ipoh telah menganjurkan Majlis Pelancaran COMS dan Penganugerahan Sijil Pematuhan SAGA bertempat di Hotel Impiana, Ipoh, Perak pada 20 Disember 2016 yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia.





Majlis Pelancaran COMS Dan Penganugerahan Sijil Pematuhan SAGA Yang Disempurnakan Oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee Bin Samsudin

Sebanyak 16 agensi kerajaan seluruh negara telah menerima Sijil Pematuhan SAGA pada majlis tersebut di antaranya adalah Majlis Bandaraya Ipoh, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Pelabuhan Johor, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Timbalan Akauntan Negara (Operasi), YBhg. Dato' Mohamad Azmi bin Ali, YBhg. Dato' Zamri bin Man selaku Datuk Bandar Ipoh serta Puan Rihatun Abddah binti Meor Zainal Abidin, Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP), JANM.

PERSIDANGAN E-PEMBAYARAN

BKP telah menganjurkan Persidangan e-Pembayaran 2016 pada 11 November 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM, Putrajaya dan telah dirasmikan oleh Puan Rihatun Abddah binti Meor Zainal Abidin, Pengarah BKP. Peserta persidangan yang hadir adalah seramai 112 orang yang mewakili pegawai daripada Bahagian-bahagian di JANM, Bahagian Akaun Kementerian, JANM Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka yang terlibat secara langsung dalam operasi terimaan serta wakil Kementerian Kewangan yang bertanggung jawab dalam pelaksanaan e-Pembayaran di sektor awam.



Persidangan e-Pembayaran Yang Dirasmikan Oleh Puan Rihatun Abddah Binti Meor Zainal Abidin, Pengarah BKP, JANM.

Antara objektif persidangan ini adalah untuk meningkatkan kefahaman serta memberi pendedahan kepada peserta berkaitan hala tuju e-pembayaran negara dan sektor awam serta memaklumkan produk-produk terkini e-pembayaran. Penceramah jemputan terdiri daripada wakil Bank Negara Malaysia, Jabatan Insolvensi Malaysia, Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) dan MyClear Corporation Sdn. Bhd. (JomPAY).

AKTIVITI PRE-GO LIVE PILOT SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (1SPEKS)

Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (1SPEKS) dibangunkan untuk Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia bagi memenuhi keperluan pelaksanaan perakaunan akruan. Bagi merealisasikan pelaksanaan *go-live pilot* di Johor pada tahun 2017, beberapa siri pengujian dan latihan telah dilaksanakan.

1 1SPEKS USER ACCEPTANCE TESTING (UAT)

- 1 UAT telah dijalankan pada bulan Mei hingga Ogos 2016 yang melibatkan dua (2) buah negeri iaitu Negeri Sembilan dan Selangor.

2 LATIHAN 1SPEKS SECARA INTENSIF

- 2 Pengujian 1SPEKS secara intensif telah dijalankan sepanjang bulan September 2016 dan dihadiri oleh wakil BKP, wakil Kerajaan Negeri Semenanjung Malaysia dan *trainers* yang dilantik oleh *System Integrator* (KJSB).

3 PRE FULL CYCLE TESTING (PRE-FCT)

- 3 Sesi pre-FCT dijalankan setelah mengambil kira hasil pengujian secara intensif yang diadakan pada bulan September 2016. Sesi pre-FCT yang dihadiri oleh wakil daripada BKP telah dijalankan pada 2 November hingga 21 Disember 2016.

4 FULL CYCLE TESTING (FCT)

- 4 Sesi FCT dijalankan pada 7 November hingga 27 Disember 2016. Sesi FCT dijalankan dengan melibatkan wakil daripada Perbendaharaan Negeri Johor dan wakil *System Integrator* (KJSB).

5 LATIHAN 1SPEKS

- 5 Latihan 1SPEKS dijalankan di negeri Johor melibatkan pengguna-pengguna di PTJ dan Perbendaharaan Negeri (BN). Latihan ini dijalankan secara *hands on* kepada pengguna-pengguna 1SPEKS mengikut modul-modul. Latihan 1SPEKS dijalankan sebanyak dua (2) sesi. Sesi pertama telah diadakan pada 22 November hingga 5 Disember 2016 manakala sesi kedua pada 7 Disember hingga 21 Disember 2016.

6 PRE-PROVISION ACCEPTANCE TEST (PRE-PAT)

- 6 Pre-PAT yang dijalankan melibatkan wakil BKP dan *System Integrator* (KJSB). Sesi ini diadakan adalah bertujuan untuk memastikan sesi *Provision Acceptance Test* (PAT) berjalan dengan lancar. Sesi pre-PAT dijalankan pada 18 Disember hingga 23 Disember 2016.

7 PROVISION ACCEPTANCE TEST (PAT)

- 7 PAT yang dijalankan melibatkan wakil Perbendaharaan Negeri Johor selaku *pilot state* bagi pelaksanaan 1SPEKS. Sesi PAT dijalankan pada 26 Disember hingga 31 Disember 2016.

KURSUS KUMPULAN PELAKSANA BKP TAHUN 2016

Kursus untuk Kumpulan Pelaksana BKP Tahun 2016 'How To Tackle Your Boss' telah diadakan di Hotel Seri Malaysia, Kangar, Perlis pada 18 Oktober hingga 21 Oktober 2016. Kursus ini telah dirasmikan oleh Pengarah BKP, Puan Rihaton Abddah binti Meor Zainal Abidin dan dihadiri oleh 20 orang peserta terdiri daripada pegawai kumpulan Sokongan BKP.

Kursus untuk Kumpulan Pelaksana BKP merupakan salah satu KPI bagi Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, BKP dan diadakan sekali setahun. Secara amnya, kursus ini dianjurkan dengan matlamat untuk melahirkan individu yang cemerlang, proaktif dan efisien selain memupuk semangat berpasukan yang dapat menyumbang kepada kejayaan BKP.



Kursus 'How To Tackle Your Boss' Di Hotel Seri Malaysia, Kangar, Perlis.

BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM)

SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (GFMAS)

PENGURUSAN ADUAN

Piagam Pelanggan Jabatan menetapkan supaya setiap aduan daripada pengguna berkaitan gangguan penggunaan sistem diakuterima dalam tempoh 15 minit selepas aduan diterima melalui sistem *Helpdesk*. Sepanjang tahun 2016, sejumlah 1,491 aduan berkaitan sistem GFMAS telah diterima di dalam *Solution Manager (SolMan)* oleh Unit *Helpdesk* BPTM. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 1,491 aduan (100%) telah berjaya diakuterima dalam tempoh 15 minit.


Aduan-aduan SolMan yang diterima dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu aduan aplikasi dan aduan teknikal. Aduan aplikasi merangkumi semua masalah berkaitan aplikasi GFMAS yang terdiri daripada Modul *Standard* iaitu Modul GL, FM, CO, AP, AR, MM, CM, ABC dan HR-PAY serta Modul *Customized* iaitu GALMoS, GLoMIS, GUMIS, GSMIS dan *Treasury*. Aplikasi GFMAS juga termasuk ALE, BW, *Authorizations* dan *WebMethods*. Aduan teknikal pula merangkumi masalah *Hardware*, *Network*, *Security*, *Data Center*, *Isign*, *Backup*, *Server*, BASIS dan E-mel.

Pecahan terperinci aduan yang diterima di dalam SolMan berdasarkan bulan dan kategori aduan boleh dirujuk di Jadual 16. Jumlah aduan bulanan ditunjukkan di dalam Carta 14 manakala Carta 15 pula menunjukkan perbandingan di antara aduan aplikasi dan aduan teknikal.


Jadual 16 : Aduan Yang Diterima Melalui SolMan Mengikut Bulan dan Kategori Bagi Tahun 2016

Bulan	Jumlah Aduan	Aplikasi	Teknikal
Januari	209	186	23
Februari	135	108	27
Mac	142	119	23
April	130	109	21
Mei	122	105	17
Jun	116	96	20
Julai	102	82	20
Ogos	91	76	15
September	98	82	16
Oktober	121	98	23
November	89	76	13
Disember	136	120	16
Jumlah	1,491	1,257	234

Carta 14 : Jumlah Aduan SolMan Berdasarkan Bulan Terimaan Bagi Tahun 2016



Carta 15 : Aduan SolMan Mengikut Kategori Bagi Tahun 2016



BPTM telah menetapkan setiap aduan diselesaikan mengikut jenis *priority* aduan tersebut. Aduan dengan *priority Very High* akan diselesaikan dalam tempoh 24 jam, manakala aduan yang dikenal pasti dengan *priority High* akan diselesaikan dalam tempoh dua (2) hari bekerja. Bagi masalah yang dikategorikan dengan *priority Medium*, akan diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dan aduan dengan *priority Low* akan diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. Namun begitu, tempoh masa penyelesaian akan bertambah sekiranya aduan tersebut memerlukan kerjasama atau penyelesaian daripada pihak ketiga.

Sepanjang tahun 2016, daripada 1,491 aduan yang diterima dalam tahun semasa dan 46 aduan yang dibawa dari tahun-tahun sebelumnya, BPTM telah berjaya menyelesaikan sebanyak 1,516 aduan, manakala baki 21 aduan dibawa ke tahun hadapan. Maklumat terperinci ditunjukkan di dalam Jadual 17.

Jadual 17 : Jumlah Aduan Diterima Dan Diselesaikan Mengikut Tahun

Tahun	Aduan Dibawa Dari Tahun Lepas	Aduan Diterima Dalam Tahun Semasa	Aduan Diselesaikan Dalam Tahun Semasa	Aduan Dibawa Ke Tahun Hadapan
2014	64	2,403	2,416	51
2015	51	2,134	2,139	46
2016	46	1,491	1,516	21


SISTEM ePENYATA GAJI & eLAPORAN (eSPGL)

Sepanjang tahun 2016, bilangan pengguna yang berjaya daftar masuk (*login*) ke dalam Sistem ePenyata Gaji dan eLaporan adalah sebanyak 23,093,799. Bilangan ini terdiri daripada pengguna individu yang mendapatkan penyata gaji bulanan sepanjang tahun 2016. Bilangan ini juga termasuk pengguna individu yang mewakili Pusat Pembayar Gaji dan PTJ dalam mendapatkan Laporan Gaji dan Laporan Siri C daripada sistem. Pecahan maklumat bilangan pengguna yang mengakses sistem ePenyata Gaji dan eLaporan bagi tahun 2016 adalah seperti Jadual 18 dan Carta 16 berikut:

Jadual 18 : Statistik Capaian Pengguna eSPGL Mengikut Bulan Dalam Tempoh Januari Hingga Disember 2016

Bulan	Bilangan Capaian Pengguna
Januari	1,961,863
Februari	1,727,090
Mac	2,029,570
April	1,871,069
Mei	1,662,356
Jun	2,139,606
Julai	3,562,787
Ogos	2,040,618
September	1,441,718
Oktober	1,391,201
November	1,697,320
Disember	1,568,601
Jumlah Keseluruhan	23,093,799

Carta 16 : Graf Capaian Pengguna eSPGL Mengikut Bulan Dalam Tempoh Januari Sehingga Disember 2016



RANGKAIAN DAN KESELAMATAN ICT

AUDIT KESELAMATAN DAN TAKLIMAT KESEDARAN ICT JANM

Audit keselamatan dan taklimat kesedaran ICT merupakan agenda tetap yang dilaksanakan setiap tahun bagi memastikan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) JANM sentiasa dipatuhi oleh seluruh warga JANM. Bagi tahun 2016, aktiviti audit dan taklimat keselamatan ICT telah dilaksanakan dengan melakukan lawatan ke beberapa Pejabat Perakaunan Negeri, Cawangan JANM serta Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD).

Aktiviti ini bermula pada bulan November 2016 dan berakhir pada Disember 2016. Sebelum pengauditan dibuat, satu taklimat kesedaran keselamatan ICT telah diberikan kepada pengguna-pengguna ICT di Pejabat Perakaunan terpilih dan BWTD bagi memberi pendedahan serta meningkatkan tahap kesedaran warga JANM berkaitan isu-isu keselamatan ICT.

Jadual 19 : Lawatan Audit Keselamatan ICT Ke Pejabat Perakaunan Negeri, Cawangan JANM Serta BWTD

Bil.	Pejabat Perakaunan Negeri Dan Cawangan	Tarikh Lawatan
1.	Melaka	14 – 15 Nov 2016
2.	Negeri Sembilan	16 – 17 Nov 2016
3.	Perak	21 – 22 Nov 2016
4.	Tawau	21 – 22 Nov 2016
5.	Kuching	22 – 23 Nov 2016
6.	Pulau Pinang	23 – 24 Nov 2016
7.	Sandakan	23 – 24 Nov 2016
8.	Sri Aman	24 – 25 Nov 2016
9.	Kedah	27 – 28 Nov 2016
10.	Kota Kinabalu	28 – 29 Nov 2016
11.	Perlis	29 – 30 Nov 2016
12.	Keningau	30 Nov – 1 Dis 2016
13.	Kelantan	30 Nov – 1 Dis 2016
14.	Terengganu	4 – 5 Dis 2016
15.	Labuan	5 – 6 Dis 2016
16.	Miri	5 – 6 Dis 2016
17.	Pahang	6 – 7 Dis 2016
18.	Limbang	7 – 8 Dis 2016
19.	BWTD	13 – 14 Dis 2016
20.	Sibu	13 – 14 Dis 2016
21.	Selangor	15 – 16 Dis 2016
22.	Sarikei	15 – 16 Dis 2016
23.	Kapit	19 – 20 Dis 2016
24.	Johor	19 – 20 Dis 2016
25.	Bintulu	21 – 22 Dis 2016

Jadual 20 : Senarai Pejabat Perakaunan Negeri Dan Cawangan JANM Yang Terlibat Dengan Taklimat Kesedaran ICT

Bil.	Pejabat Perakaunan Negeri Dan Cawangan
1.	Negeri Sembilan
2.	Perak
3.	Tawau
4.	Pulau Pinang
5.	Sandakan
6.	Keningau
7.	Kelantan
8.	Terengganu
9.	Pahang
10.	Labuan
11.	BWTD

Objektif audit keselamatan ICT dan taklimat kesedaran ICT ini dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan kesedaran keselamatan ICT di kalangan warga JANM.
2. Mengurangkan insiden keselamatan ICT Jabatan.
3. Mengkaji dan melaksana penambahbaikan yang diperlukan daripada penemuan audit keselamatan ICT.

Sebanyak empat (4) bidang utama keselamatan ICT telah dikenal pasti bagi tujuan penilaian iaitu perkakasan, rangkaian dan keselamatan, operasi serta aplikasi gunasama. Dua (2) orang pegawai dari BPTM telah ditugaskan di setiap lokasi yang terlibat. Selain menjadi juruaudit dan memberikan taklimat kesedaran keselamatan ICT, pegawai BPTM turut membuat pemeriksaan terhadap rekod, perkakasan ICT dan juga bilik server JANM.



Taklimat Kesedaran Dan Keselamatan ICT

Isu-isu utama yang ditemui semasa audit keselamatan ICT adalah seperti berikut:

Isu Utama	Implikasi
E-mel rasmi digunakan untuk urusan peribadi	Server e-mel JANM akan menjadi sasaran serangan virus dan spam
Amalan pengurusan rekod aset bagi peralatan ICT masih lemah	Rekod aset ICT yang tidak teratur boleh menyebabkan penyalahgunaan kemudahan ICT

Secara keseluruhannya, bagi audit keselamatan ICT 2016, Pejabat-pejabat Perakaunan Negeri dan Cawangan JANM serta BWTD didapati mempunyai tahap risiko keselamatan ICT yang rendah dan munasabah, di samping mengamalkan budaya tadbir urus ICT yang baik.

PENSTRUKTURAN SEMULA LOCAL AREA NETWORK (LAN) DI IPN DAN BWTD

Projek Penstrukturan LAN di IPN dan BWTD telah dianugerahkan kepada pihak HBAR Technology Sdn. Bhd. yang merangkumi pembekalan pengkabelan UTP CAT6 dan juga peralatan *switch* bagi menggantikan *switch* asal yang telah lama digunakan dan berstatus *end of life*. Projek ini bermula pada 14 September 2016 dan selesai *Final Acceptance Test* pada 30 Disember 2016. Projek ini juga meliputi waranti dan khidmat sokongan bagi tempoh tiga (3) tahun yang akan tamat pada Disember 2019.

KEMUDAHAN RANGKAIAN TANPA WAYAR

Teknologi rangkaian tanpa wayar menjadi satu medium kemestian dan keperluan bagi JANM. Penyediaan kemudahan rangkaian tanpa wayar adalah sebagai akses alternatif dalam memenuhi penggunaan peranti mudah alih yang digunakan kini.

Perkhidmatan rangkaian tanpa wayar yang dibangunkan melibatkan instalasi *wireless* AP di ruangan kerja bangunan Pejabat Perakaunan (PP) dan BWTD. AP berfungsi sebagai medium membekalkan liputan (*coverage*) bagi capaian *wireless* JANM. Kemudahan ini dapat digunakan bukan sahaja untuk PC dan peranti pintar, malah *Personal Data Assistant* (PDA) pejabat ketika berada di ruangan bangunan JANM.

Penyediaan kemudahan ini menyokong piawaian protokol internet versi 6 (IPv6) dan di konfigurasi secara *dual-stack* (IPv4 dan IPv6). Setiap premis terlibat dibekalkan dengan sejumlah AP untuk kemudahan *wireless* ini.

Aktiviti pemasangan *wireless* JANM bermula pada bulan November 2016 dan berakhir pada Disember 2016.

Objektif projek pemasangan kemudahan rangkaian tanpa wayar dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Menyediakan kemudahan capaian tanpa wayar kepada PP dan BWTD bagi peningkatan medium capaian dengan peralatan yang menyokong pelaksanaan IPv6 dan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan (1GFMAS).
2. Mengaplikasikan teknologi ICT yang terkini yang menyediakan capaian mudah dan pantas serta memenuhi piawaian protokol IPv6.
3. Memastikan prosedur keselamatan ICT diterapkan dalam penggunaan *wireless* dengan kawalan *privileges* terhadap kategori pengguna iaitu pegawai JANM dan pelawat.

Secara keseluruhannya, objektif pemasangan *wireless* ini adalah bertepatan dalam memberikan akses alternatif di samping pendedahan kepada teknologi tanpa wayar terkini yang mempunyai ciri-ciri keselamatan berdasarkan DKICT JANM.

Objektif pemasangan *wireless* ini adalah bertepatan dalam memberikan akses alternatif di samping pendedahan kepada teknologi tanpa wayar terkini yang mempunyai ciri-ciri keselamatan berdasarkan DKICT JANM.

PENGURUSAN INFRASTRUKTUR

PROJEK PENGGANTIAN KOMPUTER (PC) DAN PENCETAK SERTA KOMPUTER RIBA MULTIMEDIA DI JANM

Projek penggantian PC merupakan perolehan menggantikan 1,604 unit PC yang dibeli pada tahun 2010. Perolehan ini dilakukan secara sewaan bagi tempoh tiga (3) tahun bermula 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2019. Projek ini dilaksanakan secara tender terbuka dan petender yang berjaya adalah syarikat Global Elite Ventures Sdn. Bhd. pada 14 September 2016.

Projek penggantian pencetak dan komputer riba multimedia pula merupakan perolehan penggantian pencetak dan komputer riba multimedia yang dibeli pada tahun 2010. Projek ini dilaksanakan oleh Syarikat Global Elite Ventures Sdn. Bhd pada 31 Oktober 2016. Pembekalan dan pemasangan PC, pencetak dan komputer riba adalah meliputi lokasi di Ibu Pejabat JANM, IPN dan 24 JANM Negeri/Cawangan.



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA (IPN)

CORE CENTRE KURSUS GENERIK KEWANGAN

Selaras dengan pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan, IPN telah diamanatkan sebagai Institut Latihan Awam (ILA) Core Centre Kursus Generik Kewangan dan diberi peranan untuk melaksanakan Kursus Generik Kewangan seperti berikut:

1. Asas Perakaunan Kerajaan
2. Perakaunan Terimaan/Hasil Kerajaan
3. Sistem Pembayaran Kerajaan
4. Pemahaman Penyata Kewangan Kerajaan
5. Perakaunan Akaun Amanah, Deposit dan Panjar
6. Kawalan Perbelanjaan
7. Sistem Belanjawan Negara (Asas)
8. Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam
9. Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan
10. Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan
11. Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan
12. Asas Pengurusan Kewangan
13. Perakaunan Akruan (Peringkat Asas)
14. Perakaunan Akruan (Peringkat Pertengahan)

Bagi tahun 2016 IPN telah melaksanakan sebanyak 257 kursus atau 96% daripada 269 kursus yang telah dirancang.

Secara keseluruhan, bagi tahun 2016 IPN telah melaksanakan sebanyak 257 kursus atau 96% daripada 269 kursus yang telah dirancang. Dari jumlah tersebut, 204 adalah kursus yang dijadualkan dalam Program Latihan IPN manakala 53 kursus adalah di luar Program Latihan IPN. Jumlah keseluruhan peserta pada tahun 2016 adalah seramai 6,840 orang yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional seramai 936 orang manakala Kumpulan Pelaksana adalah seramai 5,904 orang.

LAPORAN PELAKSANAAN KURSUS DALAM TAKWIM LATIHAN IPN 2016

Bagi tahun 2016, sebanyak 217 kursus telah dirancang di dalam Takwim Latihan IPN. Kursus-kursus ini merangkumi Kursus Perakaunan, Kewangan, Pengauditan, Sistem Maklumat Perakaunan, Kursus Baharu dan juga kursus Generik Kewangan dan Perakaunan yang dijalankan di lima (5) zon iaitu Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak.

Daripada 217 kursus yang dirancang, IPN berjaya melaksanakan sebanyak 204 kursus atau 94% dan telah mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan. Perincian pelaksanaan takwim latihan adalah seperti di Jadual 21 manakala pecahan pelaksanaan takwim latihan mengikut skop kursus adalah seperti di Carta 17.


Jadual 21 : Prestasi Pelaksanaan Takwim Latihan Tahun 2016

Bil.	Tajuk Kursus	Bil. Kursus Dilaksanakan		Bil. Peserta
		IPN	Zon (JANM Negeri/ Cawangan)	
A	Kursus Generik Kewangan			
1.	Asas Perakaunan Kerajaan	3	3	154
2.	Perakaunan Terimaan/Hasil Kerajaan	10	5	405
3.	Sistem Pembayaran Kerajaan	4	6	264
4.	Asas Pengurusan Kewangan	10	5	382
5.	Perakaunan Akaun Amanah, Deposit Dan Panjar	6	6	330
6.	Kawalan Perbelanjaan	3	4	209
7.	Sistem Belanjawan Negara (Asas)	1	4	136
8.	Gaji, Elaun Dan Kemudahan Penjawat Awam	18	6	713
9.	Pengurusan Aset Alih Dan Stor Kerajaan	10	5	431
10.	Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan	6	7	370
11.	Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan	4	4	204
12.	Perakaunan Akruan (Peringkat Asas)	15	5	484
13.	Perakaunan Akruan (Peringkat Pertengahan)	5	5	312
	Jumlah	95	65	4,394
B	Kursus Perakaunan			
1.	Pengurusan Akaun Belum Terima	2	-	45
2.	Perakaunan Forensik (Asas)	2	-	65
3.	Perakaunan Forensik (Pertengahan)	1	-	23
4.	Pemahaman Penyata Kewangan Kerajaan	2	-	39
	Jumlah	7	-	172
C	Kursus Kewangan			
1.	Bajet Berasaskan Outcome (OBB)	2	-	80
2.	Pengurusan Perolehan Kerja	1	-	34
	Jumlah	3	-	114
D	Kursus Pengauditan			
1.	Audit Kira-Kira Wang Tunai	1	-	35
	Jumlah	1	-	35
E	Kursus Sistem Maklumat Perakaunan			
1.	ePerolehan – Kontrak Pusat/Pembelian Terus	3	-	53
2.	ePerolehan – Sebut Harga/Tender/eBidding	3	-	50
3.	ePerolehan – Kontrak Kementerian	3	-	52
4.	Carta Akaun Akruan	6	-	162
5.	Sistem Pengurusan Aset	6	-	109
6.	Sistem Pengurusan Stor	6	-	117
	Jumlah	27	-	543
F	Kursus Baharu			
1.	Perolehan Secara Pembelian Terus Dan Sebut Harga B	3	-	72
2.	Perolehan Secara Sebut Harga & Tender	3	-	48
	Jumlah	6	-	120
	Jumlah Keseluruhan	139	65	5,378

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 5,378 penjawat awam terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan. Daripada jumlah ini, 281 peserta atau 5% adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 5,097 peserta atau 95% adalah daripada Kumpulan Pelaksana.

Setiap kursus yang dijalankan akan dinilai oleh peserta melalui penilaian secara online berdasarkan tiga (3) komponen utama iaitu kandungan kursus, kemudahan dan juga penceramah. Skor purata minima yang ditetapkan adalah 5.63. Secara keseluruhannya, skor purata yang diperolehi bagi tahun 2016 bagi kandungan kursus (6.15), kemudahan (6.08) dan penceramah (6.28).

Carta 17 : Peratusan Pelaksanaan Takwim Latihan 2016 Mengikut Skop Kursus



Nota: Kursus Baharu Merupakan Kursus Di Bawah Skop Kursus Kewangan

LAPORAN PELAKSANAAN KURSUS LUAR TAKWIM LATIHAN IPN TAHUN 2016

Selain daripada pelaksanaan kursus yang ditakwimkan dalam latihan tahunan, IPN juga turut melaksanakan kursus-kursus lain yang telah diluluskan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Latihan IPN. Kursus-kursus yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

Jadual 22 : Pelaksanaan Kursus Luar Takwim Latihan IPN Tahun 2016

Bil.	Tajuk Kursus	Bil. Kursus Dilaksanakan	Jumlah Peserta
1.	<i>Global Strategy & Leadership (GSL)</i>	2	29
2.	<i>P1 – Governance, Risk & Ethics</i>	5	41
3.	<i>P2 – Corporate Reporting</i>	5	68
4.	<i>P3 – Business Analysis</i>	4	102
5.	<i>P4 – Advanced Financial Management</i>	5	44
6.	<i>P5 – Advanced Performance Management</i>	5	54
7.	<i>CIMA Fast Track</i>	1	4

Bil.	Tajuk Kursus	Bil. Kursus Dilaksanakan	Jumlah Peserta
8.	<i>Financial Reporting</i>	1	17
9.	Program Transformasi Minda	4	373
10.	Pra-Penempatan	8	248
11.	<i>Strategic Performance Management</i>	1	33
12.	<i>Powerful Presentation Skills For Accountants</i>	1	27
13.	<i>Financial Analysis</i>	2	56
14.	<i>Leadership Skills For Accountants</i>	1	27
15.	Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS)	1	24
16.	Penyata Penyesuaian Bank bagi Pejabat Kewangan/ Bendahari Negeri	1	27
17.	Latihan Dalam IPN	6	282
	Jumlah	53	1,462

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 1,462 penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan. Daripada jumlah ini, 655 peserta atau 45% adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 807 peserta atau 55% adalah daripada Kumpulan Pelaksana.

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL

Menjelang tahun 2020, kerajaan mensasarkan untuk meningkatkan jumlah akauntan kepada 60,000 orang iaitu 30% daripadanya terdiri daripada akauntan profesional bumiputera. Sehubungan itu, IPN terus menggiatkan usaha dalam memastikan pengambilan calon program profesional di kalangan pegawai perakaunan lantikan JANM diteruskan dan bilangan calon program profesional yang lulus semua subjek dan mencapai tahap *Associates* atau *Affiliates* bertambah. Sehingga 31 Disember 2016, status calon program profesional adalah seperti Jadual 23 yang berikut:

Jadual 23 : Status Calon Program Profesional Sehingga 31 Disember 2016

	ACCA	ACCA - YPPB	CPA Australia	CIMA <i>Strategic Leaders Program</i>	Jumlah Keseluruhan
Jumlah pengambilan pelajar	87	23	50	42	202
Kategori Pelajar Terkini					
<i>Affiliates</i> (Keseluruhan)	6	-	17	TB	23
<i>Affiliates</i> (Tahun 2016)	3	-	17	TB	20
<i>Associates</i> (Keseluruhan)	TB	TB	TB	6	6
<i>Associates</i> (Tahun 2016)	TB	TB	TB	1	1

Senarai calon program profesional yang mencapai status *Affiliates* atau *Associates* pada tahun 2016 adalah seperti Jadual 24 yang berikut:

Jadual 24 : Senarai Calon Program Profesional Mencapai Status *Affiliates* Atau *Associates* Pada Tahun 2016

Bil.	Nama Calon	Gred Jawatan
Affiliates – ACCA		
1.	Azura binti Abdul Aziz	WA 48
2.	Sarina binti Selamat	WA 44
3.	Noor Azura binti Mohd Azhar	WA 44
Affiliates – CPA Australia		
1.	Nor Fadhilah binti Ibrahim	WA 54
2.	Zuraini binti Ismail	WA 54
3.	Mohd Sabree bin Yaakub	WA 52
4.	Nor Rosita binti Idris	WA 52
5.	Ramsiah binti Ismail	WA 52
6.	D Joyce Christina A/P Dharmaraj	WA 48
7.	Jando Anak Tawan	WA 48
8.	Lailatul Fadhillah binti Ideris	WA 48
9.	Mohd Farid bin Mohd Khalid @ Ayob	WA 48
10.	Mohd Khairuddin bin A. Mulok	WA 48
11.	Nik Azrimah binti Abdul Ghafar	WA 48
12.	Rozlinda binti Ya'acob	WA 48
13.	Rusdi bin Ahmad @ Ali	WA 48
14.	Siti Mariam binti Mat Noh	WA 48
15.	Siti Norhayati binti Mohd Ali	WA 48
16.	Siti Zubaidah binti Md Shah	WA 48
17.	Susie Anak Ambin	WA 48
Associates – CIMA Strategic Leaders Program		
1.	Khairiani binti Ayob	WA 44

LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN KE IPN

Pada 11 Jun 2016, YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) telah membuat lawatan kerja ke IPN. Turut bersama hadir dalam lawatan tersebut ialah YBhg. Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia (ANM). Lawatan ini adalah lawatan pertama KSP ke IPN dan merupakan sebahagian daripada inisiatif pengurusan Kementerian Kewangan untuk meninjau perkembangan IPN.

Program turun padang oleh YBhg. Tan Sri KSP ini adalah satu pendekatan positif dan proaktif di mana pihak pentadbir di peringkat tertinggi dapat melihat sendiri operasi dan masalah-masalah yang dihadapi oleh bahagian-bahagian di bawah pentadbirannya. Melalui program ini, IPN dapat membincangkan mengenai isu-isu pentadbiran IPN serta mendapatkan pandangan dan nasihat daripada pengurusan Kementerian Kewangan.

Program turun padang oleh YBhg. Tan Sri KSP ini adalah satu pendekatan positif dan proaktif di mana pihak pentadbir di peringkat tertinggi dapat melihat sendiri operasi dan masalah-masalah yang dihadapi oleh bahagian-bahagian di bawah pentadbirannya.



YBhg. Tan Sri KSP Meninjau Kerosakan Yang Telah Berlaku Pada Chiller Pendingin Hawa Utama Di IPN

YBhg. Tan Sri KSP Menerima Cenderamata Penghargaan Daripada YBhg. Dato' ANM





LAPORAN PENCAPAIAN

PENGURUSAN OPERASI

- Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA)
- Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
- Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
- Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)
- Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)

BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT DAN AGENSI (BPOPA)

BPOPA bertanggungjawab memastikan Penyata Kewangan Persekutuan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara (KAN) dan seterusnya dibentangkan di Parlimen. Selain itu, BPOPA juga bertanggungjawab untuk menyelaras pengurusan wang tunai, akaun amanah, panjar, transaksi melibatkan Kerajaan Negeri serta memperakaunkan pelaburan dan pinjaman Kerajaan Persekutuan.

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (PKKP) 2015

PKKP 2015 telah diserahkan kepada YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara (KAN) pada 26 Februari 2016. Mesyuarat *Exit Conference* bagi pengauditan PKKP 2015 telah diadakan pada 14 April 2016 yang dipengerusikan oleh YBhg. KAN dan JANM telah menerima Sijil Audit Bersih ke atas pengauditan PKKP tersebut. PKKP 2015 telah dibentangkan di Parlimen pada 18 Mei 2016 di mana buat pertama kalinya PKKP dibentangkan bersama-sama Laporan Ketua Audit Negara dan bukan dibentangkan bersama Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan pada sesi pembentangan bajet pada bulan Oktober.



Penyerahan PKKP Tahun 2015
Kepada Ketua Audit Negara

PENGURUSAN PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 4,648 akaun Pelaburan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM16.20 bilion dan 848 akaun Pelaburan Am yang berjumlah RM7.11 bilion telah diuruskan oleh BPOPA. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah menurun sebanyak RM0.81 bilion (4.75%) berbanding RM17.01 bilion pada tahun 2015. Jumlah Pelaburan Am juga menurun sebanyak RM1.64 bilion (18.71%) berbanding RM8.74 bilion pada tahun 2015.

Keuntungan simpanan tetap yang diterima daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am pada tahun 2016 adalah berjumlah RM0.764 bilion di mana terdapat penurunan sebanyak RM0.085 bilion (9.98%) berbanding RM0.849 bilion pada tahun sebelumnya. Faktor penurunan ini dipengaruhi oleh kadar faedah yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun tersebut. Butiran pecahan keuntungan simpanan tetap yang diterima bagi tahun 2015 dan 2016 dinyatakan seperti di Jadual 25.

Jadual 25 : Jumlah Keuntungan Pelaburan Yang Diterima Bagi Tahun 2015 Dan 2016

Faedah/Keuntungan Simpanan Tetap Dikreditkan Ke Akaun	2015 (RM)	2016 (RM)	Peratusan Perbezaan (%)
Hasil	569,236,580	513,518,660	(9.79)
Amanah	279,669,490	250,664,953	(10.37)
Jumlah	848,906,070	764,183,613	(9.98)

PENGURUSAN WANG TUNAI

Sebanyak 3,868 permohonan dana daripada pejabat perakaunan dengan amaun berjumlah RM225.3 bilion telah diproses sepanjang tahun 2016, menunjukkan penurunan dari segi bilangan permohonan dana yang diproses iaitu sebanyak 531 (12.1%) bilangan permohonan dan penambahan amaun dana sebanyak RM1.6 bilion (0.01%) berbanding tahun 2015.

Pemantauan pengurusan wang tunai dilaksanakan di peringkat pengurusan atasan Kementerian Kewangan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai Kerajaan Persekutuan yang telah diadakan setiap bulan bagi tahun 2016. Di samping itu, Laporan Aliran Wang Tunai Kerajaan Persekutuan Mingguan dan Bulanan juga telah diedarkan kepada Pengurusan Atasan JANM.

Sebanyak 3,868 permohonan dana daripada pejabat perakaunan dengan amaun berjumlah RM225.3 bilion telah diproses sepanjang tahun 2016


PENGURUSAN AKAUN KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 158 Akaun Amanah dari Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan Stor dan Worksyop Belum Diuntukkan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah telah dipantau yang melibatkan transaksi debit berjumlah RM403.65 bilion dan transaksi kredit berjumlah RM396.76 bilion.

Manakala bagi Kumpulan Wang Amanah Awam sebanyak 24 Akaun Amanah Khas dan 344 Akaun Amanah Am telah diselenggarakan sepanjang tahun 2016. Transaksi keseluruhan Kumpulan Wang Amanah Awam melibatkan amaun terimaan berjumlah RM3.133 bilion dan bayaran berjumlah RM4.368 bilion. Jumlah Akaun Amanah tahun 2016 diplotkan di Carta 18.


Sejumlah 530 akaun deposit yang terdiri daripada deposit am dan deposit pelarasan di pelbagai kementerian/jabatan telah dipantau sepanjang tahun 2016, melibatkan terimaan dan pelarasan sebanyak RM4.3 bilion dan pembayaran (pulangan balik deposit dan pelarasan) sebanyak RM3.9 bilion. Baki wang deposit pada 31 Disember 2016 adalah berjumlah RM9.5 bilion, meningkat sebanyak RM400 juta berbanding 2015. Baki wang deposit bagi tahun 2014 hingga 2016 diplotkan di Carta 19.

Carta 18 : Jumlah Akaun Amanah Tahun 2016



Carta 19 : Baki Wang Deposit Tahun 2014 Hingga 2016

Baki Wang Deposit (RM' Bilion)



PENGURUSAN PINJAMAN PERSEKUTUAN

Pada 31 Disember 2016, baki Pinjaman Persekutuan adalah berjumlah RM54.38 juta melibatkan peminjam daripada pelbagai kategori seperti di Jadual 26.

Jadual 26 : Maklumat Berkaitan Pinjaman Persekutuan Bagi Tahun 2016

Kategori Peminjam	Bilangan Pinjaman	Baki Pada 31 Dis 2016 (RM Juta)	Pengeluaran (RM Juta)	Bayaran Balik (RM Juta)
Negeri	871	17,091	818	483
Pihak Berkuasa Tempatan	26	305	0	9
Badan Berkanun	44	6,363	100	123
Syarikat	178	28,634	1,275	2,055
Koperasi	14	258	50	12
Pelbagai	20	1,735	20	23
Jumlah	1,153	54,386	2,263	2,705

Manakala bilangan dan jumlah Hutang Awam Kerajaan Persekutuan yang diuruskan sepanjang tahun 2016 adalah seperti di Jadual 27:

Jadual 27 : Pengurusan Instrumen Hutang Sepanjang Tahun 2016

Kategori	Bilangan	Pengeluaran (RM Juta)	Bayaran Balik (RM Juta)
Pinjaman Dalam Negeri	114 kod stok	93,876.45	56,193.85
Pinjaman Luar Negeri	5 terbitan	5,837.07	4,670.40
Bantuan Luar Negeri	30 projek	145.36	477.22

2016 PEMNA T-CORP STUDY VISIT

Public Expenditure Management Network in Asia (PEMNA) ialah rangkaian *peer-pembelajaran* pegawai pengurusan perbelanjaan awam di Asia Timur dan Pasifik (EAP). Ditubuhkan pada 2012, PEMNA menyediakan satu forum bagi pegawai-pegawai awam untuk berkongsi pengetahuan serta membantu pegawai awam membina sistem belanjawan negara dan perbendaharaan yang mampan di rantau ini.

T-Corp *Study Visit* pertama bagi tahun 2016 telah diadakan pada 2 Februari hingga 3 Februari 2016 di Seoul, Korea disertai oleh seramai 18 peserta dari empat (4) buah negara termasuk seorang wakil dari Bank Dunia. Malaysia telah diwakili oleh Puan Sarimah binti Husain (Timbalan Pengarah) dan Encik Amiruddin bin Abd Manaf (Penolong Pengarah Kanan).

Manakala T-Corp *Study Visit* kedua telah diadakan pada 15 Mac hingga 16 Mac 2016 di Bangkok, Thailand. Malaysia telah diwakili oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa (Pengarah BPOPA), Tuan Haji Ramli bin Chik (Timbalan Pengarah) serta Encik Rusdi bin Ahmad@Ali (Ketua Penolong Pengarah). YBrs. Dr. Yacob telah membentangkan kajian kes berkaitan *Treasury's Experience In Working With The Central Bank* semasa program berlangsung.



PEMNA T-Corp *Study Visit* Di Seoul, Korea



PEMNA T-Corp *Study Visit* Di Bangkok, Thailand

MESYUARAT BENDAHARI NEGERI

BPOPA telah mengadakan Mesyuarat Bendahari/Akauntan Negeri bagi tahun 2016 yang bersidang sebanyak dua (2) kali setahun dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia (ANM). Mesyuarat tersebut diadakan bertujuan membincangkan dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku di peringkat Pejabat Perbendaharaan Negeri berkaitan isu dasar dan operasi serta membincangkan isu-isu berkaitan pelaksanaan perakaunan akruan.

Mesyuarat pertama diadakan di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 28 Mac hingga 29 Mac 2016, manakala mesyuarat kedua telah diadakan di Hotel Dorsett Grand, Subang pada 17 November hingga 18 November 2016. Mesyuarat ini dihadiri oleh Bendahari Negeri (BN)/Akauntan Negeri (AN), wakil daripada BKP dan PPPA. Penganjuran mesyuarat ini adalah mengikut giliran negeri sebagai tuan rumah.



Mesyuarat Bendahari/Akauntan Negeri Bil. 1/2016 Di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan

MAJLIS MAKAN MALAM AKAUN AWAM TAHUN 2015



Majlis Makan Malam Akaun Awam Tahun 2015 merupakan majlis pelancaran buku PKKP setelah pembentangan buku tersebut di Parlimen. Majlis telah diadakan pada 27 September 2016 bertempat di Kelab Tasik Putrajaya. Majlis ini bertujuan untuk merasmikan terbitan buku PKKP tahun 2015 yang akan digunakan oleh pelbagai Jabatan Kerajaan, Kementerian dan Agensi serta pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklumat dan statistik penting berkaitan kedudukan kewangan Kerajaan. Majlis pada tahun ini bertemakan *Smart Casual & Mustard* dengan tagline “*Me, U & Us, Stars of the Night*”, dihadiri oleh YBhg. Dato’ ANM, YBr. TAN (O), YBr. TAN (K), Pengarah-pengarah Bahagian, Negeri, Cawangan dan Ketua-ketua Akauntan Kementerian.

SESI PENERANGAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN AKRUAN PERINGKAT KEMENTERIAN/PEGAWAI PENGAWAL

BPOPA telah mengadakan Sesi Penerangan Penyata Prestasi Kewangan Akruan Peringkat Kementerian/Pegawai Pengawal pada 21 November 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Sesi ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Mohamad Azmi bin Ali, TAN (O) dan disertai oleh wakil dari Bahagian Akaun Kementerian serta wakil dari setiap Bahagian di JANM. Penerangan tersebut telah disampaikan oleh Encik Sabree bin Yaakub (Ketua Penolong Pengarah Kanan).



BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN (BPOPP)

MESYUARAT PENGARAH DAN KETUA AKAUNTAN (MPKA) DAN MESYUARAT PENGARAH JANM NEGERI/CAWANGAN (MPNC)

MPKA dan MPNC merupakan KPI BPOPP. Mesyuarat ini diadakan empat (4) kali setahun dan JANM Negeri/Cawangan dilantik sebagai *host* secara bergilir. MPKA dipengerusikan oleh YBhg. Dato' ANM dan ahli mesyuarat terdiri daripada TAN (O), Pengarah Bahagian, Ketua Akauntan Kementerian dan Pengarah JANM Negeri/Cawangan. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku berkaitan isu-isu operasi dan dasar agar keputusan yang diambil seragam serta memastikan arahan/pekeliling terbaru dimaklumkan. Berikut merupakan maklumat bagi mesyuarat yang telah diadakan:

Jadual 28 : Lokasi MPKA Dan MPNC Tahun 2016

Mesyuarat	Lokasi	Tarikh
MPKA Bil. 1/2016	Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Putrajaya	9 – 10 Mac 2016
MPNC Bil. 1/2016		
MPNC Bil. 2/2016	Hotel Grand Dorsett, Labuan	26 – 27 Jul 2016
MPKA Bil. 2/2016	Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Putrajaya	27 – 28 Sep 2016
MPNC Bil. 3/2016		
MPNC Bil. 4/2016	Hotel Four Point, Sandakan	6 – 7 Dis 2016



MPKA Dan MPNC Bil. 1/2016
Di JANM, Putrajaya

MESYUARAT KETUA NAZIRAN (MKN)

Pada tahun 2016, MKN telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 4 Jun 2016 dan 1 Disember 2016 di Dewan Serbaguna, JANM. Mesyuarat ini melibatkan Ketua-ketua Unit Naziran daripada 50 Pejabat Perakaunan. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku berkaitan isu-isu naziran agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah sentiasa seragam serta memastikan arahan/pekeliling terbaru dimaklumkan.

PELAKSANAAN INSPEKTORAT DI JANM NEGERI/CAWANGAN

Pelaksanaan inspektorat merujuk kepada lawatan Pasukan Inspektorat BPOPP ke pejabat JANM Negeri/Cawangan. Sebanyak 12 JANM Negeri/Cawangan telah dilawati sepanjang tahun 2016. Pemilihan ini berdasarkan susulan ke atas penemuan dan prestasi JANM Negeri/Cawangan di dalam Laporan Audit, BPAD. Lawatan ini juga merangkumi inspektorat ke atas aset dan inventori serta prestasi belanja mengurus. Berikut merupakan maklumat pelaksanaan inspektorat bagi tahun 2016:


Jadual 29 : Lokasi Lawatan Inspektorat Sepanjang Tahun 2016

Bil.	JANM Negeri/Cawangan	Tarikh
1.	Terengganu	2 – 3 Feb 2016
2.	Perlis	4 – 5 Feb 2016
3.	Sabah	15 – 17 Feb 2016
4.	Sarawak	17 – 19 Feb 2016
5.	Kapit	14 – 17 Mac 2016
6.	Sibu	15 –17 Mac 2016
7.	Pahang	30 Mei – 1 Jun 2016
8.	Keningau	27 – 29 Jul 2016
9.	Selangor	10 – 12 Ogos 2016
10.	Perak	14 –16 Ogos 2016
11.	Negeri Sembilan	22 – 24 Ogos 2016
12.	Limbang	8 – 9 Nov 2016

PRESTASI PROSESAN BAUCAR BAYARAN

BPOPP memantau prestasi prosesan baucar bayaran yang telah disempurnakan dalam tempoh empat (4) hari kalendar. Pencapaian ini merangkumi keseluruhan 35 Pejabat Perakaunan yang terdiri daripada 24 pejabat JANM Negeri/Cawangan dan 11 Bahagian Akaun Kementerian. Jumlah baucar bayaran yang telah diproses oleh Pejabat Perakaunan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 5,205,110. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 5,164,686 (99.22%) baucar bayaran berjaya diproses dalam tempoh 0 hingga empat (4) hari dan sebanyak 40,424 (0.78%) telah diproses melebihi tempoh empat (4) hari. Secara keseluruhan Pejabat Perakaunan berjaya mengekalkan kecemerlangan prestasi prosesan baucar bayaran seperti KPI yang telah ditetapkan oleh BPOPP iaitu 98%.


Carta 20 : Perbandingan Prestasi Prosesan Baucar Bayaran
Bagi Tahun 2014, 2015 Dan 2016



PRESTASI PROSESAN TERIMAAN DIPERAKAUNKAN

BPOPP memantau prestasi terimaan sempurna diperakaunkan dalam tempoh tiga (3) hari kalendar. Pencapaian ini merangkumi keseluruhan 35 Pejabat Perakaunan yang terdiri daripada 24 pejabat JANM Negeri/Cawangan dan 11 Bahagian Akaun Kementerian. Jumlah terimaan yang telah diproses oleh Pejabat Perakaunan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 761,099. Daripada jumlah keseluruhan tersebut sebanyak 760,581 (99.93%) terimaan telah diproses dalam tempoh 0 hingga tiga (3) hari dan sebanyak 518 (0.07%) telah diproses melebihi tempoh tiga (3) hari. Secara keseluruhan Pejabat Perakaunan berjaya mengekalkan kecemerlangan prestasi prosesan terimaan seperti KPI yang telah ditetapkan oleh BPOPP iaitu 98%.


Carta 21 : Perbandingan Prestasi Prosesan Terimaan Diperakaunkan Bagi Tahun 2014, 2015 Dan 2016



PRESTASI PEMBAYARAN CEK DAN *ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)*

Selaras dengan SPANM Bil. 1/2009 menjelaskan supaya bayaran hendaklah dibuat secara EFT bagi tujuan menambah baik proses pembayaran dengan segera kepada pembekal atau penerima. Sepanjang tahun 2016, sebanyak RM 178 bilion pembayaran telah dibuat, iaitu sebanyak RM174,603,160,573.26 dibayar menggunakan EFT dan selebihnya RM3,413,726,237.37 dibayar menggunakan cek. Pencapaian ini merangkumi 35 Pejabat Perakaunan yang terdiri daripada 24 pejabat JANM Negeri/Cawangan dan 11 Bahagian Akaun Kementerian.

Carta 22 : Prestasi Pembayaran Pejabat Perakaunan Menggunakan EFT Dan Cek



BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT (BWTD)

PROGRAM PEMERIKSAAN DI BAWAH AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965

Antara fungsi utama BWTD ialah menjalankan program pemeriksaan ke atas syarikat/firma yang tertakluk kepada Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965. Seksyen 12 Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965 memperuntukkan Pendaftar WTD atau pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh melakukan pemeriksaan terhadap rekod yang disimpan oleh syarikat/firma bagi memastikan pematuhan terhadap Akta tersebut. Mengikut Seksyen 12(1) Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965, pegawai pemeriksa juga diberi kuasa untuk mengambil dan menahan apa-apa dokumen sebagai bukti yang menunjukkan ketidakpatuhan Akta.

Program pemeriksaan di bawah Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965 adalah penting kerana diambil kira sebagai salah satu KPI YBhg. Dato' ANM selaku Pendaftar WTD dan KPI TAN (O) selaku Timbalan Pendaftar WTD. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 120 buah syarikat telah diperiksa meliputi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu 100% pencapaian seperti yang telah ditetapkan di dalam KPI. Pemeriksaan bagi tahun ini bertumpu kepada sektor pembinaan, pembuatan, harta tanah, pemborong peruncitan, perkhidmatan serta kewangan dan insurans.

Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 120 buah syarikat telah diperiksa meliputi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu 100% pencapaian seperti yang telah ditetapkan di dalam KPI


PROGRAM TAKLIMAT KESEDARAN AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965

Program Taklimat Kesedaran Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965 diadakan bagi memberi pendedahan kepada syarikat/firma yang tertakluk kepada Akta ini serta hebahan dan kefahaman kepada orang awam. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran sekaligus meningkatkan tahap pematuhan terhadap Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965.

Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak lapan (8) taklimat telah dilaksanakan di Pejabat Pendaftar WTD di Menara Maybank, Kuala Lumpur. Selain itu, taklimat turut diadakan melalui kerjasama dengan pelbagai jabatan/agensi/persatuan seperti berikut:

Jadual 30 : Senarai Program Taklimat Kesedaran Akta Wang Tak Dituntut 1965

Bil.	Jabatan/Agensi/Persatuan	Tarikh	Penceramah
1.	<i>Construction Industry Development Board (CIDB)</i> (Peserta: Firma-firma kontraktor yang berdaftar dengan CIDB)	16 Feb 2016	Pn. Siti Aishah binti Bahrom Penolong Pengarah Kanan (Penguatkuasaan)
2.	Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Peserta: Penjawat Awam di JPM)	28 Okt 2016	Pn. Murniyati binti Ramli Timbalan Pengarah (Pematuhan)
3.	<i>Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)</i> (Peserta: Setiausaha syarikat daripada pelbagai sektor)	24 Okt 2016	En. Syed Muhammad Hussin bin Syed A Rahim Penolong Pengarah (Penguatkuasaan)
4.	<i>Companies Commission of Malaysia Training Academy (COMTRAC)</i> (Peserta: Pengarah dan setiausaha syarikat daripada pelbagai sektor)	29 Nov 2016	Puan Tan Siew Geok Timbalan Pengarah (Operasi)



Taklimat Kepada Penjawat Awam Di Jabatan Perdana Menteri

Taklimat Kepada Firma Kontraktor Yang Berdaftar Dengan CIDB



MESYUARAT/KURSUS PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2016, mesyuarat/kursus penguatkuasaan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Jadual 31 : Senarai Mesyuarat/Kursus Penguatkuasaan BWTD Tahun 2016

Bil.	Mesyuarat/Kursus	Tempat	Tarikh
1.	Mesyuarat Proses Kerja Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut (WTD) <i>To Be</i>	TH Hotel & Convention Centre, Terengganu	11 – 13 Jan 2016
2.	Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut Bil. 1/2016	JANM, Putrajaya	10 – 11 Mac 2016
3.	Kursus Kompetensi Pegawai Pemeriksa WTD	Hotel Sri Langit, Sepang, Selangor	5 – 7 Sep 2016
4.	Mesyuarat Pemurnian Arahan Pendaftar Wang Tak Dituntut	Nexus Regency Suites & Hotel	26 – 28 Sep 2016
5.	Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut Bil. 2/2016	Hotel Promenade Kota Kinabalu, Sabah	22 – 23 Dis 2016

Unit Penguatkuasaan BWTD telah menganjurkan empat (4) mesyuarat pada tahun 2016 di mana Mesyuarat Proses Kerja Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut (WTD) *To Be* telah menjadi pembuka tirai tahun 2016. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk:

- Menghasilkan Manual Prosedur Kerja Penguatkuasaan WTD *To Be*.
- Merangka modul yang akan diguna pakai dalam pembangunan Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut (SPWTD).
- Menyediakan pelan tindakan bagi memastikan tindakan penganan denda dan kompaun di bawah Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965 dapat dilaksanakan dalam tahun 2016.

Mesyuarat Penolong Pendaftar (MPP) WTD telah diadakan dua (2) kali setiap tahun dan dipengerusikan oleh ANM, YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin selaku Pendaftar WTD. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh TAN (O), YBhg. Dato' Mohamad Azmi bin Ali, selaku Timbalan Pendaftar WTD, Puan Nik Hapsah binti Nik Hassan (Pengaroh BPOPP), Puan Wan Maheran binti Wan Abdullah (Pengaroh BWTD), Penolong Pendaftar dan wakil JANM Negeri serta pegawai BWTD. Mesyuarat ini membincangkan sebarang isu dasar serta operasi penguatkuasaan

WTD bagi memastikan program penguatkuasaan berjalan lancar.

Unit Penguatkuasaan BWTD juga telah mengadakan Mesyuarat Pemurnian Arahan Pendaftar Wang Tak Dituntut bertujuan untuk mewujudkan Arahan Pendaftar WTD yang merupakan peraturan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965. Ianya mengandungi arahan-arahan mengenai tatacara penguatkuasaan, pemeriksaan, siasatan, pengurusan terimaan serahan dan pengurusan bayaran tuntutan WTD. Arahan ini memberi penjelasan tentang kuasa, peranan dan tanggungjawab Penolong Pendaftar berkenaan penguatkuasaan dan pengurusan WTD selaras dengan peruntukan Akta 370.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pengurusan dan pegawai Unit Penguatkuasaan BWTD serta wakil BPAD, wakil JANM Negeri, pegawai undang-undang JANM serta wakil dari Jabatan Audit Negara. Hasil perbincangan telah dibentangkan kepada Pendaftar WTD, Timbalan Pendaftar WTD dan barisan Pengurusan Tertinggi JANM pada 7 November 2016. Arahan Pendaftar ini telah dilancarkan oleh Pendaftar WTD pada 22 Disember 2016 bertempat di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah.



Mesyuarat Proses Kerja
Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut
(WTD) To Be Di TH Hotel &
Convention Centre, Terengganu

Kursus Kompetensi Pegawai Pemeriksa WTD telah diadakan pada 5 September hingga 7 September 2016 bertempat di Hotel Sri Langit, Sepang, Selangor. Kursus ini melibatkan semua pegawai Unit Penguatkuasaan dan pegawai dari Unit WTD JANM Negeri. Tujuan kursus ini diadakan adalah sebagai pendedahan awal kepada Pegawai Pemeriksa WTD di bawah program pengurusan perubahan bagi memastikan pelaksanaan denda dan kompaun berjalan dengan sistematik dan teratur. Kursus ini turut memberikan pendedahan mengenai undang-undang dan peraturan yang terpakai di Malaysia di dalam usaha untuk mengenakan tindakan kompaun dan denda.

Kursus ini turut memberikan pendedahan mengenai undang-undang dan peraturan yang terpakai di Malaysia di dalam usaha untuk mengenakan tindakan kompaun dan denda.




Kursus Kompetensi Pegawai Pemeriksa WTD Bertempat
Di Hotel Sri Langit, Sepang, Selangor

TERIMAAN SERAHAN WANG TAK DITUNTUT (WTD)

Pada tahun 2016, sebanyak 1,461 serahan WTD dengan jumlah terimaan RM584 juta telah diterima daripada syarikat dan firma berbanding 1,719 serahan dengan jumlah terimaan RM666.8 juta yang diterima pada tahun 2015. Carta 23 menunjukkan jumlah serahan WTD bagi tahun 2014 hingga 2016.


Carta 23 : Jumlah Serahan WTD Dari Tahun 2014 Hingga 2016



BAYARAN BALIK TUNTUTAN WANG TAK DITUNTUT (WTD)

Pada tahun 2016, sebanyak 61,598 permohonan tuntutan bayaran balik WTD (UMA-7) telah diterima dan sebanyak 21,736 baucar bayaran balik WTD telah disempurnakan melibatkan amaun berjumlah RM147 juta. Carta 24 menunjukkan bilangan tuntutan dan amaun WTD yang telah dibayar balik bagi tahun 2014 hingga 2016.

Carta 24 : Bilangan Tuntutan Dan Amaun WTD Yang Telah Dibayar Balik Bagi Tahun 2014 Hingga 2016



BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN (BA MOF)

PELAKSANAAN MS ISO 9001:2008

BA MOF telah berjaya mendapat pensijilan semula MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM pada 14 Jun 2013. Tempoh sah pensijilan tersebut adalah dari tempoh 14 Jun 2013 hingga 13 Jun 2016. Penganugerahan sijil ini diberikan atas kejayaan BA MOF mendapatkan pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti bagi skop perkhidmatan proses bayaran merangkumi bayaran pukal kecuali bayaran gaji bagi semua jabatan Kerajaan Persekutuan (tidak termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri).

PELAKSANAAN KE ARAH MS ISO 9001:2015

MS ISO 9001:2008 merupakan satu petunjuk keutuhan pengurusan serta penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan. Ia merupakan antara teras penting dalam sesebuah organisasi dalam menyediakan perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan. Standard ini memberi penekanan kepada usaha memenuhi kehendak pelanggan serta menyediakan tanda ukur kepuasan pelanggan. Selain itu, ia juga merupakan satu garis panduan untuk diikuti agar kerja yang dilakukan lebih sistematik. Bagi memastikan BA MOF memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan secara berterusan, BA MOF sedang dalam proses mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2015.



Pensijilan Semula MS ISO 9001

ACTIVITY-BASED COSTING (ABC)

Pada tahun 2012, sistem ABC telah diperkenalkan untuk kegunaan JANM termasuklah BA MOF. Sistem ABC telah disepadukan dengan Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (GFMAS) yang merupakan sistem utama perakaunan kerajaan. ABC akan diperluaskan ke semua jabatan di bawah BA MOF atas langkah strategik pelaksanaan perakaunan akruan.

Penggunaan ABC boleh juga dirujuk sebagai "Inovasi Perakaunan" bertujuan untuk meningkatkan ketelusan, kecekapan dan keberkesanan sektor awam. ABC adalah satu kaedah meletakkan kos kepada produk atau perkhidmatan berdasarkan sumber-sumber yang digunakan. Oleh itu, BA MOF dan PTJ boleh menggunakan ABC sebagai proses memantau dan menentukan kos yang melibatkan penggunaan sumber dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dan kos tersebut akan dibandingkan dengan hasil yang berjaya dijana oleh BA MOF.

Jadual 32 : Aktiviti ABC Sepanjang Tahun 2016

Tarikh	Aktiviti
25 Mac 2016	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Bil. 1 Tahun 2016
18 Apr 2016	Sesi Perkongsian Ilmu Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan Dalam Kerajaan
26 Apr 2016	Lawatan Ke UPSI
16 Jun 2016	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Bil. 2 Tahun 2016
9 Ogos 2016	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Bil. 3 Tahun 2016
20 Dis 2016	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Bil. 4 Tahun 2016

OPERASI BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN

BA MOF bertanggungjawab di dalam memberi perkhidmatan sokongan pengurusan kewangan kepada aktiviti di bawah BA MOF dengan melaksanakan tugas pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan. Bahagian ini juga bertanggungjawab ke atas pelaksanaan sistem perakaunan di Jabatan atau Bahagian, Kementerian dan PTJ. Fungsi utama yang dijalankan meliputi pengurusan pentadbiran dan kewangan, perkhidmatan perundingan dan pengurusan akaun Kementerian.


Secara umumnya, BA MOF memberi perkhidmatan perakaunan bagi memastikan semua urusan niaga Kementerian Kewangan diperakaunkan dengan tepat dan sempurna mengikut tempoh yang ditetapkan. Tugas utama dalam melaksanakan fungsi ini termasuk:

1. Mengurus dan mengakaun terimaan dan bayaran, termasuk bayaran gaji.
2. Membuat persediaan audit di PTJ dan mengurus proses audit dan laporan audit.
3. Memantau pelaksanaan sistem perakaunan Kerajaan melalui naziran dan audit.
4. Mengumpul dan menganalisis maklumat kewangan bagi mengesyorkan penggunaan sumber dan prosedur yang berkesan dan memberi cadangan strategik.
5. Merancang, membangun dan melaksanakan program latihan dan kursus bagi meningkatkan kemahiran perakaunan dan kewangan di Kementerian Kewangan.


BA MOF memberi perkhidmatan perakaunan bagi memastikan semua urusan niaga Kementerian Kewangan diperakaunkan dengan tepat dan sempurna mengikut tempoh yang ditetapkan

PRESTASI UTAMA BA MOF


Carta 25 : Prestasi Baucar Bayaran 2016




Carta 26 : Prestasi Penyata Pemungut 2016



Carta 27 : Bilangan Penjawat Awam Yang Dibayar Gaji Melalui BA MOF



Carta 28 :
Prestasi Penerimaan
Dokumen Akaun
Terimaan 2016



PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (PPPA)

PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Sebagai Bahagian yang dipertanggungjawabkan dalam pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan, adalah penting bagi PPPA memperkasakan modal insan dengan ilmu pengetahuan dan kefahaman mengenai perakaunan akruan. Di samping itu, PPPA juga terlibat dalam penggubalan Polisi dan Piawaian serta pemantauan pembangunan sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan yang dikenali sebagai 1Government Financial and Management Accounting System (1GFMAS).

POLISI DAN PIAWAIAN

Pada tahun 2016, tambahan sebanyak enam (6) *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) seperti di Jadual 33 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan, menjadikan keseluruhan 36 MPSAS telah diterima untuk diguna pakai dalam Pelaksanaan Perakaunan Kerajaan Persekutuan.

Jadual 33 : Senarai MPSAS Yang Telah Diluluskan Oleh Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan

Bil.	MPSAS	Tajuk
1.	32	<i>Service Concession Arrangements: Grantor</i>
2.	34	<i>Separate Financial Statements</i>
3.	35	<i>Consolidated Financial Statements</i>
4.	36	<i>Investments in Associates and Joint Ventures</i>
5.	37	<i>Joint Arrangements</i>
6.	38	<i>Disclosure of Interests in Other Entities</i>

Aktiviti penterjemahan MPSAS turut memperlihatkan dua (2) MPSAS seperti Jadual 34 telah berjaya diterjemah dan dimuat naik ke Portal Rasmi Perakaunan Akruan.

Jadual 34 : Senarai MPSAS Yang Telah Diterjemahkan

Bil.	MPSAS	Tajuk
1.	23	Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran
2.	3	Polisi Perakaunan, Perubahan Anggaran Perakaunan dan Kesilapan

Forum Penerangan Rang Undang-Undang Tatacara Kewangan (Pindaan 2016)

Forum ini telah diadakan pada 12 Ogos 2016 bertempat di Hotel Dorsett, Putrajaya dan dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP). Forum ini merupakan *user engagement* dengan semua Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian untuk memberikan penjelasan mengenai:

- Pindaan yang terlibat dalam Rancangan Undang-Undang (RUU) Tatacara Kewangan (Pindaan 2016) dan RUU dua (2) Akta lain yang berkaitan.
- Implikasi ke atas pelaporan Penyata Kewangan di peringkat Persekutuan dan Negeri serta kesan pindaan ini terhadap pelaksanaan aktiviti kewangan di peringkat Kementerian dan Jabatan.
- Mendapatkan *buy-in* daripada pengguna sebelum RUU dibentangkan di Parlimen.



Forum Penerangan Rang Undang-Undang Tatacara Kewangan (Pindaan 2016) Di Hotel Dorsett, Putrajaya

PROSES DAN TEKNOLOGI

Aktiviti Pengumpulan Dan Migrasi Data 1GFMAS

1. Pengumpulan Data Baki Awal Aset

Pelaporan Prestasi Pengumpulan Data Baki Awal Aset Projek Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan untuk 25 Kementerian dikemukakan kepada KSP dan semua Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian secara sukuan, manakala pelaporan ini dikemukakan kepada Ketua Akauntan Kementerian secara bulanan sepanjang tempoh 2016.

2. Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti oleh Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2016 iaitu bagi data *cut off* pada 30 Jun 2016 dan 31 Disember 2016.

3. Migrasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

- Aktiviti migrasi data *Mock Run 4* telah dilaksanakan pada tahun 2016 melibatkan data daripada Kementerian, JANM Bahagian dan Pejabat Perakaunan JANM Negeri/Cawangan.
- Aktiviti *Mock Run 4* dilaksanakan bagi menguji data induk dan data transaksi *cut off* pada 31 Disember 2015 dan keseimbangan data perakaunan dengan mengambil kira data yang berada di dalam sistem legasi sedia ada dan data yang dikumpul secara manual bagi menghasilkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP).
- Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Aktiviti *Mock Run 4*, satu (1) bengkel bersama Kementerian, JANM Bahagian, JANM Negeri/Cawangan telah diadakan pada 15 Mac 2016. Ia bertujuan bagi memberi kefahaman mengenai keseluruhan perjalanan aktiviti *Mock Run 4*, termasuk tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh semua pihak yang terlibat termasuk kepentingan pematuhan *timeline Mock Run 4* yang telah ditetapkan supaya aktiviti migrasi data berjalan dengan lancar.

Pembangunan 1GFMAS

Pembangunan 1GFMAS menggunakan *Systems Applications Product ERP Central Component 6.0* (SAP ECC 6.0). Satu bengkel *Foundation of SAP* (SAP01) yang dianjurkan oleh Syarikat K-Pintar Sdn. Bhd. di Wisma Goshen, Bangsar pada 23 November hingga 25 November 2016 telah dihadiri oleh enam (6) orang pegawai dari Unit Aplikasi, PPPA. Objektif utama bengkel ini adalah untuk:

- Memberi pendedahan secara teori dan praktikal asas SAP kepada para pegawai.
- Meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam penggunaan SAP.
- Mengatasi masalah kebergantungan kepada *vendor* bagi melaksanakan pembangunan projek.
- Melahirkan warga kerja yang berpengetahuan dalam teknologi terkini.

LATIHAN PERAKAUNAN AKRUAN DAN PENGURUSAN PERUBAHAN

Latihan Perakaunan Akruan

Latihan Perakaunan Akruan yang telah dirancang dan dapat dilaksanakan sepenuhnya ialah Kursus *Standard Operating Procedure* (SOP) – Day 2 dan *Kursus Chief Financial Officer*, masing-masing dengan tujuh (7) siri dan dua (2) siri, di mana telah dihadiri oleh 357 peserta.

1. Kursus *Standard Operating Procedure* (SOP) Day 2

- Kursus ini merangkumi tiga (3) modul iaitu:
 - i. Modul 1 – Aset Ketara
 - ii. Modul 2 – Kontrak *Public Private Partnership* (PPP) and *Private Finance Initiatives* (PFI)
 - iii. Modul 3 – Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan
- Kursus ini diadakan khas untuk akauntan di Kementerian dan JANM Negeri/Cawangan yang telah menghadiri Kursus Manual Perakaunan Akruan pada tahun 2014. Ia bertujuan untuk membolehkan mereka memberikan latihan yang serupa kepada warga Kementerian dan JANM Negeri/Cawangan masing-masing.

2. Kursus *Chief Financial Officer* (CFO)

Kursus ini diadakan bagi memantapkan peranan Ketua Akauntan dan Pengarah JANM sebagai CFO yang akan menjadi penasihat kewangan bagi membantu pengurusan atasan membuat keputusan berdasarkan kepada maklumat kewangan yang betul dan tepat.

Program Pengurusan Perubahan

Sepanjang tahun 2016, empat (4) program Pengurusan Perubahan dengan 17 aktiviti telah dilaksanakan yang melibatkan pihak berkepentingan bagi mendapatkan *buy in* dalam memastikan kejayaan pelaksanaan perakaunan akruan.

1. Program *Top Level Stakeholder Engagement*

Program ini melibatkan pihak berkepentingan seperti Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Ketua Audit Negara. Program ini diadakan bagi mendapatkan sokongan dan komitmen *stakeholders* dalam pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan serta maklumbalas mengenai bagaimana maklumat di PKKP berasaskan akruan dapat digunakan oleh *stakeholders* dengan lebih berkesan.



Program *Top Level* Bersama Ketua Audit Negara

2. Perjumpaan Face To Face Dengan Ketua Akauntan dan PTJ Kementerian

Program ini diadakan bagi mengadakan perbincangan dengan Ketua Akauntan berhubung persediaan Kementerian dan PTJ dalam memastikan kejayaan Pelaksanaan Go Live Perakaunan Akruan. Status aktiviti-aktiviti Perakaunan Akruan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian/PTJ dimaklumkan untuk perkongsian serta dicontohi oleh pihak lain.

3. Program Sesi Interaktif Timbalan Akauntan Negara Operasi - TAN (O) Bersama Ketua Akauntan Kementerian

Program ini diadakan bagi memberi peluang dalam komunikasi dua hala secara semi-formal antara TAN (O) dengan Pengarah Bahagian di JANM dan Ketua Akauntan/Akauntan Kanan Kementerian dalam mengekalkan momentum pelaksanaan perakaunan akruan.

4. Program Sesi Teh Tarik 3 Layer – PPPA, BPTM & IA

Program yang dihadiri oleh Ketua Modul BPTM dan iA ini diadakan bagi menerapkan nilai *teamwork* antara JANM dan iA dalam memastikan kejayaan pembangunan sistem 1GFMAS dan Go Live 2018.



Sesi Teh Tarik 3 Layer – PPPA, BPTM & iA



LATIHAN 1 GOVERNMENT FINANCIAL MANAGEMENT AND ACCOUNTING SYSTEM (1GFMAS)

Latihan Modul HCM 1GFMAS yang dijalankan pada tahun 2016 dibahagikan kepada tiga (3) peringkat seperti berikut:

Latihan Kepada *Subject Matter Expert (SME)* HCM

Latihan kepada SME HCM telah diadakan pada 26 Januari hingga 29 Januari 2016 bertempat di makmal IPN Cyberjaya dan telah dihadiri oleh 30 orang *trainers* terpilih dari pelbagai kementerian dan JANM Negeri. Latihan disampaikan oleh tenaga pengajar dari unit HRPay BPTM.

Latihan *Refresher Human Capital Management (HCM)* Kepada *Trainers*

Sebanyak lapan (8) siri latihan *refresher* HCM mengikut zon telah diadakan pada 29 Februari hingga 3 Mac 2016. Tujuan latihan ini adalah untuk memberi latihan semula kepada *trainers* sebelum *trainers* memberi latihan kepada *Expert End User (EEU)* HCM. Siri latihan ini telah disampaikan oleh SME HCM yang dilantik. Latihan *refresher Train The Trainers (TTT)* yang dijalankan adalah seperti di Jadual 35.

Jadual 35 : Latihan Modul HCM – TTT 1GFMAS (*Refresher*)

Bil.	Makmal	Kementerian/JANM Negeri/JANM Cawangan	Bilangan TTT
1.	APMM Putrajaya	MOE, KPDKK, KWP, KKM, KPWKM dan JANM Selangor	30
2.	MOT Putrajaya	MOT, MOSTI, MOF, KSM, MOF, MINDEF, KKR, MITI, KKMM, KETTHA, KBS dan MPIC	50
3.	IPN Cyberjaya	KDN, JPM, NRE, KKLW, MOTAC, KPT, KPKT dan KLN	30
4.	JANM Kedah	JANM Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Perlis	19
5.	JANM Melaka	JANM Melaka, Johor dan Negeri Sembilan	29
6.	JANM Terengganu	JANM Terengganu, Pahang dan Kelantan	25
7.	JANM Sabah	JANM Sabah dan Cawangan Sabah	15
8.	JANM Sarawak	JANM Sarawak dan Cawangan Sarawak	25

Latihan HCM Kepada EEU

Latihan HCM kepada EEU telah diadakan bermula 7 Mac hingga 9 Jun 2016 berbanding perancangan asal pada 29 Februari sehingga 2 Jun 2016. Latihan ini melibatkan 13 siri latihan dan telah diadakan oleh kesemua Kementerian dan JANM Negeri/Cawangan kepada PTJ yang menjalankan proses gaji manual sedia ada. Secara keseluruhannya, sebanyak 7,765 EEU daripada 3,776 PTJ telah mengikuti latihan HCM sepanjang tempoh Mac hingga Jun 2016.



LAPORAN PENCAPAIAN

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) •
AKRAB •

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

MBJ JANM dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia dan ahli-ahli mesyuarat adalah terdiri daripada wakil pihak pengurusan iaitu Pengurusan Tertinggi JANM dan wakil pihak pekerja. Wakil pihak pekerja terdiri daripada seorang wakil dari setiap skim perkhidmatan yang ada di JANM.

Objektif MBJ JANM ditubuhkan adalah selaras dengan keperluan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai salah satu medium dua hala, di mana pihak pekerja diberikan saluran untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbangkan idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan JANM. MBJ JANM juga berfungsi sebagai forum perbincangan rasmi di antara pihak pengurusan dan wakil pekerja bagi membincangkan hal-hal yang menjurus kepada kepentingan pekerja di JANM di samping bertujuan untuk mengatasi sebarang masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja.

Pada tahun 2016, MBJ JANM telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali. Maklumat mesyuarat adalah seperti di Jadual 36:

Semua isu yang dibangkitkan oleh pihak pekerja telah berjaya dibincangkan dan diselesaikan oleh pihak pengurusan. Ringkasan penyelesaian isu adalah seperti di Jadual 37:

Jadual 36 : Maklumat Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Bil.	Tarikh	Lokasi
1.	25 Mac 2016	Ibu Pejabat JANM Putrajaya
2.	6 Jun 2016	Ibu Pejabat JANM Putrajaya
3.	25 Jul 2016	Wilayah Persekutuan Labuan
4.	24 Okt 2016	Ibu Pejabat JANM Putrajaya

Jadual 37 : Isu Yang Dibangkitkan Pada Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Jumlah Isu Dibangkitkan	Jumlah Isu Berjaya Diselesaikan	Jumlah Isu Yang Masih Tertunggak Dan Belum Diselesaikan (Selesai Tahun 2017)	Peratusan Penyelesaian Isu (%)
48	41	7	85.42

AKRAB

AKRAB adalah program Pembimbing Rakan Sekerja berkonsepkan rakan membantu rakan berteraskan kepada Asas Kaunseling Profesional.

Objektif AKRAB JANM adalah untuk menyediakan perkhidmatan membimbing bagi membantu rakan sekerja meningkatkan potensi dan kecemerlangan diri. Jadual 38 merupakan butiran aktiviti AKRAB JANM sepanjang tahun 2016:

Jadual 38 : Aktiviti AKRAB Sepanjang Tahun 2016

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Tujuan / Bil. Peserta
1.	Jejak Ilmu (2) Ke Seoul, Korea: "Silaturahmi Merentas Budaya Komuniti Asia 2016"	26 – 31 Jan 2016	Seoul, Korea Selatan	Meningkatkan ilmu dan menghasilkan kemahiran psikologi kaunseling yang lebih efektif untuk dipraktikan di lapangan kerjaya organisasi/jabatan peserta. Bil. Peserta: Seorang ahli AKRAB
2.	Mesyuarat AKRAB JANM	29 Jan 2016 14 Apr 2016 28 Jul 2016 30 Nov 2016	Ibu Pejabat JANM	Mesyuarat diadakan secara sukuan tahun.
3.	Sesi Soal Selidik Kepuasan Ahli AKRAB	Feb 2016	–	Kajian minat, pengetahuan dan kepuasan ahli AKRAB JANM.
4.	Mesyuarat Bersama Penyelaras AKRAB	4 Apr 2016	Ibu Pejabat JANM	Perjumpaan bersama Penyelaras yang baharu bagi melaporkan status aktiviti AKRAB dan memperkenalkan ahli.
5.	Kursus Integriti Dalam Pengurusan Kewangan Melalui Pendekatan Psikologi	4 Mei 2016	JANM Sabah	1. Membantu staf memahami diri secara saintifik dan berintegriti dalam pengurusan kewangan melalui pendekatan psikologi. 2. Mengukur preferensi psikologis peserta dalam melihat dunia dan membuat keputusan dengan menjalankan ujian dan penaksiran Inventori Personaliti MBTI (<i>Myers Briggs Type Indicator</i>). Bil. Peserta: 20 orang

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Tujuan / Bil. Peserta
6.	Simposium AKRAB	24 Mei 2016	Dewan Serbaguna JANM	<p>Tema: Tak Kenal Maka Tak Cinta Membantu warga AKRAB meningkatkan ilmu pengetahuan dan memperkenalkan AKRAB kepada warga JANM di samping menganjurkan program kesihatan.</p> <p>Bil. Peserta: 196 orang</p>
7.	Program Pembikinan Klip Video Patriotik JANM 2016	1 Ogos 2016	JANM Sabah	<p>Memberi kesedaran kepada staf bahawa mereka berpotensi untuk menjadi individu berinovasi dan kreatif dalam menghasilkan video klip khususnya dalam bidang lagu-lagu patriotik.</p> <p>Kerjasama AKRAB dan Kelab Staf JANM Sabah.</p>
8.	Taklimat Panduan Pemilihan Bahasa Dalam Sociolinguistik	9 Sep 2016	JANM Sabah	<p>Melahirkan staf yang kreatif dan kritis dalam berkomunikasi dengan berkesan.</p> <p>Kerjasama AKRAB dan Kelab Staf JANM Sabah.</p>
9.	Program Keseronokan Bekerja (Reset Diri)	20 – 21 Sep 2016	Bangunan Mahkamah Syariah, Alor Setar, Kedah	<p>Mewujudkan suasana dan keseronokan bekerja dalam kalangan peserta khususnya dalam kalangan warga JANM Kedah dan memupuk semangat kerjasama dan semangat kekitaan.</p> <p>Bil. Peserta: 34 orang</p>
10.	Penguhan Bahasa Melalui Pendekatan Psikologi Dalam Program Berbalas Pantun	12 Okt 2016	JANM Sabah	<p>Memupuk minat, keyakinan dan keberanian yang tinggi untuk berucap di khalayak ramai dengan ucapan yang baik dan berkesan.</p> <p>Kerjasama AKRAB dan Kelab Staf JANM Sabah.</p>
11.	Program "Oh My Budget"	18 Okt 2016	Dewan Serbaguna JANM	<p>Bicara bijak menguruskan kewangan peribadi.</p> <p>Program AKRAB bersama BPPP.</p> <p>Bil. Peserta: 209 orang</p>

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Tujuan / Bil. Peserta
12.	Kursus Pengucapan Awam Dan Pengacaraan Majlis	8 Nov 2016	JANM Sabah	<p>Memberi informasi, pengetahuan, pengalaman dan maklumat dalam bidang pengucapan awam di samping dapat menimbulkan minat, keyakinan dan keberanian yang tinggi untuk berucap di khalayak ramai dengan ucapan yang baik dan berkesan.</p> <p>Kerjasama AKRAB dan Kelab Staf JANM Sabah.</p>
13.	<i>Top Host 2.0</i> JANM Sabah	1 Dis 2016	JANM Sabah	<p>Melahirkan bakat baharu dalam bidang pengacaraan di samping dapat menyampaikan sesuatu ucapan dan ceramah dengan baik apabila diberi tugas selain daripada sebagai pengacara majlis, penceramah atau pemedato.</p> <p>Kerjasama AKRAB dan Kelab Staf JANM Sabah.</p>
14.	Slot Motivasi Pagi	Sepanjang tahun 2016	JANM Sabah	Perkongsian ilmu melalui topik yang dipilih untuk semua warga JANM Sabah.
15.	Regangan Pagi	Sepanjang tahun 2016	JANM Sabah	Mengekalkan kesihatan selain menjaga pemakanan dengan melakukan regangan ringkas atau senaman di ruang kerja pejabat.



LAPORAN PENCAPAIAN

PERSATUAN

- PERASAMA •
- PERPENA •
- PERBAKTI •
- PUSPANITA •
- JHEAIN •

PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PERASAMA)

AHLI JAWATANKUASA PERASAMA SESI 2016/2017

PRESIDEN

YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa

TIMBALAN PRESIDEN

Encik Roslan bin A. Rahman

Setiausaha Kehormat

Encik Abdul Majid bin Salleh

Pembantu Setiausaha

Encik Mohamad Saiful Nizam Khan bin Abdul Sattar

Bendahari Kehormat

Tuan Haji Mat Nazri bin Harmine

Pembantu Bendahari

Encik Amiruddin bin Ab. Manaf

Pengerusi Biro Ekonomi

Encik Zaharin bin Othman

Timb. Pengerusi Biro Ekonomi

Encik Mohd Farid bin Mohd Khalid@Ayob

Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial

Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali

Pengerusi Biro Profesional

YBrs. Dr. Shahril bin Baharim

Timb. Pengerusi Biro Profesional

Encik Mohamed Syamsuddi bin Mohamed
Shamsudin

Pengerusi Biro Keahlian

Puan Naharriah binti Mohamed

Timb. Pengerusi Biro Keahlian

Puan Hariyanti binti Dahlan

Pengerusi Biro Komunikasi

Encik Muhammad Hadi bin Harith

Pengerusi Biro Tugas-tugas Khas

Encik Mohd Hairay bin Md Yusof

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERASAMA KE-27

Mesyuarat Agung Tahunan PERASAMA ke-27 telah diadakan pada 30 November 2016 di Dewan Serbaguna, JANM. Seramai 97 orang ahli dari pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Bendahari telah hadir ke mesyuarat tersebut. Pada Mesyuarat Agung kali ini, empat (4) orang Ahli Majlis sesi 2015/2016 telah melepaskan jawatan dan pemilihan bagi empat (4) Ahli Majlis dan dua (2) juruaudit yang baharu bagi sesi 2016/2017 telah diadakan.



Barisan Ahli Majlis PERASAMA Sesi 2016/2017

RAKAN SOKONGAN PENGANJURAN SEMINAR 'GST FOR THE GOVERNMENT SECTOR'

PERASAMA telah menjadi rakan sokongan kepada Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA) dan SALIHIN dalam penganjuran seminar 'GST for The Government Sector' yang berlangsung pada 23 Mac hingga 24 Mac 2016 di Kuala Lumpur dan 6 April hingga 7 April 2016 di Kuching, Sarawak. Seminar ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada agensi Kerajaan. Empat (4) orang wakil PERASAMA turut diberi *complimentary seat* untuk mengikuti program yang diadakan di Hotel Residen, Kuala Lumpur.

PERBINCANGAN BERSAMA INSTITUT PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM MALAYSIA (IBFIM)

Perbincangan ini bertujuan untuk meneroka peluang usaha sama strategik untuk mengikuti Program *Islamic Financial Planner* dan diiktiraf sebagai *Certified Islamic Financial Planner* kepada ahli PERASAMA. Perbincangan yang dipengerusikan oleh Presiden PERASAMA ini telah dihadiri oleh wakil IBFIM yang diketuai oleh Encik Mohamad Najib Shahrudin, *Head of Talent Development Department*, IBFIM. Turut serta dalam perbincangan ini adalah Encik Rosdi bin Abu, Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN).

PERSIDANGAN TAHUNAN *THE CHARTERED INSTITUTE OF PUBLIC FINANCE AND ACCOUNTANCY (CIPFA) 2016*

Persidangan yang berlangsung pada 12 Julai hingga 15 Julai 2016 bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para akauntan sektor awam berhubung isu-isu yang dibincangkan dan perkembangan yang mendalam berhubung pengurusan perakaunan dan kewangan dalam sektor awam di peringkat antarabangsa. Seramai lapan (8) orang peserta telah menyertai program ini yang diketuai oleh YBrs. Encik Saat bin Esa, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan ahli delegasi terdiri daripada akauntan-akauntan dari JANM, Pejabat Kewangan Negeri Terengganu dan Lembaga Pelabuhan Klang.

LAWATAN PERAKAUNAN AKRUAN KE INDONESIA

Lawatan yang berlangsung pada 29 Ogos hingga 1 September 2016 ini bertujuan untuk mendapatkan perkongsian pengalaman migrasi Kerajaan Indonesia daripada menggunakan dasar asas tunai kepada dasar perakaunan asas akruan sepenuhnya bagi tahun kewangan 2015. Seramai 34 orang peserta telah menyertai program ini yang diketuai oleh Encik Mohamad Azmi bin Ali, Timbalan Akauntan Negara (Operasi). Para delegasi terdiri daripada akauntan dan ahli akademik dari pelbagai Jabatan/Kementerian/Agensi.

PERSIDANGAN TAHUNAN KONGRES CPA AUSTRALIA 2016 DI SYDNEY, AUSTRALIA

Persidangan yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula 10 Oktober hingga 12 Oktober 2016 ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para akauntan sektor awam berhubung isu-isu dan cabaran profesion perakaunan di peringkat antarabangsa. Melalui persidangan ini juga, para akauntan dapat memahami secara lebih mendalam mengenai CPA Australia sebagai sebuah badan profesional perakaunan yang memainkan peranan dalam pembangunan dan hala tuju profesion perakaunan di Australia.

PERSATUAN PENOLONG AKAUNTAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (PERPENNA)

AHLI JAWATANKUASA PERPENNA SESI 2016/2018

PENAUNG

YBhg. Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin

PENASIHAT

YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa

PRESIDEN

Encik Arif bin Awang

TIMBALAN PRESIDEN

Encik Ahmad Yazid bin Md Lani

Setiausaha

Cik Kaslinda binti Sudin

Penolong Setiausaha

Cik Nor Azneyani binti Zakaria

Bendahari

Cik Sakinah binti Mohamed Yunus

Biro Pembangunan Kerjaya

Encik Azelan bin Tumin
Encik Ruzi bin Pungot
Puan Vasugi a/p M. Sethu

Biro Keahlian

Puan Nor Azah binti Mad Ali
Puan Madihah binti Md Nor
Puan Normala binti Hamzah

Biro Kebajikan

Encik Ngah bin Hitam
Puan Suhaila binti Md Salim
Tuan Hj. Umar bin Hj. Simam

Biro Sukan dan Rekreasi

Encik Abdul Samad bin Asmawi
Encik Mohd Ridzal bin Md Yusof
Encik Roslan bin Damri

Biro Publisiti dan Web

Encik Mohd Shahrizan bin Mhd Selamat
Encik Redzuan bin Shahidan

Pemeriksa Kira-Kira

Encik Kamsiazrul bin Sidek
Puan Misrah binti Jais

PERSIDANGAN PENOLONG AKAUNTAN SEKTOR AWAM KALI KE – 12

Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kali Ke – 12 dengan tema '*Accrual Accounting: Transformation & Embracing Change In Public Sector*' yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan (BPPP), JANM dengan kerjasama PERPENA telah diadakan di Hotel Equatorial, Pulau Pinang pada 15 Mei hingga 17 Mei 2016.

Persidangan yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia ini telah mendapat penyertaan seramai 503 orang Penolong Akauntan dari JANM Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan, Kementerian serta Badan Berkanun di seluruh Malaysia.

Objektif utama persidangan ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran dan pendedahan kepada semua Penolong Akauntan mengenai pelaksanaan dan peranan Penolong Akauntan ke arah pelaksanaan perakaunan akruan sektor awam yang akan dilaksanakan nanti. Selain itu, persidangan ini adalah salah satu landasan untuk mengeratkan lagi silaturahim di kalangan Penolong Akauntan lama dan baharu melalui perkongsian ilmu dan pengalaman kerja. Di samping itu,

persidangan ini juga dapat membantu JANM untuk memperkukuhkan jati diri Penolong Akauntan melalui aktiviti dan pembentangan kertas kerja sepanjang persidangan tersebut. Bagi menyokong objektif persidangan ini, tiga (3) penceramah telah dijemput untuk pembentangan kertas kerja dan sesi perkongsian ilmu iaitu:

1. **Encik Mohd Nazri bin Hassan** (Akauntan, PPPA, JANM): Perakaunan Akruan – 'Sebelum & Selepas Pelaksanaan Akruan'
2. **Encik Aswandi bin Omar** (Pegawai Psikologi, Kementerian Kerja Raya): *Change Management in 360°*
3. **Dr. Safari Elis** (Pakar Jantung, KPJ Pulau Pinang): '*Heart Choices Not Hard Choices*' .

Di samping itu, Mesyuarat Agung Tahunan PERPENA turut diadakan pada 15 Mei 2016 bagi membentangkan laporan tahunan, pembentangan usul, pencalonan dan pelantikan Ahli Jawatankuasa bagi sesi 2016/2018. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 304 ahli yang berdaftar sebagai ahli PERPENA.



Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kali Ke-12 Diadakan Di Hotel Equatorial, Pulau Pinang

PERTANDINGAN BOLING PERPADUAN DI ANTARA PERPENA, PERASAMA DAN PERBAKTI

PERPENA telah menganjurkan Pertandingan Boling Perpaduan pada 4 Disember 2016 bertempat di Megalane Endah Parade, Sri Petaling, Kuala Lumpur. Pertandingan yang julung kali diadakan ini melibatkan ketiga-tiga persatuan di bawah naungan JANM iaitu Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERASAMA), PERPENA dan Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI) bagi Zon Tengah. Pertandingan ini bertujuan untuk mengeratkan ikatan silaturahim di antara ketiga-tiga persatuan seterusnya dapat memupuk semangat berkerjasama di antara satu sama lain.

Pertandingan yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohamad Azmi bin Ali, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) ini telah mendapat penyertaan seramai 39 orang peserta dari 14 kumpulan. Pertandingan ini telah dimenangi oleh wakil PERBAKTI yang membawa pulang hadiah utama iaitu wang tunai sebanyak RM300. Manakala naib johan dan tempat ketiga dimenangi oleh wakil PERPENA yang menerima hadiah wang tunai bernilai RM200 dan RM100.

PERSATUAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PERBAKTI)

AHLI JAWATANKUASA PERBAKTI TAHUN 2016

PENAUNG

YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin

PENASIHAT

YBrs. Encik Jafril bin Junit

YANG DIPERTUA

Encik Mio Asni bin Haji Mio Azlan

NAIB YANG DIPERTUA

Encik Arbain bin Talib

Setiausaha

Puan Noor Azlina binti Kadeh

Pen. Setiausaha

Encik Mohd Zulfikri bin Ab Jalil

Bendahari

Encik Ahmad Hilmi bin Abd Wahab

Ahli Jawatankuasa

Encik Zakaria bin Arjam
Encik Alias bin Che Rose
Encik Mohd Hairildha bin Urif
Encik Wan Ainol Hasnan bin W. Kassim
Puan Ramsuhaida binti Ramli
Puan Saida binti Mumin
Encik Zulkarnain bin Saleh
Puan Masitah binti Hashim
Encik Mohd Al Hafiz bin Ahmad

Wakil Zon Utara

Encik Majib bin Jusoh

Wakil Zon Timur

Encik Mohd Nawawi bin Besar

Wakil Zon Tengah

Puan Siti Nashrah binti Mohd Razali

Wakil Zon Barat

Encik Mohd Hairul Shahril bin Jaafar

Wakil Zon Selatan

Kosong

Wakil Sabah/Sarawak

Puan Norieta binti Hambali

Pemeriksa Kira-Kira I

Puan Ana Umilhusna binti Zulkifli

Pemeriksa Kira-Kira II

Puan Siti Noraishah binti Mastuki

HARI JUALAN PERBAKTI

PERBAKTI telah menganjurkan Hari Jualan PERBAKTI sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2016 iaitu pada 29 Februari hingga 1 Mac 2016 dan 20 Oktober hingga 21 Oktober 2016. Hari Jualan PERBAKTI mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peniaga-peniaga sekitar Putrajaya dan Bangi.

PERTANDINGAN BOLING PERPADUAN ANJURAN PERPENA

PERBAKTI telah menyertai Pertandingan Boling Perpaduan yang dianjurkan oleh Persatuan Penolong Akauntan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (PERPENA) pada 4 Disember 2016 bertempat di Megalane Endah Parade, Sri Petaling, Kuala Lumpur. Objektif pertandingan ini adalah untuk mengeratkan ikatan silaturahim dan perpaduan antara persatuan PERASAMA, PERPENA dan PERBAKTI.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERBAKTI KALI KE-6

Mesyuarat Agung Tahunan PERBAKTI Kali Ke-6 telah diadakan pada 15 Disember 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Seramai 150 ahli dari pelbagai Kementerian dan Jabatan di Putrajaya telah menghadiri mesyuarat tersebut. Mesyuarat Agung pada kali ini turut mengadakan pemilihan Ahli Jawatankuasa Induk PERBAKTI yang baharu.

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA) JANM

AHLI JAWATANKUASA PUSPANITA JANM TAHUN 2016

PENGERUSI

YBhg. Datin Hajah Fuziah binti Ahmad

TIMBALAN PENERUSI I

Puan Jasmin binti Adnan

TIMBALAN PENERUSI II

Puan Nazriyah binti Darus

KETUA PEGAWAI OPERASI

Puan Noraida binti Alias

Setiausaha

Puan Zaini binti Ismail (sehingga 31 Mei 2016)
Puan Fatimah binti Mohd Yazid (mulai 1 Jun 2016)

Penolong Setiausaha

Cik Norhazlini binti Mohd Zahit (sehingga 14 April 2016)
Puan Norhidayah binti Sumari (mulai 15 April 2016)

Bendahari

Cik Sunita binti Mohd Sari

Penolong Bendahari

Puan Noor Azmy Shuhada binti Ahmad

Biro Ekonomi dan Keahlian

Cik Siti Nurbahaya binti Yaudin
Puan Norazwin binti Zainal
YBhg. Datin Zuraidah binti Ishak
Puan Nor Kameliy binti Md Kadri

Biro Sukan dan Sosial

Puan Rashidah binti Mohd Rasib
Puan Hairani binti Rasimin
Cik Kaslinda binti Sudin
Puan Zuliza binti Razali

Biro Kebajikan dan Agama

Puan Julia binti Jaafar
Puan Amiza binti Jaafar

Biro Pendidikan dan Kesihatan

Puan Noor Fazriyana binti Tajuddin
Puan Siti Norzainey binti Zulkifli

AKTIVITI PUSPANITA JANM

Aktiviti PUSPANITA JANM yang dijalankan sepanjang tahun 2016 adalah seperti di Jadual 39:



Barisan Ahli Jawatankuasa Bersama Penasihat PUSPANITA JANM 2016

Jadual 39 : Aktiviti PUSPANITA JANM Sepanjang Tahun 2016

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Tujuan
1.	Penyerahan Sumbangan Kepada Asrama Tahfiz Madrasah Ar-Ridzuan Kg. Dato Ahmad Razali	19 Jan 2016	Asrama Tahfiz Madrasah Ar-Ridzuan Kg. Dato' Ahmad Razali	Membantu pihak pengurusan berikutan kejadian kebakaran yang berlaku di asrama berkenaan pada 18 Januari 2016.
2.	Program Ceramah Sempena Hari Ibu 2016	28 Apr 2016	Dewan Utama Perbendaharaan Malaysia	Memberi kesedaran mengenai kasih sayang, cara menghargai, menghormati dan mengekspresikan perasaan kepada para ibu.
3.	Program Ihya' Ramadan	24 Jun 2016	Surau JANM	Menganjurkan Solat Sunat Tasbih dan Solat Sunat Hajat yang dipimpin oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Redza bin Ahmad.
4.	Program Jom Cantik Dan Vogue	30 Ogos 2016	Dewan Serbaguna, JANM	Memberi input penjenamaan imej dan penampilan diri yang bersesuaian dengan imej diri dan organisasi. Ceramah disampaikan oleh Encik Hafiz Mustapha dari CuteCarry Sdn. Bhd.
5.	Penyerahan Sumbangan Kepada Madrasah Hadiqatun Nisa'	4 Okt 2016	Madrasah Hadiqatun Nisa'	Membantu meringankan urusan pengurusan pentadbiran madrasah.

JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM JABATAN AKAUNTAN NEGARA (JHEAIN)

AHLI JAWATANKUASA JHEAIN 2016

PENGERUSI

Encik Roslan bin A. Rahman

TIMBALAN PENGERUSI I

Tuan Hj. Mat Nazri bin Harmine

TIMBALAN PENGERUSI II

Encik Mohd Khairuddin bin A. Mulok

Setiausaha

Encik Mohd Taufik bin Ahmad

Naib Setiausaha

Puan Norbaini binti Ibrahim

Bendahari

Encik Osman bin Mantali

Naib Bendahari

Puan Nik Salma Irwani binti Ibrahim

Biro Dakwah

Puan Zyerullida binti Shahrudin
Encik Ismail Fahmi bin Abdul Manan
Encik Mohd Nazri bin Hassan
Encik Abd Jamil bin Mohd Noor
Encik Azlan bin Idris
Encik Suboh bin Hashim
Encik Zakaria bin Arjam
Encik Mohd Zulfikri bin Ab Jalil

Biro Dana/Ekonomi

Puan Nor Azneyani binti Zakaria

Biro Seranta

Encik Wan Mohd Aswad bin Wan Harun
Encik Shahrul Anwar bin Sahar
Encik Haris bin Che Hassim
Encik Ruzaima bin Mat Song


AKTIVITI JHEAIN 2016

Selaras dengan peranan JHEAIN dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti kerohanian, sebanyak empat (4) program telah dirangka dan dilaksanakan dalam tahun 2016. Objektif utama penganjuran program-program tersebut adalah bagi memperingati dan meraikan hari-hari kebesaran dalam Islam, menghayati dan mengamalkan nilai murni berlandaskan syariat Islam dalam menjalankan tugas seharian di samping memupuk sifat pembudayaan ilmu secara berterusan di kalangan warga kerja JANM.

Aktiviti-aktiviti ini adalah berbentuk ceramah agama dan solat-solat sunat seperti Solat Hajat dan Solat Tarawih. Ceramah-ceramah agama yang dirancang pula telah disampaikan oleh tokoh-tokoh ilmuwan agama yang tersohor dan program-program tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga JANM. Perincian program yang telah dianjurkan adalah seperti di Jadual 40:

Jadual 40 : Program Anjuran JHEAIN Pada Tahun 2016

Bil.	Program	Penceramah	Tarikh	Bil. Peserta
1.	Ceramah Sambutan Ambang Ramadan Al-Mubarak 1437H	Al-Fadhil Ustaz Amran bin Yusoff	27 Mei 2016	197 orang
2.	Ceramah Pembudayaan Al-Quran Dalam Persekitaran Kerja, Majlis Berbuka Puasa Dan Solat Tarawih JANM Tahun 2016	Al-Fadhil Syeikh Mahmood Abd Aziz bin Abd Ghonim	10 Jun 2016	113 orang
3.	Solat Hajat Memohon Kelancaran Projek 1GFMAS	YBrs. Tn. Hj Mat Nazri bin Harmine	12 Ogos 2016	47 orang
4.	Ceramah Sempena Awal Muharam 1438H	Al-Fadhil Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid	3 Nov 2016	243 orang



Ahli Jawatankuasa JHEAIN Bersama Akauntan Negara Malaysia Dan Al-Fadhil Ustaz Don Daniyal Bin Don Biyajid Semasa Program Ceramah Sempena Awal Muharam 1438H



LAPORAN PENCAPAIAN

KELAB
BERKAT •
KESAN •

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (BERKAT)

AHLI JAWATANKUASA BERKAT SESI 2016/2017

PENGERUSI

YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin

TIMBALAN PENGERUSI

YBr. Encik Saat bin Esa

Setiausaha

Puan Eba Juiata binti Taib

Penolong Setiausaha

Encik Mohd Izzuddin bin Jasni

Bendahari

Puan Hanita binti Bunjari

Penolong Bendahari

Puan Khairaini binti Ayob

AJK Sosial

YBhg. Dato' Zamimi bin Awang

AJK Kesihatan

Encik Rosdi bin Abu

AJK Keahlian

Puan Nik Hapsah binti Nik Hassan

AJK Kebajikan

Encik Abdul Majid bin Salleh

AJK Pendidikan

Puan Loh Siow Hui

AJK Promosi dan Komunikasi

Puan Ruzinah binti Rukun

BERKAT merupakan sebuah pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 yang menjalankan aktiviti kebajikan kepada ahli-ahlinya. Keahlian BERKAT adalah automatik bagi semua anggota yang berkhidmat di JANM dan semua anggota Perkhidmatan Perakaunan yang berumur 18 tahun ke atas serta warganegara Malaysia. Keahlian secara automatik ini memberi peluang kepada semua ahli menyumbang kepada ahli lain yang memerlukan bantuan.

Pada tahun 2016, sebanyak 236 permohonan Bantuan BERKAT berjumlah RM49,030.00 telah diluluskan oleh Jawatankuasa BERKAT daripada 268 permohonan ahli yang lengkap diterima. Pecahan kelulusan bayaran mengikut kategori Sosial, Kebajikan, Kesihatan dan Pendidikan adalah seperti di Jadual 41.

Jadual 41 : Kelulusan Bantuan BERKAT Tahun 2016


Kategori Bantuan	Bilangan Permohonan	Bilangan Kelulusan	Jumlah (RM)
Sosial	72	53	9,570.00
Kebajikan	73	69	19,150.00
Kesihatan	43	39	3,950.00
Pendidikan	80	75	16,360.00
Jumlah	268	236	49,030.00

PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN BANTUAN / SUMBANGAN BERKAT

Garis panduan bantuan/sumbangan BERKAT sentiasa disemak dan ditambah baik dari semasa ke semasa untuk kebajikan semua ahli. Di antara penambahbaikan garis panduan yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

1. Kadar bantuan kematian ahli diselaraskan kepada RM500 tanpa mengikut kategori ahli bujang atau berkeluarga. Kadar kematian keluarga ahli diselaraskan kepada RM250 setiap keluarga. Keluarga ahli terdiri daripada suami/isteri, ibu/bapa kandung, dan anak berumur tidak lebih 18 tahun/OKU.
** Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016.*
2. Kadar siling ahli yang susah diselaraskan kepada jumlah pendapatan kasar bulanan ahli dan suami/isteri RM4,000 dan ke bawah.
** Mesyuarat BERKAT Bilangan 4 Tahun 2016.*
3. Kadar sumbangan perayaan kepada setiap anak ahli yang susah dinaikkan daripada RM50 kepada RM70 tanpa sebarang jumlah maksimum.
** Mesyuarat Agung Dwi Tahunan BERKAT Tahun 2016.*
4. Kadar bantuan masuk wad diselaraskan berdasarkan bilangan hari masuk wad seperti berikut:
 - i. 1 – 3 hari (RM50)
 - ii. 4 – 10 hari (tambahan RM50)
 - iii. Minggu seterusnya (RM50 setiap genap seminggu)
 Kadar maksimum setiap ahli ditetapkan RM1,000 setahun.
** Mesyuarat BERKAT Bilangan 4 Tahun 2016.*

Carta 29 : Peratus Bantuan BERKAT Yang Disalurkan Kepada Ahli Tahun 2016



KELAB SUKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (KESAN)

AHLI JAWATANKUASA KESAN TAHUN 2016

PENASIHAT

YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin

YANG DIPERTUA

Encik Saat bin Esa

NAIB YANG DIPERTUA

Encik Ayub bin Zaidin

Setiausaha Kehormat

Puan Syalinna binti Majid

Penolong Setiausaha

Cik Zarfilla binti Mohd Ajil

Bendahari Kehormat/Ketua Biro Ekonomi

Cik Sunita binti Mohd Sari

Penolong Bendahari/AJK Biro Ekonomi

Encik Iszwan Shah bin Kamal Shah

Ketua Biro Sosial

Encik Azeman bin Miskah

AJK Biro Sosial

Encik Raub bin Osman
Cik Azliana Azlin binti Lamakasauk

Ketua Biro Sukan

Encik Mohd Sabree bin Yaakub

AJK Biro Sukan

Encik Norjayadi bin Musleh
Puan Zetiakmal binti Abdul Muiz

Ketua Biro Rekreasi

Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali

AJK Biro Rekreasi

Encik Mohd Asna bin Kamarulzaman
Puan Sharidah binti Harun

PESTA SUKAN PERBENDAHARAAN (PSP) MALAYSIA TAHUN 2016

Pesta Sukan Perbendaharaan (PSP) Malaysia 2016 telah berlangsung dari 14 Mei hingga 26 Mei 2016 dengan 19 acara sukan telah dipertandingkan. Pasukan *Excellent* JANM sekali lagi telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan PSP 2016. Secara keseluruhannya pasukan *Excellent* telah berjaya merangkul 10 pingat emas, enam (6) perak dan tiga (3) gangsa.



Pasukan *Excellent* JANM Telah Dinobatkan Sebagai Juara Keseluruhan PSP 2016

KARNIVAL SUKAN KESAN SRC BMMB

Bermula 28 Februari hingga 26 Mac 2016 telah diadakan Karnival Sukan KESAN dan SRC Bank Muamalat (BMMB) 2016 di Pusat Latihan Agrobank, Bangi dengan 11 acara sukan dipertandingkan. Secara keseluruhannya KESAN telah berjaya mengatasi SRC BMMB dalam karnival sukan yang julung-julung kali diadakan ini.



Pasukan KESAN Dan SRC BMMB Bergambar Kenangan Selepas Karnival

AHLI JAWATANKUASA LAPORAN AKTIVITI JANM 2016

PENAUNG

YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin
Akauntan Negara Malaysia

PENASIHAT

YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

PENGERUSI

Encik Jafril bin Junit
Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

AHLI JAWATANKUASA

Puan Norizan binti Mohd Yunos	(Wakil SPKP, BPPP)
Puan Nahariah binti Mohamed	(Wakil SPPS, BPPP)
Puan Azlin binti Md Isa	(Wakil SPPS, BPPP)
Cik Nuraini binti Ismail	(Wakil SKPSM, BPPP)
Encik Muhammad Amin bin Mohd Razali	(Wakil SKPSM, BPPP)
Puan Haliza binti Hashim	(Wakil BA MOF)
Puan Zuriyanti binti Abd Hamid	(Wakil BPOPA)
Encik Yazid bin Abd Razak	(Wakil BWTD)
Puan Zetiakmal binti Abdul Muiz	(Wakil PPPA)
Encik Amirul Sufri bin Mohd Saharudin	(Wakil BPOPP)
Encik Ismail Fahmi bin Abdul Manan	(Wakil BPTM)
Puan Suhaiza binti Mohd Abolah	(Wakil BKP)
Puan Nabilah binti Mohd Nasirudin	(Wakil BPAD)
Encik Noramin bin Juminen	(Wakil IPN)
Puan Eda Mariati binti Awang	(Wakil Unit Integriti)
Puan Siaw Chooi Chin	(Wakil Unit Undang-undang)
Encik Mohd Saiful Nizam Khan	(Wakil PERASAMA)
Cik Kaslinda Sudin	(Wakil PERPENA)
Puan Noor Azlina binti Kadeh	(Wakil PERBAKTI)
Puan Eba Juiata binti Haji Taib	(Wakil BERKAT)
Puan Syalinna binti Majid	(Wakil KESAN)
Puan Norbaini binti Ibrahim	(Wakil JHEAIN)
Puan Fatimah binti Mohd Yazid	(Wakil PUSPANITA)
Puan Siti Norhayati binti Mohd Ali	(Wakil AKRAB)

URUS SETIA

Puan Faziyatun binti Mohamed Yahya	Encik Muhammad Ashraf Faiz bin Muhd Nahravi
Cik Norfaezah binti Amad Bistomam	Encik Nik Mohd Rahimi bin Nik Mohd Nasir
Puan Siti Hanani binti Baharom	Encik Mohamad Yusman bin Saidin
Cik Hajar binti Abd Razak	Puan Anis Puteri binti Hamdan
Cik Azilahani binti Mahamad Rabaai	

TERBITAN

Diterbitkan secara tahunan

PENGHARGAAN

Pengerusi dan semua **Ahli Jawatankuasa**

Laporan Aktiviti 2016 **Jabatan Akauntan Negara Malaysia**

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyumbangkan masa, idea dan tenaga dalam penerbitan Laporan Aktiviti 2016 ini.



Inovasi dan Integriti Pemangkin
Merealisasikan Perakaunan Akruan

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Wilayah Persekutuan Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 03 - 8882 1000 Faks : 03 - 8882 1042

